

قَتِيقَن تِيْتَه

PETIKAN TITAH

"KERAJAAN beta juga telah menyediakan peruntukan undang-undang pada menjaga kesejahteraan orang ramai, misalnya Perintah Bank (Pin-daan) Tahun 2002 telah dikuatkuasakan sejak bukan Mac lalu yang bertujuan untuk menangani masalah pengambilan wang atau 'illegal deposit taking' dan seterusnya melindungi orang ramai daripada tertipu dengan Skim Cepat Kaya." - Titah sempena perayaan Hari Keputeraan baginda ke-56 di Istana Nurul Iman pada 15 Julai 2002 Masihi.

قليتا بروني Pelita BRUNEI

Membudayakan Masyarakat Bermaklumat



مانيسن ايمان

MANISNYA IMAN

"DARI Abu Hurairah Radiallahuanhu dia berkata: Aku mendengar Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda: Hak seorang Muslim ke atas seorang Muslim yang lain ada lima perkara: iaitu menjawab salam, menziarahi orang sakit, mengiringi jenazah, menghadiri undangan dan mendoakan orang beresin (mengucapkan Yerhamukallah)." - (Riwayat Al-Imam Bukhari).

TAHUN 49 BILANGAN 34

RABU 25 OGOS 2004/1425 رابو 9 رجب

DITERBITKAN PADA SETIAP HARI RABU

PERCUMA



Allah Selamatkan Pengantin Diraja

Di antara

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota
Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni
Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji
Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah

dengan

Yang Mulia Dayangku Sarah binti Pengiran Salleh Ab. Rahaman



Majlis Istiadat Bersuruh Diraja

9 September
diisytiharkan
Hari
Kelepasan
Awam

BANDAR SERI BEGAWAN, 24 Ogos. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berangkat ke Majlis Istiadat Bersuruh Diraja bagi Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah yang berlangsung dengan penuh istiadat di Baitur Rahmah, Istana Nurul Iman.

Istiadat disempurnakan di hadapan majlis Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, DKMB., DPKT., PHBS., dengan Yang Mulia Dayangku Sarah binti Pengiran Salleh Ab. Rahaman yang mana Majlis Istiadat Bersanding Pengantin Diraja akan berlangsung pada hari Khamis, 24 Rejab 1425 bersamaan 9 September 2004.

Maka dengan itu Jabatan Perdana Menteri dalam Surat Keliling hari ini memaklumkan bahawa tarikh tersebut adalah diisytiharkan sebagai Hari Kelepasan Awam.

Liputan oleh
Haji Ahat HI,
Abu Bakar HAR
dan Siti Aishah HS

maisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah bahawa Majlis Istiadat Bersuruh Diraja telah siap sedia.

Duli Yang Teramat Mulia menyabdakan supaya Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Digadong Seri Lela mengadap ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia untuk menyembahkan bahawa Majlis Istiadat Bersuruh Diraja telah siap sedia.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berangkat ke majlis istiadat tersebut.

Berangkat sama ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himamah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda Haji 'Abdul 'Azim, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Mateen.

Lihat muka 16



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam menitahkan Yang Amat Mulia Pengiran Indera Setia Diraja Sahibul Karib Pengiran Anak Haji Idris untuk mengepalai rombongan Bersuruh Diraja.

Kibarkan bendera sempena Istiadat Perkahwinan Diraja

BANDAR SERI BEGAWAN. - Adalah dimaklumkan kepada seluruh rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam iaitu mereka hendaklah mengibarkan bendera mulai pada hari Khamis, 10 Rejab 1425 bersamaan 26 Ogos 2004 hingga pada hari Selasa, 29 Rejab 1425 bersamaan 14 September 2004; bagi Pengiran-pengiran hendaklah mengibarkan bendera peribadi mereka, orang-orang yang dikurniakan

gelaran hendaklah mengibarkan bendera masing-masing dan bendera Negara Brunei Darussalam bagi orang ramai bagi Istiadat Perkahwinan Diraja di antara Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah dengan Yang Mulia Dayangku Sarah binti Pengiran Salleh Ab. Rahaman.

EDISI KHAS

BANDAR SERI BEGAWAN. - Sempena Istiadat Perkahwinan Diraja di antara Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah dengan Yang Mulia Dayangku Sarah binti Pengiran Salleh Ab. Rahaman, PELITA BRUNEI akan mengeluarkan Edisi Khas yang akan diterbitkan pada hari Sabtu, 28 Ogos 2004 yang memuatkan gambar-gambar di Majlis Istiadat

Bersuruh Diraja, Majlis Istiadat Membuka Gendang Jaga-Jaga, Atur Cara Program Istiadat Perkahwinan Diraja dan poster-poster.

Orang ramai boleh mendapatkan edisi tersebut di Ibu Pejabat Jabatan Penerangan, Lapangan Terbang Lama, Berakas dan cawangan-cawangan di seluruh negara, masjid-masjid, Rumah Persinggahan Kerajaan, hospital dan pusat-pusat membeli-belah.

ANTARA YANG MENARIK

Haluan :
Dasar luar Brunei berasaskan prinsip persahabatan, hormat-menghormati
- Muka 2

Kalendar dan
atur cara Istiadat
Perkahwinan Diraja
- Muka 5 dan 6

Kecemerlangan dan
kepujian bukan
sekadar nasib
- Muka 7

Berkenan kurniakan
Beret dan Lencana
Baru Skuadron
Tempur Khas (STK)
- Muka 8 & 9

Berangkat ke Majlis
Ramah Mesra
- Muka 12 & 13

Menziarahi orang
sakit banyak hikmah
- Muka 3 ANEKA

Sembahyang Qada:
Wajibkah
mendahulukannya
daripada
sembahyang tunai?
- Muka 4 ANEKA

TAHUKAH AWDA

ISTIADAT Membuka Gendang Jaga-Jaga diadakan apabila Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam hendak mengadakan istiadat yang besar-besaran seperti perpuspaan, perkahwinan diraja, berkhata dan bertindik atau istiadat yang disifatkan sedemikian. Istiadat diadakan di Lapau Pengadapan dimulai dengan titir gualan Gendang Jaga-Jaga yang diiringi tembakan meriam 21 das diikuti dengan titir gualan lagu Alih-Alihan Tengah dan Alih-Alihan Ujung yang masing-masing dengan iramanya. Setelah itu diikuti pula dengan gualan Genderang Perang untuk yang hadir yang layak digendangkan. - Sumber: Gendang Jaga-Jaga. Diterbitkan sempena Jubli Perak Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Menaiki Takhta (tt : 1 & 2).



25 OGOS 2004 BERSAMAAN 1425 رجب 9

MAHASISWA PERLU MEMILIKI SEMANGAT PATRIOTISME

SUDAH tiba masanya bagi para penuntut di luar negara untuk bersedia memainkan peranan selaku duta kecil Negara Brunei Darussalam dengan mempamerkan dan mempertahankan nilai-nilai dan tatasusila kebruneian. Mereka juga perlu bersikap proaktif dan memikul tanggungjawab dalam memperbetulkan apa-apa jua maklumat yang salah mengenai negara ini. Peranan mereka di luar negara cukup penting, kerana di samping ghairah untuk mencari ilmu, para penuntut perlu berani dan tampil ke hadapan bagi membetulkan mana-mana tafsiran yang salah mengenai Brunei.

Di samping itu, mereka juga perlu mempunyai semangat patriotisme iaitu cintakan raja, agama, bangsa dan negara. Dengan perpegang teguh kepada nilai-nilai patriotisme kita tidak akan mudah digugat oleh mana-mana pihak atau dipengaruhi oleh mana-mana individu dan organisasi yang mempunyai agenda sendiri. Kerana semangat patriotisme tidak boleh dijual beli atau ditukar ganti tetapi tetap bersemangat untuk berbakti kepada bangsa dan negara.

Semangat jati diri kebruneian dan sentiasa memelihara identiti nasional juga perlu wujud di mana jua warga pelajar berada. Keutuhan 'utap' yang bersendikan ajaran agama Islam, nilai-nilai kehidupan berbangsa dan bernegara akan dapat menunjukkan tanda-tanda isyarat bagi identiti nasional. Kekuatan utap itu hendaklah merangkumi ciri-ciri kesetiaan dan keperkasaan berakhlak tinggi, berilmu dan berkemahiran serta mempunyai minda untuk mencetuskan idea besar yang berinovasi. Yang paling utama bersedia menghadapi apa-apa jua cabaran dan ujian masa kini. Ini bermakna, para penuntut mesti mempunyai kekuatan serta tahan lasak dalam menempuhi sebarang apa jua ujian getir dan bukannya mudah rapuh dan patah semangat.

Menteri Perhubungan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Amar Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Zakaria bin Datu Mahawangsa Haji Sulaiman ketika merasmikan Perkampungan Sivik Mahasiswa/Mahasiswi Negara Brunei Darussalam Seberang Laut baru-baru ini menekankan bahawa ilmu pengetahuan saja tidak memadai tanpa adanya patriotisme atau semangat cintakan raja, bangsa, negara. Sesebuah negara boleh saja memiliki rakyat dan penduduk yang berilmu tetapi jika mereka tidak mempunyai semangat patriotisme, pembangunan yang dihasratkan tidak akan mudah dicapai. Ini bersesuaian dengan tema Perkampungan Sivik tahun ini iaitu 'Mahasiswa-Mahasiswi Patriotik Menunjangi Keteguhan Negara'.

Cita-cita dan aspirasi negara sebenarnya bukan sahaja untuk menjadikan rakyatnya berpengetahuan, berkemahiran, berhemah tinggi, berbudi luhur dan berakhlak mulia tetapi juga untuk mencapai kemajuan terutama dalam mempelbagaikan ekonomi negara. Justeru, para penuntut sama ada yang belajar di dalam mahupun di luar negara adalah merupakan aset dan harta paling berharga yang diletakkan harapan untuk memperkembangkan ekonomi dalam pelbagai bidang industri selain dari minyak dan gas. Bagi mencapai hasrat murni itu, negara memerlukan cerdik pandai yang bersedia bekerja bukan sahaja di sektor kerajaan tetapi juga swasta. Jika perlu, para penuntut bolehlah mendapatkan pengalaman dan kemahiran dengan bekerja di luar negara beberapa tahun sebelum kembali untuk sama-sama membangun bumi bertuah ini.

Selaku pewaris bangsa dan negara, maka kita semua termasuk para penuntut sebarang laut untuk terus mempertahankan kewujudan dan kesinambungan negara. Para mahasiswa-mahasiswi juga perlu lebih bersikap bijaksana dalam menilai yang mana intan dan yang mana permata. Mereka juga perlu sentiasa menghindarkan diri daripada fahaman-fahaman yang bertentangan dengan falsafah Melayu Islam Beraja (MIB) serta pengaruh-pengaruh akidah yang sesat dan bertentangan dengan akidah Islam yang diamalkan dan dihayati di Negara Brunei Darussalam.

Bagi meneruskan dan mewarisi kepimpinan negara, para mahasiswa-mahasiswi hendaklah dari sekarang mempersiapkan diri bagi memikul tanggungjawab untuk mengekalkan Negara Brunei Darussalam sebagai sebuah negara MIB. Tegakkanlah sentiasa MIB yang merupakan landasan kita bagi pembangunan sosial, politik dan ekonomi negara. Berusahalah memperolehi kejayaan cemerlang sebagai jambatan untuk kita membangun Negara Brunei Darussalam.

HALUAN...

DASAR LUAR BRUNEI BERASASKAN PRINSIP PERSAHABATAN, HORMAT-MENGHORMATI

Assalamualaikum
Warahmatullahi
Wabarakatuh

Bismillahir Rahmanir
Rahim

ALHAMDULIL-
LAHI Rabbil
'Aalameen, Wabi-
hee Nasta'eenu 'Alaa
Umuuriddunya Waddeen,
Wassalaatu Wassalaamu
'Ala Asyrafil Mursaleen,
Sayyidina Muhammiaddin,
Wa'alaa Aalihiee Wasah-
bihee Ajma'een, Waba'du.

Beta mendapat penghormatan yang amat tinggi menerima Ijazah Doktor Kehormat dari pusat pendidikan ternama ini. Beta ketahui catatan keserjanaan dan pencapaian cemerlangnya yang mendapat tempat yang istimewa di hati kesemua rakyat Ukraine.

Ianya dikenali di seluruh dunia akademik sebagai sebuah institusi dengan keunggulan yang tinggi serta tempat bermulanya sumbangan yang mengagumkan dalam bidang sains dan teknologi. Oleh itu, beta amat berbesar hati atas undangan dari Tuan Yang Terutama Presiden dengan kesempatan berada bersama tuan dan sememangnya mendapat penghormatan atas anugerah yang dikurniakan kepada beta pada hari ini.

Beta menerimanya dengan segala rendah hati juga bagi pihak rakyat beta serta atas pengiktirafan ikatan persahabatan dan muhibah yang terjalin di

antara kedua-dua buah negara kita.

Kita berasal dari dua buah negara yang berasal dari benua yang berbeza. Sebenarnya kita hanya baru-baru ini mengenali di antara satu sama lain. Namun demikian, dalam waktu yang singkat, kami di Negara Brunei Darussalam telah mula mengenali dengan begitu banyak mengenai negara tuan.

Untuk membalas sedikit sebanyak kemurahan hati serta layanan baik yang telah diberikan kepada beta pada hari ini, dengan ringkas beta ingin menerangkan bagaimana kami mencuba untuk membuat apa jua sumbangan yang dapat diberikan oleh negara kami yang kecil ini.

Beta ingin memulakan dengan memetik beberapa baris kata-kata yang beta pasti tuan semua ketahui. Ianya ditulis oleh seorang penyajak terkenal negara awda. Kata-kata ini adalah dari Shevchenko:

"Learn my brothers
Think and read
Learn from others
But never spurn
Your own."

Kata-kata yang indah itu ditulis 150 tahun yang lampau dari seorang penyajak yang tidak pernah mendengar mengenai Brunei, jelas membayangkan pendekatan kami terhadap dunia yang hebat di mana kita sama-sama didiami. Ianya memperlihatkan sebuah dunia di mana ma-


nusia saling menghormati, belajar di antara satu sama lain, di samping menghargai kesemua yang kita tawarkan di antara satu sama lain.

Di waktu yang sama, mereka mengingatkan kita agar tidak melupakan siapa diri kita sebenarnya. Mereka meminta kita mengakui legasi yang diturunkan kepada kita dari zaman lampau serta menghargai diri kita dan dari mana asal kita.

Ianya satu pandangan dunia bukan berasaskan kepentingan yang khusus dan bukannya mengikut dominasi, sama ada politik, budaya atau militari. Ianya berasaskan persahabatan, penghormatan dan kerjasama, mempunyai harga diri serta menghormati orang lain. Ianya adalah aspirasi kita dalam semua urusan kita dengan jiran tetangga kita juga dengan semua anggota masyarakat antarabangsa.

Oleh itu, komitmen kita yang mendalam terhadap segala prinsip dialog dan perundingan antarabangsa, betapa besar sekalipun sesuatu masalah, betapa lamanya sesuatu proses, betapa mengecewakan hasilnya.

Ini menunjukkan begitu banyak nilai yang amat berharga yang diajarkan kepada kita dalam kepercayaan kita. Kita juga sudah cukup berusia sebagai sebuah negara untuk mengetahui, sebagaimana tuan, pelbagai peralihan



TITAH Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Majlis Penganugerahan Ijazah Doktor Kehormat dari Universiti Teknik Kebangsaan Ukraine, Institut Politeknik KIEV, Ukraine pada 18 Jun 2004.

Terjemahan dari teks asal dalam bahasa Inggeris oleh Hajah Zahara HAM

dalam masa depan politik yang melanda kesemua negara. Kita telah memperoleh cukup banyak pengalaman sejak berabad-abad untuk menaruh nilai yang amat tinggi bagi kestabilan serta nilai yang amat rendah terhadap permusuhan dengan jiran tetangga kita.

Oleh itu, atas kesemua alasan ini, apa yang kita cari pada hari ini dalam segala urusan kita, pada kedua-dua peringkat kebangsaan mahupun antarabangsa adalah konsensus. Kami percaya bahawa semuanya dapat dicapai dengan baik dengan mempelajari di antara satu sama lain, mengenali serta memahami di antara satu sama lain dengan lebih baik juga agar sensitif terhadap keprihatinan khusus di antara satu sama lain.

Pengalaman kita dalam mengadakan perbincangan serta bekerja bersama kerajaan dan rakyat Ukraine menjadikan kita berasa bahawa tuan berkongsi

kesemua pandangan luas ini serta kesemua matlamat ini pada keseluruhannya.

Atas sebab inilah beta dengan penuh sukacita menerima undangan dari Presiden tuan untuk mengadakan lawatan negara ini serta menimbangkan bagaimana kita dapat meningkatkan hubungan unggul yang kita mula kembangkan ini. Atas sebab inilah juga beta berasa amat dihormati pada hari ini kerana diterima oleh universiti tuan.

Beta ucapkan berbilang-banyak terima kasih atas kesempatan berada bersama tuan sekalian juga kerana penghormatan yang diberikan kepada rakyat dan negara beta atas pengurniaan anugerah ini. Beta menerimanya dengan amat besar hati serta mengucapkan terima kasih yang tidak terhingga.

Sekian Wabillahit Taufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

IANYA satu pandangan dunia bukan berasaskan kepentingan yang khusus dan bukannya mengikut dominasi, sama ada politik, budaya atau militari. Ianya berasaskan persahabatan, penghormatan dan kerjasama, mempunyai harga diri serta menghormati orang lain. Ianya adalah aspirasi kita dalam semua urusan kita dengan jiran tetangga kita juga dengan semua anggota masyarakat antarabangsa.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkih, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri berkenan memotong kek sempena Ulang Tahun Ke-59 Hari Kemerdekaan Republik Indonesia bersama Duta Besar Republik Indonesia ke negara ini TYT Dr. Yusbar Jamil. Berangkat sama di majlis itu ialah YTM Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Hajah Zariah. - Gambar oleh Haji Masmaleh HMA.

Istiadat Membuka Naubat

Oleh Aliddin HM

BANDAR SERI BEGAWAN, 20 Ogos. - Istiadat Membuka Naubat berikutan kembalinya ke rahmatullah seorang Cheteria, Yang Amat Mulia Pengiran Lela Wijaya Pengiran Haji Yusof bin Pengiran Mohd. Limbang yang berusia 83 tahun telah dilangsungkan di Lapau di ibu negara di sini.

Almarhum Yang Amat Mulia Pengiran Lela Wijaya Pengiran Haji Yusof kembali ke rahmatullah pada hari Ahad yang lalu iaitu 1 Ogos 2004.

Istiadat dilangsungkan di hadapan majlis Yang Amat Mulia Pengiran Lela Cheteria Sahibun Najabah Pengiran Anak Haji Abdul Aziz.

Istiadat Membuka Naubat itu bermula dengan Majlis Bertahil yang dipimpin oleh Timbalan Mufti Kerajaan, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Paduka Setia Raja Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Suhaili.

Sementara doa tahlil pula dibacakan oleh Mufti Kerajaan, Yang Dimuliakan Lagi Dihormati Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned.

Istiadat diselenggarakan dengan Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah yang diimamkan oleh Mufti Kerajaan.

Berangkat sama ialah Yang Amat Mulia Pengiran-pengiran Cheteria, Menteri-

menteri Kabinet, Ahli-ahli Majlis Mesyuarat, Timbalan-timbalan Menteri, Pehin-pehin Manteri dan para pegawai kanan kerajaan.



ISTIADAT Membuka Naubat berlangsung di hadapan majlis Yang Amat Mulia Pengiran Lela Cheteria Sahibun Najabah Pengiran Anak Abdul Aziz. Majlis berlangsung di Lapau di ibu negara.

Sertai Festival Sains Remaja APEC Ke-3 di Beijing

BERAKAS, 31 Julai. - Para pelajar yang menyertai Festival Sains Remaja APEC Ke-3 kini sudah berada di Beijing, Republik Rakyat China untuk memulakan projek sains mereka di sana.

Antara pegawai kerajaan yang mengucapkan selamat belayar ialah



PEGAWAI Pentadbir dan Kewangan, Kementerian Pembangunan, Awang Haji Ibrahim bin Haji Hassan ketika menyerahkan bendera negara kepada ketua rombongan ke Festival Sains Remaja APEC Ke-3 di Beijing. - Gambar oleh Mohd. Zul-Izzi HD.

Oleh Abdullah Asgar

Pegawai Pentadbir dan Kewangan, Kementerian Pembangunan, Awang Haji Ibrahim bin Haji Hassan.

Rombongan tersebut yang diketuai oleh Awang Norirwadi bin Haji Ibrahim akan berada di Beijing untuk membuat beberapa projek sains bersama rakan-rakan mereka dalam negara-negara APEC sebagai usaha menguji kebolehan mereka dalam bidang sains agar satu hari nanti dapat melahirkan ahli-ahli sains muda yang pakar dan bagi mendedahkan mereka ke dunia sains yang sangat mencabar.

Mereka adalah terdiri peruntut-penuntut sekolah menengah dari beberapa buah sekolah terpilih yang diberi kepercayaan untuk mencuba kebolehan pelajaran sains mereka di peringkat serantau.

Hubungan mesra Brunei - Indonesia sentiasa terjalin

BERAKAS, 20 Ogos. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkih, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri bersabda menyatakan hubungan mesra antara Negara Brunei Darussalam dengan Republik Indonesia terjalin sejak kedua-dua buah negara menubuhkan hubungan diplomatik 20 tahun lalu.

Hubungan mesra antara kedua-dua buah negara yang juga merupakan jiran dekat adalah selaras dengan hasrat keduanya di peringkat serantau.

Sabda Duli Yang Teramat Mulia, Negara Brunei Darussalam adalah sebuah negara kecil, salah sebuah negara paling kecil di dunia dan Republik Indonesia pula adalah sa-

Oleh Abu Bakar HAR

ngat besar bukan saja di peringkat serantau tetapi juga sebuah negara yang sangat besar di dunia.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar bersabda demikian di Majlis Resepsi Sempena Ulang Tahun Ke-59 Hari Kemerdekaan Republik Indonesia di Pusat Persidangan Antarabangsa di sini.

Berangkat sama mengiringi Duli Yang Teramat Mulia ke majlis itu ialah Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Hajah Zariah.

Justeru ke arah itu, sabda Duli Yang Teramat

Mulia, kedua-dua buah negara dapat bekerjasama secara saksama, berkongsi idea, belajar daripada pengalaman antara satu sama lain dan hidup bersama secara aman dengan saling hormat-menghormati yang merupakan amat bermakna bagi kedua-dua buah negara.

Dalam banyak perkara, hubungan tersebut menggambarkan matlamat yang tinggi dalam kerjasama antarabangsa dan Negara Brunei Darussalam amat menghargainya.

Menyentuh mengenai kerjasama kedua-dua buah negara, Duli Yang Teramat Mulia bersabda, menyatakan jalinan dalam pelbagai bidang meliputi seperti pertahanan, per-ekonomian dan perdagangan, sosial dan hal-ehwal kebudayaan serta setentunya adalah Suruhanjaya

Bersama.

Sabda Duli Yang Teramat Mulia, hubungan kerjasama bukan hanya setakat itu saja malah terjalin kerjasama serantau dan antarabangsa terutama dalam mempromosikan kerjasama Selatan-Selatan.

Di majlis tersebut, Duli Yang Teramat Mulia juga telah menyampaikan ucapan tahniah kepada kerajaan dan rakyat Republik Indonesia serta melahirkan rasa puas hati di atas hubungan kerjasama kedua-dua buah negara di atas hubungan diplomatik selama 20 tahun.

Hadir sama di majlis itu ialah Duta Besar Republik Indonesia ke negara ini, Tuan Yang Terutama Dr. Yusbar Jamil bersama isteri, Ibu Praptiningsih dan jemputan-jemputan khas dari perwakilan negara-negara sahabat.

Lebih \$300 ribu berjaya dikutip

Oleh Siti Aishah HS



PENYERAHAN sumbangan/tajaan kepada Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Paduka Haji Awang Adanan selaku Pengerusi Jawatankuasa Persembahan Kebudayaan Istiadat Perkahwinan Diraja. - Gambar oleh Halim HS.

GADONG, 9 Ogos. - Lebih \$300 ribu berjaya dikutip hasil daripada kutipan sumbangan/tajaan yang diterima dari pihak syarikat-syarikat swasta dan orang perseorangan oleh Jawatankuasa Persembahan Kebudayaan bagi Istiadat Perkahwinan Diraja di antara Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah dengan Yang Mulia Dayangku Sarah binti Pengiran Salleh Ab. Rahaman.

Dalam ucapannya Pengerusi Bersama Jawatankuasa Tajaan, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Ratna Setia Dato Paduka Haji Awang Abdul Hapidz berkata, Istiadat Perkahwinan Diraja adalah suatu acara yang akan sekali lagi menempa sejarah di negara ini, di mana ia akan memberikan peluang semua orang untuk sama-sama melibatkan diri dalam memeriahkan acara-acara yang telah diaturkan oleh Jawatankuasa Persembahan Kebudayaan.

Majlis Penyerahan Tajaan tersebut diterima oleh Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Paduka Haji Awang Adanan selaku Pengerusi Jawatankuasa Persembahan Kebudayaan Istiadat Perkahwinan Diraja yang berlangsung di Hotel Centerpoint di sini.

Pembetulan

BERITA di muka surat 3 PELITA BRUNEI keluaran 28 Julai 2004 di bawah tajuk 'Skim Rintis Sistem Pendidikan Bersepadu bermula tahun depan' hendaklah dibaca kepada 'Skim Rintis Sistem Pendidikan Bersepadu bermula tahun ini'.

Sementara di para pertama hendaklah dibaca 'Kementerian Pendidikan berhasrat untuk melaksanakan Skim Rintis Sistem Pendidikan Bersepadu di semua sekolah rendah seluruh negara mulai tahun depan'.

Di para kelima pula hendaklah dibaca 'Perjumpaan itu khusus untuk berkongsi sama pengalaman dan maklumat terkini serta mendengar pandangan/idea Guru-guru Besar mengenai pelaksanaan SRSPB tahun ini dan isu

berkaitan kurikulum khususnya mengenai mata pelajaran, buku teks dan pengurusan penjadualan.

Manakala di para kesepuluh pula hendaklah dibaca 'Sementara pelaksanaan berperingkat juga akan dibuat bagi menjadikan mata pelajaran Pendidikan Islam diwajibkan kepada semua murid pra, darjah 1, darjah 2 dan darjah 3 yang beragama Islam. Mata pelajaran Sivik Tambahan pula untuk murid-murid yang bukan beragama Islam. Manakala Bahasa Arab adalah diwajibkan kepada semua murid yang beragama Islam dan menjadi pilihan bagi yang bukan beragama Islam. Dan mata pelajaran ini tidak diperiksakan. Tahun 2004 ini, mata pelajaran ini hanya diperkenalkan kepada murid-murid Darjah Satu. - Penyunting.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan anakanda baginda, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik berkenan menyertai senam robik di Padang Kelab Polo Jerudong Park.



BAGINDA amat menggalakkan rakyat dan penduduk di negara ini melakukan kegiatan-kegiatan fizikal sebagai amalan hidup sihat.

Gambar-gambar oleh
Haji Haranadi HB dan Hamadi HM

BAGINDA dan anakanda-anakanda baginda iaitu YTM Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik, YTM Paduka Seri Pengiran Anak Puteri 'Azemah Ni'matul Bolkiah dan YTM Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Fadzilah Lubabul Bulqiah berkenan berangkat menyertai acara hiking di Taman Rekreasi Bukit Shahbandar (atas kanan).



BERKENAN MENYERTAI SENAM ROBIK DAN HIKING ANJURAN PDB



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat menyertai acara senam robik dan hiking yang dianjurkan oleh Pasukan Polis Diraja Brunei (PDB) pada 15 Ogos lepas.

Keberangkatan tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia di Kelab Polo Jerudong Park dijunjung oleh Pesuruhjaya Polis, Dato Paduka Seri Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Johan.

Berangkat sama Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri 'Azemah Ni'matul Bolkiah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Fadzilah Lubabul Bulqiah.

Acara bermula dengan sesi senam robik yang disertai oleh lebih dari 1,000 orang pegawai dan kakitangan PDB.

Selepas senam robik di Padang Kelab Polo Jerudong Park, Kebawah Duli Yang Maha Mulia seterusnya berangkat ke Taman Rekreasi Bukit Shahbandar bagi acara hiking.

SEMANGAT yang ditunjukkan baginda bagi sama-sama acara hiking amat dikagumi dan menjadi penggalak kepada mereka yang hadir di Taman Rekreasi Bukit Shahbandar (atas kanan dan atas).

BAGINDA dan anakanda-anakanda baginda menamatkan acara hiking dengan penuh semangat dan mendapat tepukan gemuruh dari Pasukan Polis Diraja Brunei (PDB) dan mereka yang sama-sama hadir di taman tersebut (kiri).

SEBELUM meninggalkan Taman Rekreasi Bukit Shahbandar, baginda sempat melambaikan tangan kepada pihak penganjur dan orang ramai (kanan).



استعدادة فكريين دراج



دولي يفتخروا مليا فادري فخران موداحاج المهدري بالله
ابن سجاد واولي عظيم الميادان سري بكنز اساطان حاج حسن البقيع معز الدين والدولة
دي كيه عيم في دي في كيه في في ايح في اليس

دشن

يخيلادايغكو سارلابنت فخران صالح اي بي راحمان



Mulai Hari Selasa 8 Rejab 1425 hingga Hari Isnin 28 Rejab 1425
Bersamaan
24 Ogos 2004 hingga 13 September 2004

HARI SELASA	8 Rejab, 1425 bersamaan 24 Ogos, 2004	jam 2.30 petang	- Majlis Istiadat Bersuruh Diraja di Istana Nurul Iman, Bandar Seri Begawan.
HARI KHAMIS	10 Rejab, 1425 bersamaan 26 Ogos, 2004	jam 9.00 pagi	- Majlis Istiadat Membuka Gendang Jaga-jaga di Lapau, Bandar Seri Begawan.
HARI KHAMIS MALAM JUMAAT	11 Rejab, 1425 bersamaan 26 Ogos, 2004	jam 8.00 malam	- Istiadat Berjaga-jaga dan persembahan bercorak ugama di Istana Nurul Iman, Bandar Seri Begawan.
HARI JUMAAT MALAM SABTU	12 Rejab, 1425 bersamaan 27 Ogos, 2004	jam 8.00 malam	- Istiadat Berjaga-jaga dan persembahan bercorak ugama di Istana Nurul Iman manakala persembahan kebudayaan di Bandar Seri Begawan.
HARI SABTU MALAM AHAD	13 Rejab, 1425 bersamaan 28 Ogos, 2004	jam 8.00 malam	- Istiadat Berjaga-jaga dan persembahan bercorak ugama di Istana Nurul Iman manakala persembahan kebudayaan di Bandar Seri Begawan.
HARI AHAD MALAM ISNIN	14 Rejab, 1425 bersamaan 29 Ogos, 2004	jam 8.00 malam	- Istiadat Berjaga-jaga dan persembahan bercorak ugama di Istana Nurul Iman manakala persembahan kebudayaan di Bandar Seri Begawan.
HARI ISNIN MALAM SELASA	15 Rejab, 1425 bersamaan 30 Ogos, 2004	jam 8.00 malam	- Istiadat Berjaga-jaga dan persembahan bercorak ugama di Istana Nurul Iman manakala persembahan kebudayaan di Bandar Seri Begawan.
HARI SELASA MALAM RABU	16 Rejab, 1425 bersamaan 31 Ogos, 2004	jam 7.30 malam	- Majlis Istiadat Menghantar Tanda Diraja di Istana Nurul Iman, Bandar Seri Begawan. - Majlis Istiadat Menerima Tanda Diraja di Istana Nurul Iman, Bandar Seri Begawan. - Istiadat Berjaga-jaga di Istana Nurul Iman manakala persembahan kebudayaan di Bandar Seri Begawan.
HARI RABU	16 Rejab, 1425 bersamaan 1 September, 2004	jam 2.30 petang	- Majlis Istiadat Menghantar Pertunangan Diraja di Istana Nurul Iman, Bandar Seri Begawan. - Majlis Istiadat Menerima Pertunangan Diraja di Istana Nurul Iman, Bandar Seri Begawan.
HARI RABU MALAM KHAMIS	17 Rejab, 1425 bersamaan 1 September, 2004	jam 8.00 malam	- Istiadat Berjaga-jaga dan persembahan bercorak ugama di Istana Nurul Iman manakala persembahan kebudayaan di Bandar Seri Begawan.
HARI KHAMIS MALAM JUMAAT	18 Rejab, 1425 bersamaan 2 September, 2004	jam 8.00 malam	- Istiadat Berjaga-jaga dan persembahan bercorak ugama di Istana Nurul Iman, Bandar Seri Begawan.
HARI JUMAAT MALAM SABTU	19 Rejab, 1425 bersamaan 3 September, 2004	jam 8.00 malam	- Istiadat Berjaga-jaga dan persembahan bercorak ugama di Istana Nurul Iman manakala persembahan kebudayaan di Bandar Seri Begawan.
HARI SABTU	19 Rejab, 1425 bersamaan 4 September, 2004	jam 2.00 petang	- Majlis Istiadat Akad Nikah Pengantin Diraja di Masjid Omar 'Ali Saifuddin, Bandar Seri Begawan.
HARI SABTU MALAM AHAD	20 Rejab, 1425 bersamaan 4 September, 2004	jam 8.00 malam	- Istiadat Berjaga-jaga dan persembahan bercorak ugama di Istana Nurul Iman manakala persembahan kebudayaan di Bandar Seri Begawan.
HARI AHAD MALAM ISNIN	21 Rejab, 1425 bersamaan 5 September, 2004	jam 7.30 malam	- Majlis Istiadat Berbedak Pengantin Diraja (Pengantin Lelaki) di Balai Singgahsana Indera Buana, Istana Nurul Iman, Bandar Seri Begawan. - Majlis Istiadat Berbedak Pengantin Diraja (Pengantin Perempuan) di Balai Singgahsana Indera Buana, Istana Nurul Iman, Bandar Seri Begawan. - Istiadat Berjaga-jaga di Istana Nurul Iman manakala persembahan kebudayaan di Bandar Seri Begawan.
HARI ISNIN MALAM SELASA	22 Rejab, 1425 bersamaan 6 September, 2004	jam 8.00 malam	- Istiadat Berjaga-jaga dan persembahan bercorak ugama di Istana Nurul Iman manakala persembahan kebudayaan di Bandar Seri Begawan.
HARI SELASA MALAM RABU	23 Rejab, 1425 bersamaan 7 September, 2004	jam 8.00 malam	- Istiadat Berjaga-jaga dan persembahan bercorak ugama di Istana Nurul Iman manakala persembahan kebudayaan di Bandar Seri Begawan.
HARI RABU MALAM KHAMIS	24 Rejab, 1425 bersamaan 8 September, 2004	jam 7.30 malam	- Majlis Istiadat Berinai Pengantin Diraja (Pengantin Lelaki) di Balai Singgahsana Indera Buana, Istana Nurul Iman, Bandar Seri Begawan. - Majlis Istiadat Berinai Pengantin Diraja (Pengantin Perempuan) di Balai Singgahsana Indera Buana, Istana Nurul Iman, Bandar Seri Begawan. - Istiadat Berjaga-jaga di Istana Nurul Iman manakala persembahan kebudayaan di Bandar Seri Begawan.
HARI KHAMIS	24 Rejab, 1425 bersamaan 9 September, 2004	jam 9.00 pagi	- Majlis Istiadat Bersanding Pengantin Diraja di Balai Singgahsana Indera Buana, Istana Nurul Iman dan seterusnya Pengantin Diraja diarak sekeliling Bandar Seri Begawan.
HARI KHAMIS MALAM JUMAAT	25 Rejab, 1425 bersamaan 9 September, 2004	jam 8.00 malam	- Istiadat Berjaga-jaga dan persembahan bercorak ugama di Istana Nurul Iman, Bandar Seri Begawan.
HARI JUMAAT MALAM SABTU	26 Rejab, 1425 bersamaan 10 September, 2004	jam 7.30 malam	- Majlis Persantapan Diraja di Istana Nurul Iman, Bandar Seri Begawan. - Istiadat Berjaga-jaga di Istana Nurul Iman manakala persembahan kebudayaan di Bandar Seri Begawan.
HARI SABTU MALAM AHAD	27 Rejab, 1425 bersamaan 11 September, 2004	jam 8.00 malam	- Istiadat Berjaga-jaga dan persembahan bercorak ugama di Istana Nurul Iman manakala persembahan kebudayaan di Bandar Seri Begawan.
HARI AHAD	27 Rejab, 1425 bersamaan 12 September, 2004	jam 2.30 petang	- Majlis Istiadat Pengantin Diraja Muleh Tiga Hari di Balai Singgahsana Indera Buana, Istana Nurul Iman, Bandar Seri Begawan.
HARI AHAD MALAM ISNIN	28 Rejab, 1425 bersamaan 12 September, 2004	jam 7.30 malam	- Majlis Istiadat Pengantin Diraja Muleh Tiga Hari di Balai Singgahsana Indera Buana, Istana Nurul Iman, Bandar Seri Begawan. - Istiadat Berjaga-jaga di Istana Nurul Iman manakala persembahan kebudayaan di Bandar Seri Begawan.
HARI ISNIN	28 Rejab, 1425 bersamaan 13 September, 2004	jam 2.30 petang	- Majlis Istiadat Membaca Doa Selamat dan Menutup Gendang Jaga-jaga di Istana Nurul Iman, Bandar Seri Begawan.



Kalendar

Acara-acara Persembahan

Kebudayaan Sempena

Istiadat Perkahwinan Diraja

dari 27 Ogos - 12 September

Tarikh	Kawasan Lapang Berhadapan Bangunan Alat Kebesaran Diraja Bandar Seri Begawan	Taman Jubli Perak Bandar Seri Begawan
Jumaat 27. 8. 2004	Persembahan Daerah Brunei dan Muara	Persembahan Gabungan Pasukan Beruniform
Sabtu 28. 8. 2004	Persembahan Majlis Belia dan Majlis Wanita	Persembahan Daerah Tutong
Ahad 29. 8. 2004	Persembahan Persatuan Bank-bank	Persembahan Gabungan Syarikat Brunei Shell
Isnin 30. 8. 2004	Persembahan Gabungan Pasukan Beruniform	Persembahan Sekolah-sekolah dan Maktab-maktab serta Institusi-institusi Pengajian Tinggi
Selasa 31. 8. 2004	Persembahan Gabungan Syarikat Brunei Shell	Persembahan Gabungan DST
Rabu 1. 9. 2004	Persembahan Pentarama Jabatan Penerangan	Persembahan Majlis Belia dan Majlis Wanita
Khamis 2. 9. 2004	Pertandingan Hadrah Sekolah-sekolah (saringan)	Pertandingan Irama Dakwah/Syair
Jumaat 3. 9. 2004	Persembahan Masyarakat Antarabangsa	Persembahan Sekolah-sekolah dan Maktab-maktab serta Institusi-institusi Pengajian Tinggi
Sabtu 4. 9. 2004	Persembahan Daerah Belait	Persembahan Daerah Temburong
Ahad 5. 9. 2004	Persembahan Persatuan Masyarakat Tionghoa Bandar Seri Begawan	Persembahan Persatuan Bank-bank
Isnin 6. 9. 2004	Persembahan Sekolah-sekolah dan Maktab-maktab serta Institusi-institusi Pengajian Tinggi	Persembahan Dewan Perniagaan Kebangsaan
Selasa 7. 9. 2004	Persembahan Dewan Perniagaan Kebangsaan	Persembahan Artis-artis Luar Negeri
Rabu 8. 9. 2004	Persembahan Artis-artis Luar Negeri	Persembahan Sekolah-sekolah dan Maktab-maktab serta Institusi-institusi Pengajian Tinggi
Khamis 9. 9. 2004	Pertandingan Akhir Hadrah Sekolah-sekolah	Pertandingan Irama Dakwah/Syair
Jumaat 10. 9. 2004	Persembahan Gabungan DST	Festival Silat
Sabtu 11. 9. 2004	Persembahan Sekolah-sekolah dan Maktab-maktab serta Institusi-institusi Pengajian Tinggi	Pertandingan Karaoke
Ahad 12. 9. 2004	Persembahan Artis-artis Radio Televisyen Brunei	Persembahan Sekolah-sekolah dan Maktab-maktab serta Institusi-institusi Pengajian Tinggi

* Tertakluk kepada perubahan

DOKUMENTARI KHAS SEMPENA ISTIADAT PERKAHWINAN DIRAJA

BANDAR SERI BEGAWAN. - Radio Televisyen Brunei (RTB) akan menayangkan sebuah dokumentari khas tiga episod sempena meraikan Istiadat Perkahwinan Diraja di antara Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah dengan Yang Mulia Dayangku Sarah binti Pengiran Salleh Ab. Rahaman, bertajuk 'Memelai Diraja ... Detik Pertemuan'.

Liputan video terkini kedua-dua bakal memelai diraja dan gambar-gambar yang dikumpulkan beberapa tahun lalu telah disunting awal dengan begitu teliti oleh RTB bagi penonton berpeluang menikmati detik indah yang diperolehi melalui liputan lensa kamera RTB. Kini usaha menyempurnakan rancangan adalah pada peringkat akhir dan siap untuk ditayangkan sebagai sebahagian daripada sambutan perayaan sempena

Istiadat Perkahwinan Diraja.

Episod pertama akan mula ditayangkan pada 1 September, yang kedua pada 4 September dan episod ketiga pada 7 September 2004 mulai jam 8.50 malam, selepas siaran Berita Nasional. Ulang tayang setiap program ini akan disiarkan esoknya dalam Rancangan Rampai Pagi, jam 9.30 pagi.

Rancangan khas ini diterbitkan oleh Seksyen Dokumentari, Bahagian Berita, Hal Ehwal Semasa dan Sukan, Radio Televisyen Brunei.

MAKLUMAN

BANDAR SERI BEGAWAN. - Dimaklumkan kepada orang ramai bahawa Urusetia Jawatankuasa Penerangan dan Perhubungan Istiadat Perkahwinan Diraja yang ditempatkan di Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri, Lapangan Terbang Lama, Berakas telah mula beroperasi pada 23 Ogos 2004.

Urusetia berkenaan boleh dihubungi melalui talian telefon 2380947/2380973, fax: 2382548 dan emel: infoweb@brunet.bn. URL: www.royalwedding.infoto.org.bn.



YANG Amat Mulia Pengiran Anak Raheemah Sanaul Bolkiah binti Yang Amat Mulia Pengiran Maharaja Setia Laila Diraja Sahibul Irshad Pengiran Anak Haji Abdul Rahim menerima hadiah terbaik dan cemerlang oleh Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Utama Dr. Ustaz Haji Awang Mohd. Zain. - Gambar oleh Masri Osman.



YANG Amat Mulia Pengiran Anak Raheemah Sanaul Bolkiah binti Yang Amat Mulia Pengiran Maharaja Setia Laila Diraja Sahibul Irshad Pengiran Anak Haji Abdul Rahim berangkat bersama lain-lain pelajar dan ibu bapa di Majlis Penyampaian Hadiah Pelajar Cemerlang dan Pelajar Terbaik bagi sekolah-sekolah rendah, agama, persediaan Arab dan sekolah bukan kerajaan di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas. - Gambar oleh Masri Osman.

Kecemerlangan dan kepujian bukan sekadar nasib

BERAKAS, 11 Ogos. - Kecemerlangan dan kepujian yang dicapai oleh para pelajar bukanlah bergantung kepada nasib, bahkan ia adalah hasil usaha yang bersungguh-sungguh serta kefahaman mengenai satu-satu mata pelajaran, ketertarikan dan kesopanan serta keolahan dalam pergaulan yang berasaskan akhlak mulia. Kecemerlangan dan kepujian itu juga merupakan suatu cabaran, menghadapi suatu cabaran pula berkehendakkan kepada kekuatan.

Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Utama Dr. Ustaz Haji Awang Mohd. Zain menjelaskan perkara tersebut di Majlis Penyampaian Hadiah Pelajar Cemerlang dan Pelajar Terbaik bagi sekolah-sekolah rendah, agama, persediaan Arab dan sekolah bukan kerajaan. Majlis berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa di sini.

Yang Berhormat menambah, bahawa ketakwaan adalah sebenarnya merupakan suatu kekuatan bagi menghadapi pelbagai cabaran dalam kehidupan. Takwa, tambahnya lagi boleh menembusi jalan-jalan yang sukar, boleh melihat sinar harapan ketika menghadapi keadaan

**Oleh
Haji Ahmad HS**

gelap-gelita dan boleh menemui kemudahan dan keberkatan.

"Saya percaya bahawa ketakwaan boleh menjana kecemerlangan akademik kerana orang yang berilmu itu mempunyai nilai yang tinggi di sisi Allah. Ketakwaan menjana kecemerlangan rohani, kerana Al-Quran menghendaki manusia menyembah Allah dan beribadat sebanyak-banyaknya kepada Allah. Ketakwaan menjana akhlak yang tinggi kerana Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam diutus bagi menyempurnakan akhlak yang mulia, ketakwaan menjana kesihatan tubuh badan kerana badan yang sihat dari makanan yang halal itu membantu dalam menyempurnakan dan membanyakkan ibadat kepada Allah," tegas Yang Berhormat.

Di majlis itu Yang Berhormat juga menyentuh mengenai falsafah dan matlamat pendidikan Negara Brunei Darussalam di mana pendidikan adalah berdasarkan falsafah Melayu Islam Beraja (MIB).

Menurutnya, sistem

pendidikan sekarang ini ingin memberikan pendidikan yang seimbang dan sesuai dengan pendekatannya untuk memastikan semua aspek pendidikan, iaitu perkembangan intelek, rohani dan jasmani dapat dinikmati oleh semua pelajar agar mereka mempunyai penghayatan agama yang tinggi, pegangan asas akidah yang kukuh serta melahirkan pelajar-pelajar yang mempunyai daya intelek yang cemerlang.

"Masyarakat kita pada masa ini telah mengikuti dan mengalami perubahan pelaksanaan sistem pendidikan di negara ini khususnya di bidang pentadbiran sekolah-sekolah agama yang diserapkan dan ditadbir dalam satu bumbung melalui Sistem Pendidikan Bersepadu di bawah Kementerian Pendidikan. Perubahan ini mempunyai matlamat yang murni, khususnya supaya tiada lagi pelajar-pelajar yang tercir daripada menikmati pelajaran agama yang diajarkan di sekolah-sekolah agama," ujar Yang Berhormat.

Yang Berhormat kemudian menyampaikan hadiah-hadiah pelajar terbaik dan cemerlang seluruh negara. Seramai 294 orang pelajar menerima hadiah pelajar terbaik. Dari jumlah itu seramai 144 orang pelajar dari sekolah-sekolah kerajaan, 18 orang

sekolah-sekolah bukan kerajaan, 126 orang dari sekolah agama dan enam orang murid dari persediaan Arab, termasuk 20 pelajar menerima hadiah cemerlang.

Di majlis itu cucunda Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Yang Amat Mulia Pengiran Anak Raheemah Sanaul Bolkiah binti Yang Amat Mulia Pengiran Maharaja Setia Laila Diraja Sahibul Irshad Pengiran Anak Haji Abdul Rahim adalah antara pelajar yang menerima hadiah terbaik dan cemerlang.

Pemilihan murid-murid yang berjaya adalah berdasarkan kriteria-kriteria seperti mempunyai rekod kemajuan pelajar yang terbaik sepanjang persekolahannya, mempunyai budi pekerti akhlak yang mulia dan cergas serta bersedia melibatkan diri dalam kegiatan-kegiatan luar sekolah dan kegiatan berkebiasaan.

Hadiah-hadiah terbaik dan cemerlang adalah sumbangan daripada Jabatan Dewan Bahasa dan Pustaka, Pusat Da'wah Islamiyah, Bank Islam Brunei Berhad, Bank Pembangunan Islam Brunei Berhad, Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei (TAIB), dan Data Stream (DST) Sendirian Berhad.

ASEAN perlu tingkatkan kreativiti belia

GADONG, 8 Ogos. - Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Digadong Seri Lela Dato Seri Paduka (Dr.) Haji Awang Hussain berkata, Mesyuarat Hari Belia ASEAN yang bertemakan 'Belia dan Keusahawanan' sangat tepat ketika masyarakat ASEAN ketika ini hidup pada waktu yang sangat mencabar.

Bagaimanapun, Yang Berhormat melahirkan keyakinan bahawa belia ASEAN akan berjaya maju dengan dinamik dan berkualiti tinggi untuk menanggapi cabaran-cabaran itu.

Yang Berhormat menjelaskan perkara itu di Majlis Penyampaian Anugerah Belia ASEAN yang Mesyuarat Hari Belia ASEAN Ke-XI di Centre Point, Gadong di sini.

Katanya, kita hidup saling bergantung kepada dunia sejagat di mana dunia telah semakin kecil dan tanpa sempadan dan untuk menangani trend itu, tiap negara perlu meningkatkan semangat dan kreativiti belianya bagi memastikan masa depan rantau ASEAN akan terus menikmati keamanan, ke-

Oleh Samle HJ

makmuran dan stabil.

Yang Berhormat juga menjelaskan pada Mesyuarat Menteri-menteri ASEAN Ke-4 Mengenai Belia di Manila tahun lalu, para menteri telah menggariskan dalam Deklarasi Manila bahawa penyertaan belia dalam negara masing-masing boleh menyumbang kepada proses pembangunan.

"Dalam masa yang sama, belia perlu mencari peluang-peluang atau jalan bagi membolehkan mereka mengetahui potensi mereka masing-masing," ujar Yang Berhormat.

Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan yakin kerjasama yang erat dan koordinasi di kalangan belia, agensi kerajaan dan sektor pribet, belia ASEAN boleh memastikan mereka akan maju lebih jauh dan meningkatkan bagi masa depan yang lebih baik dengan bertenaga dan dinamik.

Katanya, mereka merupakan sumber inspirasi kepada golongan muda yang lain dengan keazaman mereka untuk berjaya

dalam kehidupan boleh dicapai melalui kerja keras dan dedikasi.

Penganugerahan Anugerah Belia ASEAN itu merupakan satu penghargaan kepada pencapaian belia-belia dalam negara ASEAN yang menceburi bidang-bidang yang dipilih termasuk bidang keusahawanan.

Persatuan Tiba Kampong Bersatu (TIBA) yang giat menggerakkan sektor perekonomian dengan penubuhan koperasi syarikat minyak yang bergerak maju telah dipilih selaku penerima anugerah bagi Negara Brunei Darussalam.

Sementara itu, perwakilan belia dari sembilan negara-negara anggota juga menerima anugerah yang disampaikan oleh Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Negara Brunei Darussalam telah diberi penghormatan untuk menjadi tuan rumah kepada Pertemuan Belia ASEAN Ke-XI di mana beberapa program menarik telah disusun termasuk pameran hasil kejayaan dan kemajuan oleh belia di negara-negara

ASEAN yang terpilih selaku penerima Anugerah Belia ASEAN.

Selain membuat persembahan dan pameran hasil kerja belia ASEAN, para delegasi dari negara anggota juga berkesempatan melawat Persatuan TIBA bagi meninjau perkembangan perusahaan yang dikendalikan di sana.

Sementara itu pada sebelah malam, para delegasi belia ASEAN telah diraikan pada Majlis Makan Malam yang diberikan oleh Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang

Berhormat Pehin Orang Kaya Digadong Seri Lela Dato Seri Paduka (Dr.) Haji Awang Hussain di The Empire and Country Club di Jerudong.

Hadir di majlis itu ialah Setiausaha Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Awang Haji Jemat bin Haji Ampal.

Pada majlis itu, Awang Haji Jemat telah menyampaikan cenderamata kepada para delegasi dari perwakilan anggota ASEAN yang menghadiri Pertemuan Belia ASEAN Ke-XI di negara ini.



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Awang Haji Jemat bin Haji Ampal menyampaikan cenderamata kepada seorang delegasi anggota ASEAN yang menghadiri Pertemuan Belia ASEAN Ke-XI. - Gambar oleh Mohd. Zul-Izzi HD.

Hadiri Mesyuarat Menteri-menteri Sukan Komanwel

Oleh Aliddin HM

BERAKAS, 10 Ogos. - Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Digadong Seri Lela Dato Seri Paduka (Dr.) Haji Awang Hussain berlepas ke Athens, Greece bagi menghadiri Mesyuarat Tidak Rasmi Menteri-menteri Sukan Komanwel pada 12 Ogos 2004 dan Pembukaan Rasmi Sukan Olimpik Ke-28 pada keesokan harinya 13 Ogos 2004.

Semasa mesyuarat itu Yang Berhormat dan Menteri-menteri Sukan Komanwel akan membincangkan mengenai isu-isu yang berkaitan seperti membanteras penggunaan dadah dalam sukan; wanita dalam sukan dan cara Komanwel membantu negara-negara anggota yang sedang membangun mengunjurkan acara-acara sukan bertaraf dunia. Memandangkan pada masa ini tidak ada mekanisme yang membolehkan Menteri-menteri Sukan Komanwel untuk berinteraksi.

Mesyuarat di Athens itu juga merupakan pertemuan pertama menteri-menteri tersebut sejak mesyuarat pertama mereka

pada bulan Ogos 2002 sempena Sukan Komanwel di Manchester, England.

Negara Brunei Darussalam juga menghantar satu kontinjen negara bagi menyertai Sukan Olimpik Ke-28 di Athens, Greece di mana atlet negara akan menyertai dalam acara sukan olahraga 1,500 meter.

Kontinjen negara ke Sukan Olimpik ini diketuai oleh Pengarah Belia dan Sukan, Awang Japar bin Bangkol.

Sukan Olimpik yang diadakan empat tahun sekali ini pernah disertai oleh Negara Brunei Darussalam semasa Sukan Olimpik di Atlanta, Georgia pada tahun 1996 dan Sukan Olimpik di Sydney, Australia pada tahun 2000 dengan menyertai acara menembak.



BERKENAN KU BERET DAN LE BARU SKUAD TEMPUR KHAS

MENANDATANGANI ... Baginda ketika berkenan menandatangani Lambaran Kenang-kenangan (atas).

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika berkenan mengurniakan Lencana Baru kepada seorang anggota Skuadron Tempur Khas (STK) (kanan).

MESRA ... Baginda ketika berkenan beramah mesra bersama seorang anggota STK (kanan sekali).



DOA SELAMAT ... Baginda sama-sama menadah tangan semasa doa selamat dibacakan (atas).

PESAMBAH ... Baginda ketika berkenan menerima pesambah oleh Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (kanan).



PERALATAN ... Baginda ketika berkenan meninjau pelbagai jenis peralatan yang digunakan oleh STK (kiri, kanan dan atas kanan).

URNIAKAN ENCANA RON S (STK)



Gambar-gambar oleh
Haji Haranadi HB
dan Ramli Tengah



SENJATA ... Baginda ketika berkenan meneliti sejenis senjata yang dipamerkan.



MENGUJI ... Baginda ketika berkenan menguji tembakan sejenis pistol yang digunakan oleh anggota STK (atas).



BERAMAH MESRA ... Baginda ketika berkenan beramah mesra bersama seorang pegawai ABDB (kanan).



BAGINDA disembahkan taklimat ketika berangkat ke lokasi persembahan kemahiran STK (atas kanan).

SANTAP ... Baginda ketika berkenan berangkat ke Majlis Santap seurus Majlis Pengurniaan Beret dan Lencana Baru STK (kiri).

ZIARAH ... Baginda ketika menerima junjung ziarah seorang pegawai ABDB (atas).



Perkampungan Sivik Mahasiswa-Mahasiswi Negara Brunei Darussalam Di Seberang Laut



TIMBALAN Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Paduka Haji Awang Adanan beramah mesra bersama para peserta Perkampungan Sivik. - Gambar oleh Abdullah HAD.

Interaksi bersama para pemimpin amalan baik

GADONG, 16 Ogos. - Interaksi bersama para pemimpin adalah amalan yang baik selain boleh membuahkan hasil dan boleh diguna pakai dalam kehidupan para peserta sivik dalam menempuh kehidupan berbangsa dan bernegara.

Pengarah Penerangan, Awang Haji Bujang bin Haji Masu'ut menyatakan demikian di Majlis Ramah Mesra Bersama peserta Perkampungan Sivik Mahasiswa-Mahasiswi Negara Brunei Darussalam Di Seberang Laut Tahun 2004 yang berlangsung di Hotel Centrepoint di sini.

Majlis juga diselenggarakan dengan Jamuan Ma-

**Oleh
Siti Aishah HS**

kan Malam sumbangan Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Paduka Haji Awang Adanan yang juga selaku tetamu kehormat majlis.

Lebih 60 peserta Perkampungan Sivik menyertai kursus lima hari itu yang antara lain mengikuti beberapa program perkampungan yang berteraskan kegiatan keagamaan, kepimpinan dan katatanegaraan.

Hadir sama di majlis

itu ialah Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja Dato Paduka Haji Awang Hazair; Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Dato Paduka Awang Haji Abdul Rahman; Setiausaha Tetap Kementerian Pendidikan, Dato Paduka Sheikh Haji Adnan, pegawai-pegawai kanan kerajaan, pegawai, kakitangan dan Ahli-ahli Jawatankuasa Penyelenggara Perkampungan berkenaan.

Hayati peranan diri sendiri sebagai pelajar

GADONG, 19 Ogos. - Kekhuatiran terhadap kualiti dan kemampuan generasi muda termasuk mahasiswa-mahasiswi di semua peringkat pengajian dalam menghadapi arus kemajuan dunia tanpa sempadan dan cabaran globalisasi bukanlah suatu yang tidak berasas.

Dalam keghairahan membicarakan kemajuan negara, masyarakat termasuk generasi muda terus dilanda oleh gejala-gejala sosial yang tidak sihat yang sebahagiannya boleh menghilangkan

**Oleh
Abu Bakar HAR**

identiti pewaris kepimpinan dan tamadun masa depan bangsa dan negara.

Pada umumnya terdapat tiga fenomena yang mencorakkan imej generasi muda yang setenunya mempunyai impak positif dan negatif kepada kehidupan sosial, beragama dan pembentukan saksiah generasi muda dan ke-

pada kemajuan negara seperti fenomena generasi muda yang mendukung kebangkitan Islam dan fenomena generasi muda yang terikut-ikut arus yang tiada menentu yang umumnya mempunyai imej ke arah kebebasan mutlak.

Pemangku Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Dato Seri Setia Haji Yusoff menekankan perkara tersebut di Majlis Penutupan Rasmi Perkampungan Sivik Mahasiswa/Mahasiswi Negara Brunei Darussalam Di Seberang Laut di Auditorium Maktab Jururawat Pengiran Anak Puteri Hajah Rashidah Sa'adatul Bolkiah di sini.

Katanya, ke arah memastikan kekhawatiran tersebut, mahasiswa-mahasiswi yang merupakan golongan cerdik pandai yang berkualiti hendaklah sentiasa memahami dan menghayati peranan dan misi yang perlu mereka mainkan bukan saja untuk kemajuan negara akan tetapi juga untuk kemajuan sendiri.

Antara peranan yang perlu dilakukan itu, menurut Pemangku Setiausaha Tetap KHEU termasuklah menjadi hamba dan khalifah di atas muka bumi, bertanggungjawab membina diri baik dari segi intelektual, spiritual mahupun jasmani, di samping menjadi penyiru kebaikan dan pencegah kemungkaran.

Untuk melaksanakan peranan tersebut mahasiswa-mahasiswi adalah diseru untuk memahami dan menghayati keperluan negara untuk mengulamkan intelektual dan mengintelektualkan ulama dengan harapan agar mereka ini akan sentiasa secara berterusan melengkapkan diri dengan ilmu-ilmu semasa dan ilmu-ilmu tradisi, kerana kualiti-kualiti tersebut mampu membawa negara kepada kemajuan pesat yang didasari oleh akhlak dan saksiah yang mantap.

Namun dalam menghadapi cabaran-cabaran tersebut mahasiswa-mahasiswi tidak terlepas dari menghadapi pelbagai pengaruh dan ancaman yang menuntut mereka untuk mempunyai kekuatan dalaman untuk menukarkannya menjadi peluang-peluang yang berharga untuk memperkukuh akhlak dan keperibadian diri.

Untuk itu, jelas Dato Seri Setia Haji Yusoff mereka haruslah mempunyai sikap negatif yang kritis untuk membolehkan mempunyai daya saing yang tinggi dalam membezakan maklumat-maklumat yang benar dari yang salah atau untuk mengguna pakai ajaran-ajaran yang betul berlandaskan Al-Quran dan Al-Hadis dan menolak dengan tegas ajaran-ajaran atau ajakan-ajakan yang bertentangan dengan ajaran Islam.

Jelas apa yang lebih penting dalam menghadapi cabaran-cabaran kehidupan di seberang laut, menurut beliau lagi adalah kesedaran untuk tidak mengabaikan tuntutan agama seperti ibadah solat dan puasa serta pembacaan Al-Quran, kerana agama itu adalah faktor penentu yang mencorakkan kehidupan sekarang dan masa hadapan.

Selain dari itu para siswa dan siswi yang mengikuti perkampungan tersebut dituntut supaya mempunyai semangat patriotik yang tinggi dan menyertai serta sentiasa menjaga, mempertahankan imej dan nama baik negara di mata dunia, di samping berperanan sebagai duta-duta negara yang menjadi cermin kepada orang-orang di sekeliling.

Perkampungan Sivik Mahasiswa-Mahasiswi Negara Brunei Darussalam Seberang Laut yang bermula sejak 15 Ogos lalu merupakan program pendidikan dan latihan yang mampu memberikan input-input kepimpinan, perubahan sikap dan minda, kemahiran-kemahiran, akhlak dan keilmuan kepada para peserta perkampungan berkenaan, di mana input-input tersebut adalah bermanfaat dalam pembinaan keperibadian yang menyeluruh seperti pembangunan fizikal bersepadu dengan pembinaan iman, pengalaman, syariat, pelaksanaan tanggungjawab sebagai seorang Islam serta pembangunan spiritual dan mental.

Dalam pada itu input-input berkenaan adalah sangat diperlukan dalam melahirkan mahasiswa-mahasiswi yang mempunyai pegangan akidah yang kukuh, daya intelektualisme yang tinggi, daya kepimpinan yang meyakinkan, kerohanian yang subur dan ketangkasan jasmani. Di akhir majlis para peserta telah menerima sijil penyertaan disampaikan oleh tetamu kehormat, di samping merakamkan kenangan bergambar ramai bersama Pengarah Penerangan, Awang Haji Bujang.



PEMANGKU Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama, Dato Seri Setia Awang Haji Yusoff menyampaikan sijil kepada seorang peserta Perkampungan Sivik Mahasiswa/Mahasiswi Negara Brunei Darussalam Di Seberang Laut. - Gambar oleh Masri Osman.

Ceburi bidang ketenteraan

RIMBA, 18 Ogos. - Peluang kerjaya di Kementerian Pertahanan dan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) harus menjadi pilihan utama yang patut diceburi bagi para mahasiswa-mahasiswi yang akan menamatkan pengajian mereka kelak, kerana apa jua bidang yang diperolehi di kementerian berkenaan akan mencapai kejayaan asalkan rajin dan bijak berusaha.

Setiausaha Tetap (Dasar dan Pentadbiran), Kementerian Pertahanan, Yang Dimuliakan Pehin Datu Singamanteri Kolonel (L) Dato Paduka Haji Mohd. Yasmin berucap demikian semasa lawatan peserta Perkampungan Sivik Mahasiswa-Mahasiswi Negara Brunei Darussalam Di Seberang

**Oleh
Siti Aishah HS**

Laut ke ABDB yang berlangsung di Markas Angkatan Tentera Udara Diraja Brunei (ATUDB) di sini.

Dalam kenyataan Yang Dimuliakan, menurut statistik terakhir seramai 84 orang pegawai tentera berijazah (18 peratus dari jumlah pegawai keseluruhan) berkhidmat di kementerian berkenaan dalam pelbagai bidang, iaitu 33 orang daripadanya mempunyai kelulusan kejuruteraan, empat orang pegawai berijazah perundangan, enam orang pegawai berkelulusan perubatan, 29 orang pegawai berijazah Sarjana Muda Sastera dan 13 orang pegawai berijazah Sarjana Muda Sains.

Yang Dimuliakan berkata, Kementerian Pertahanan menempatkan sumber tenaga manusia di tengah-tengah, sebagai sumber dalam mencapai matlamat-matlamat strateginya, yang memerlukan pelajar-pelajar seperti mereka, berkelulusan dan bijak menggunakan dan mengamalkan pengetahuan yang diperolehi untuk sama-sama menerajui Kementerian Pertahanan di masa mendatang.

Semasa lawatan itu juga, para mahasiswa-mahasiswi Perkampungan Sivik didedahkan dengan persekitaran

di Kementerian Pertahanan dan turut menyaksikan pameran statik daripada pesawat-pesawat sistem pertahanan udara 'mistral' serta peralatan-peralatan dan fungsi skuadron.

Antara lain Kementerian Pertahanan berperanan untuk mempertahankan kedaulatan negara, keutuhan wawasan dan mendukung falsafah Melayu Islam Beraja (MIB) melalui pelaksanaan peranan-peranan utamanya iaitu menghasilkan keupayaan pertahanan yang kukuh, moden dan berkesan, menubuhkan dan meningkatkan hubungan diplomasi ketenteraan dengan negara-negara sahabat selain menyumbang kepada pembangunan negara.

Para mahasiswa-mahasiswi juga berkesempatan meneruskan lawatan dengan menaiki pesawat helikopter menuju ke Angkatan Tentera Laut Diraja Brunei (ATLDB) yang berpangkalan di Muara.

Semasa lawatan di sebelah petang itu, para mahasiswa-mahasiswi dibawa melawat ke Bengkel Kejuruteraan dan Stor Logistik ATLDB bagi mendedahkan mereka dengan suasana persekitaran ketenteraan dan diikuti dengan rancangan pelayaran menaiki kapal-kapal ATLDB yang terdiri daripada KDB Pejuang, KDB Seteria, KDB Pemburu, KDB Penyerang dan KDB Pewira.



PARA peserta Perkampungan Sivik Mahasiswa/Mahasiswi Negara Brunei Darussalam Di Seberang Laut ketika membuat lawatan ke Markas Angkatan Tentera Darat Diraja Brunei (ATDDB).

Lawatan ke Batalion Kedua ATDDDB

TUTONG, 19 Ogos. - Dalam memupuk semangat cintakan raja, bangsa, agama dan tanah air serta mempertahankan adat susila dan budaya bangsa selaras dengan falsafah Melayu Islam Beraja (MIB) beberapa aspek mengenai kenegaraan dan jentera pentadbiran perlu diserapkan kepada belia-belia negara masa kini.

Sehubungan dengan itu, para peserta yang mengikuti

Perkampungan Sivik Mahasiswa-Mahasiswi Negara Brunei Darussalam Di Seberang Laut hari ini meneruskan acara dengan lawatan ke Batalion Kedua, Angkatan Tentera Darat Diraja Brunei (ATDDDB), Tutong Kem di sini.

Semasa lawatan para mahasiswa-mahasiswi didedahkan dengan beberapa aspek mempertahankan diri, di samping menyaksikan persembahan pameran statik

dan menyaksikan pameran 'survival' selain membuat lawatan ke kawasan Perkhemahan ATDDDB yang terdapat di sana.

Peranan utama ATDDDB adalah untuk memelihara keselamatan dan mempertahankan kedaulatan kawasan daratan dengan menaiki tanggungjawab mencegah sebarang ancaman di dalam mempertahankan kedaulatan Negara Brunei Darus-

salam, memberikan bantuan dan menjalankan projek atau kerja-kerja amal untuk menjalinkan dan mengeratkan hubungan di antara ATDDDB dengan masyarakat.

Selain itu juga, ATDDDB bertanggungjawab meronda kawasan daratan dan sungai-sungai negara, di samping membantu Pasukan Polis Diraja Brunei dalam gerakan keselamatan dalam negeri jika diperlukan.

PENDEKATAN MENGENAI ISTIADAT MENGURNIAKAN GELARAN DI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

SETELAH kita mengenali alat-alat perhiasan yang digunakan untuk Istiadat Pengurniaan Gelaran itu dalam siri yang lepas, ada beberapa perkara lagi yang perlu diketahui berhubung dengan istiadat tersebut kerana ia termasuk dalam agenda yang akan melengkapkan dan menyempurnakan istiadat berkenaan. Kita terus bersama Yang Dimuliakan Pehin Jawatan Dalam Seri Maharaja Dato Seri Utama Dr. Haji Awang Mohd. Jamil Al-Sufri, Pengetua Pusat Sejarah Brunei untuk menjelaskannya.

Pelita Brunei : Dalam Istiadat Pengurniaan Gelaran salah satu lagi alat yang digunakan ialah kenaikan atau kenderaan. Kenaikan itu tentunya akan dihias dengan alat-alat perhiasan yang sudah ditentukan bentuk dan nama-namanya. Apakah nama kenaikan yang digunakan itu Pehin dan apa pula perhiasan-perhiasan yang akan dipasang pada kenaikan tersebut?

Yang Dimuliakan : Kenaikan yang digunakan semasa menjalani Istiadat Mengurniakan Gelaran itu jika melalui sungai, bagi Wazir dan Cheteria akan menggunakan *Gegandang* (sejenis perahu besar yang digimbar tiga bagi Wazir dan digimbar dua bagi Cheteria). Bagi Ketua kepala bergegandang dua gimbar juga tetapi disebut kenderaan. Bagi Manteri Empat akan menggunakan *Garai* dan Manteri yang lain akan menggunakan sebarang perahu.

Gegandang atau Garai yang menjadi kenaikan itu akan dihias dengan perhiasan yang dikhaskan kepada orang yang hendak menjunjung kurnia gelaran itu menurut kelayakan yang sesuai dengan pangkat gelaran yang akan dikurniakan kepadanya.

Alat perhiasan yang dipasang pada kenaikan atau kenderaan yang disebutkan bagi Wazir, Cheteria, Manteri Berchiri, Manteri Ugama atau Manteri Hulubalang, (Pateh, Damong dan Panglima Raja) dan sebagainya adalah seperti berikut :

1. Dua Tunggul Bercabang

Tunggul Bercabang ini menurut warna bendera gelaran masing-masing iaitu satu di *caruk* dan satu lagi di *buritan* tetapi bagi Wazir tidak berpanji-panji di tengah-tengahnya dan bagi Cheteria dan Manteri Berchiri, Khatib, Mudim, Pateh, Damong dan Panglima Raja, Tunggul itu tidak mengandungi warna kuning yang berpanji-panji merah.

2. Satu Ula-Ula Besar dan Sumbu Layang

Ula-Ula Besar dan Sumbu Layang ini bagi Wazir sahaja, tetapi Tunggul yang di atas Ubor-Ubor dan yang di atas Ula-Ula Besar itu warnanya mengikut warna bendera masing-masing.

3. Dua Pisang-Pisang

Pisang-Pisang ini bagi Wazir atau Cheteria mengikut warna bendera gelaran masing-masing tetapi bagi Ketua Kepala Manteri, Kepala Manteri dan Manteri Empat, Pisang-Pisang itu berwarna merah bersibar kuning, manakala bagi Pateh dan Damong, Pisang-Pisang itu berwarna merah bertaris kuning.

4. Satu Sandaran

Sandaran ini berwarna kuning (untuk putera Sultan yang gahara sahaja).

5. Satu Payong Ubor-Ubor Tiga Ringkat

Payong Ubor-Ubor Tiga Ringkat ini berwarna kuning bagi Wazir yang terdiri daripada putera Sultan yang gahara sahaja.

6. Satu Panji-Panji

Panji-Panji ini bagi Wazir sahaja (mengikut warna bendera gelaran).

7. Satu Payong Tinggi

Payong Tinggi ini bagi Wazir atau Cheteria (mengikut warna bendera gelaran) tetapi bertaris kuning di bahagian tulang payung itu selebar 1 inci atau 2.54 sm, manakala bagi Pehin Manteri (mengikut warna bendera gelaran) *sesatar* merah, *sesatar* kuning *beralat-alat* juga dan Mudim *sesatar* merah dan *sesatar* hitam.

OLEH HAJI TIMBANG BAKAR

SIRI KETUJUH BELAS

8. Alam Bernaga (Alam Besar)

Alam Bernaga (Alam Besar) ini berwarna kuning untuk Wazir yang terdiri daripada putera Sultan yang gahara sahaja.

9. Sebuah Pemajangan

Pemajangan ini beratap kain putih bagi Wazir (pada keseluruhannya) bagi Cheteria, Ketua Kepala Manteri (tidak pupus iaitu separuh), bagi Kepala Manteri dan Manteri yang sebanding dengannya termasuk Manteri dan Manteri Empat termasuk Manteri yang sebanding dengannya (tidak pupus iaitu sesuku); maka di sekeliling Pemajangan itu dihiasi dengan Rawai Lidah berwarna merah berpenyumbat putih, di bahagian kiri kanan Pemajangan itu, bagi Wazir dihiasi dengan beberapa Payong Ubor-Ubor yang mengikut warna bendera masing-masing, *Ambal* dan *Tunggul Kawan* (yang berwarna putih, *gadung*, *hitam* dan *merah*). *Dadap* berwarna putih bersiring merah beralat-alat; bagi Kepala Cheteria dan Cheteria empat, lapan Payong Ubor-Ubor mengikut warna bendera gelaran masing-masing, tetapi bersiring kuning; lapan *Ambal* dan lapan *Tunggul Kawan* yang berwarna putih, *gadung*, *hitam* dan *merah* beralat-alat; bagi Cheteria Besar, Cheteria Pengalasan, Cheteria Damit, Cheteria Tambahan, Ketua Kepala Manteri, enam Payong Ubor-Ubor menurut warna bendera gelaran masing-masing tetapi bertaris kuning; enam *Ambal* dan *Tunggul Kawan* berwarna putih, *gadung*, *hitam* dan *merah* tetapi bersiring kuning; enam *Dadap* yang berwarna putih bersiring merah beralat-alat; bagi Kepala Manteri termasuk Manteri yang sebanding dengannya, Manteri Empat termasuk Manteri yang sebanding dengannya empat Payong Ubor-Ubor yang masing-masing berwarna putih, *gadung*, *hitam* dan *merah* tetapi bersiring kuning; empat *Ambal* yang masing-masing berwarna putih, *gadung*, *hitam* dan *merah* dan empat *Dadap* yang berwarna putih bersirin merah.

10. Empat Sapu-Sapu Ayeng

Sapu-Sapu *Ayeng* ini diperbuat daripada kain *kihip* yang dipasang dua di *caruk* dan dua di *buritan* kenaikan yang dikhaskan bagi Wazir atau Cheteria, dan di Kenderaan Ketua Kepala Manteri, Kepala Manteri atau yang sebanding dengannya dan Manteri Empat atau yang sebanding dengannya.

Jika keberangkatan itu menggunakan jalan darat, maka kenaikan atau kenderaan yang digunakan dalam istiadat itu akan disesuaikan dengan keadaan di darat, iaitu menggunakan kereta yang disifatkan sebagai kenaikan atau kenderaan. Kereta itu dihiasi dengan alat perhiasan sebagaimana yang disebutkan, manakala orang yang dikurniai gelaran itu akan menggunakan kenaikan atau kenderaan khas.

Pelita Brunei : Adalah dimaklumi, orang-orang yang akan dikurniai gelaran itu akan diadakan juga Istiadat Mengarak bagi Wazir, Mengangkat bagi Cheteria dan Menyampiri Nama Gelaran bagi Manteri Berchiri. Bagaimana pula susunan atau perjalanan istiadat itu Pehin?

Yang Dimuliakan : Susunan Istiadat Pengurniaan Gelaran bagi Mengarak Wazir, Mengangkat Cheteria dan Menyampiri Nama Gelaran Manteri Berchiri adalah seperti berikut :

- Pada tarikh dan masa yang ditetapkan untuk istiadat ini, Pembesar Negara termasuk Pengiran Peranakan dan para jemputan khas akan berangkat dan hadir di Lapau atau tempat yang disifatkan demikian dan bagi keluarga Diraja, Pembesar Diraja termasuk Pengiran Peranakan yang berke-layakan akan *diangkat* keistimewaan (Dian Majlis, Tikar dan Bintang Petian) menurut keutamaan yang ditentukan.
- Bagi keluarga Diraja akan diaturnakan masa tertentu untuk mereka berangkat menurut

keutamaan masing-masing, iaitu bermula daripada yang terendah kedudukannya dan diangkat keistimewaan menurut kelayakan masing-masing termasuk orang yang mengiringkan.

- Setelah istiadat *mengangkat* selesai sebagai menadakan majlis itu telah siap sedia, maka Pehin Jawatan Dalam (Atau salah seorang Manteri Empat atau Pehin Penyurat atau Pehin Bendahari menurut taraf yang bersesuaian dengan Kepala Majlis) masuk ke dalam majlis dan diangkat Bintang Petian juga.
- Yang Dimuliakan Lagi Dihormati Pehin Orang Kaya Di-Gadong Seri Diraja (Atau Pehin Orang Kaya Di-Gadong Seri Lela atau Pehin Manteri yang disifatkan sedemikian) menjunjung anugerah mengadap Pengiran Pemancha (atau Pengiran Maharaja Lela Sahibul Kahar atau Pengiran Lela Cheteria Saibun Najabah atau Pembesar Diraja yang disifatkan sedemikian) untuk menyembahkan bahawa Istiadat Menjunjung Pengiran atau Mengambil Awang (Bagi Wazir disebut nama Pengiran yang akan diarak; bagi Cheteria disebut nama Pengiran yang akan diangkat dan bagi Manteri disebut nama Awang yang akan disampiri) telah siap sedia dan seterusnya sembah itu disembahkan kepada wakil Sultan untuk menjunjung perkenan supaya Istiadat Menjunjung Pengiran atau Mengambil Awang akan dimulakan).
- Setelah sabda perkenan dijunjung, Yang Dimuliakan Lagi Dihormati Pehin Orang Kaya Di-Gadong Seri Diraja menjunjung anugerah balik ke tempat duduknya yang asal, dan seterusnya Pengiran Pemancha akan berdatang sembah kepada wakil Sultan untuk menjunjung sabda menentukan orang yang akan mengepalai rombongan Menjunjung Pengiran atau Mengambil Awang ...
- Wakil Sultan bersabda menentukan orang yang dimaksudkan dengan menyebutkan nama orang yang akan mengepalai rombongan Menjunjung Pengiran atau Mengambil Awang yang hendak dikurniai gelaran itu, dan sabda tersebut terus disampaikan oleh Pengiran Pemancha kepada Pembesar Diraja yang dimaksudkan.
- Pembesar Diraja atau orang yang disebutkan mengadap wakil Sultan untuk menjunjung sabda dan selepas itu terus menjunjung anugerah meninggalkan majlis (Lapau) menuju ke tempat kediaman orang yang akan dikurniai gelaran diikuti oleh pembesar Diraja yang taraf gelarannya terendah daripada Ketua Rombongan serta diiringi oleh pembawa perhiasan yang telah diaturnakan.
- Apabila rombongan tersebut tiba di tempat kediaman orang yang hendak dikurniai gelaran itu, maka wakil orang yang hendak dikurniai gelaran akan menjunjung atau memohonkan rombongan masuk ke majlis, manakala orang-orang yang membawa perhiasan akan diaturnakan di tempat yang dikhaskan.
- Setelah masuk ke dalam majlis, Ketua Rombongan bersabda/berucap kepada Kepala Majlis supaya menyembahkan atau menyampaikan kepada orang yang akan dikurniai gelaran bahawa rombongan Menjunjung Pengiran atau Mengambil Awang akan dikurniai gelaran telah sampai dan siap dalam majlis dan Kepala Majlis terus menyabdakan atau menyampaikan maksud itu kepada wakil Sultan yang ditugaskan oleh orang yang akan dikurniai gelaran.
- Orang yang menjadi wakil menjunjung anugerah atau bermohon untuk menyembahkan atau menyampaikan sabda yang dijunjungnya itu kepada orang yang hendak dikurniai gelaran; kemudian setelah

orang yang hendak dikurniai gelaran itu berangkat atau masuk ke dalam majlis dan duduk sebentar, terus dijunjung berangkat atau dipohonkan ke Lapau oleh Ketua Rombongan.

- Sementara rombongan pergi ke tempat kediaman orang yang hendak dikurniai gelaran itu, istiadat selanjutnya terus berlangsung di Lapau, iaitu Chiri yang terletak dalam gangsa beralas, bertarak serta bertatapan dibawa masuk ke majlis oleh Awang-Awang berpakaian istiadat sepe-rampun hitam untuk disembahkan kepada wakil Sultan.
- Sebaik-baik sahaja Chiri itu dipersembahkan, Pengiran Pemancha pun berdatang sembah kepada wakil Sultan menjunjung ketetapan orang yang akan membaca Chiri, kemudian wakil Sultan akan menyabdakan kepada Pengiran Pemancha untuk memanggil orang yang akan diaturnakan membaca Chiri tersebut, iaitu seperti dalam Jadual 1 di bawah :

GELARAN	PEMBACA CHIRI
Pengiran Perdana Wazir	Pehin Datu Iman
Pengiran Bendahara	Pehin Siraja Khatib
Pengiran Di-Gadong	Pehin Siraja Khatib
Pengiran Pemancha	Pehin Tuan Imam
Pengiran Temenggong	Pehin Udana Khatib
Cheteria	Pehin Khatib
Ketua Kepala Manteri	Pehin Khatib
Manteri	Mudim

Jadual 1:

- Pengiran Pemancha bersabda untuk memanggil orang yang dimaksudkan dengan sabda : "*Yang Dimuliakan Pehin atau Yang Mulia Mudim ... (disebutkan nama gelaran orang yang akan membaca Chiri itu) dipanggil mengadap*".
- Manteri Ugama atau Mudim yang akan membaca Chiri itu menjunjung anugerah dan terus mengadap wakil Sultan diiringi oleh seorang Awang-Awang berpakaian istiadat membawa Gangsa Beralas, Bertarak serta Bertatapan yang berisi Chiri dan duduk di tempat yang diaturnakan berhampiran wakil Sultan; kemudian sebaik-baik sahaja Chiri itu dijunjung oleh orang yang akan membacanya terus dimasukkan ke dalam Gangsa yang dibawa oleh Awang-Awang itu, maka Pehin Manteri Ugama atau Mudim yang akan membaca Chiri pun menjunjung anugerah bersamasama Awang-Awang yang membawa Chiri tadi balik ke tempat duduk mereka.
- Keberangkatan Sultan ke dalam majlis diiringi oleh Perhiasan Tunggal berserta kerabat Diraja yang masing-masing diiringi oleh Perhiasan Tunggal atau Perhiasan Empat.
- Setelah baginda, kerabat Diraja dan pengiring-pengiring baginda semuanya sempurna duduk mana-mana yang berkelayakan diangkat keistimewaan menurut keutamaan yang ditentukan kepada mereka.

Bersambung

BERANGKAT KE MAJLIS RAMAH MESRA



BERAMAH MESRA ... Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ketika berkenan beramah mesra dan menerima junjung ziarah para penuntut di Majlis Ramah Mesra bersama peserta Perkampungan Sivik Mahasiswa/Mahasiswi Negara Brunei Darussalam Seberang Laut Tahun 2004 (atas dan kanan).

Gambar-gambar oleh
Masri Osman dan
Abdullah HAD



BERAKAS, 17 Ogos. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah berkenan berangkat ke Majlis Ramah Mesra bersama para peserta yang menyertai Perkampungan Sivik Mahasiswa/Mahasiswi Seberang Laut Negara Brunei Darussalam Tahun 2004.

Keberangkatan tiba Duli Yang Teramat Mulia di Orchid Garden Hotel telah dijunjung dan dialu-alukan oleh Pengarah Penerangan, Awang Haji Bujang bin Haji Mas'ut selaku Pengerusi Bersama Jawatankuasa Perkampungan Sivik Mahasiswa/Mahasiswi Negara Brunei Darussalam Di Seberang Laut.

Juga mengalu-alukan keberangkatan Duli Yang Teramat Mulia ialah Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Aziz; Menteri Perhubungan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Amar Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Zakaria dan Timbalan Menteri Pendidikan, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Paduka Haji Awang Soyui.

Berangkat sama ke majlis itu ialah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda Haji 'Abdul 'Azim dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Mateen.

Sejurus selepas itu, Duli Yang Teramat Mulia berkenan beramah mesra dan menerima junjung ziarah daripada penuntut-penuntut.

Selepas beramah mesra, Duli Yang Teramat Mulia berkenan menandatangani buku keberangkatan dan seterusnya menerima pesambah yang berbentuk rehal Al-Quran yang disembahkan oleh penuntut-penuntut Perkampungan Sivik.

Acara Majlis Ramah Mesra bermula dengan sembah ucapan alu-aluan oleh Pengarah Penerangan

Lihat muka 13



BERANGKAT ... Duli Yang Teramat Mulia bersama Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda Haji 'Abdul 'Azim dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Mateen ketika berangkat ke majlis itu (atas).

MENTERI Pendidikan, Menteri Perhubungan dan Timbalan Menteri Pendidikan juga menghadiri majlis tersebut (kiri dan kanan).

SEBAHAGIAN para penuntut yang menghadiri Majlis Ramah Mesra (bawah).



GAMBAR KENANGAN ...
Duli Yang Teramat Mulia ketika berkenan mengabadikan gambar kenangan bersama para penuntut (kanan).

BERANGAKAT TIBA ...
Keberangkatan tiba Duli Yang Teramat Mulia dijunjung oleh Pengarah Penerangan dan Ahli Jawatankuasa Majlis Ramah Mesra Perkampungan Sivik (bawah).

DULI Yang Teramat Mulia
ketika berangkat ke majlis tersebut dengan diiringi oleh Pengarah Penerangan (bawah kanan).



MENERIMA PESAMBAH ... DULI Yang Teramat Mulia disembahkan pesambah yang berbentuk rehal Al-Quran oleh para peserta Perkampungan Sivik (bawah).



Dari muka 12

dan wakil penuntut, Awangku Reza Mariano bin Pengiran Salleh.

Pengarah Penerangan dalam sembah alu-aluannya menyebarkan bahawa Perkampungan Sivik itu antara lain bertujuan untuk memberikan kefahaman hal-ehwal semasa dalam kerajaan bagi membentuk minda dan iltizam penuntut ke arah melahirkan semangat keprihatinan cintakan raja, bangsa dan negara yang berteraskan falsafah Melayu Islam Beraja (MIB) lebih-lebih lagi bagi menjaga imej negara dan identiti nasional.

Selain itu, sembah Pengarah Penerangan, ianya juga bertujuan untuk memberikan kefahaman dan maklumat terkini mengenai hal-ehwal negara dan kerajaan serta sektor swasta, mendekatkan penuntut ke arah menghormati dan mengamalkan nilai-nilai falsafah negara dan memberikan kefahaman mengenai keperluan semasa negara di bidang kemajuan sosial, ekonomi dan keselamatan negara.

Menyerikan majlis pada malam itu ialah persembahan kesenian.

Sebelum berangkat balik, Duli Yang Teramat Mulia berserta kerabat-kerabat diraja merakamkan gambar kenang-kenangan bersama para penuntut.



MENANDATANGANI ... DYT ketika berkenan menandatangani buku keberangkatan (atas).
PARA penuntut ketika membuat persembahan (bawah).



SETIAUSAHA-SETIAUSAHA Tetap dan pegawai-pegawai kanan yang sama-sama hadir di Majlis Ramah Mesra.

ARENA SUKAN

SHEIKH JAMALUDDIN JUARAI KEJOHANAN GOLF

JERUDONG, 15 Ogos. - Sheikh Jamaluddin Sheikh Mohammed menjuarai 'Brunei - Korea Network Golf Tournament' kali pertama berlangsung di Royal Golf Jerudong Park and Country Club di sini.

Sheikh Jamaluddin yang berjaya memperolehi 37 mata menewaskan Dato Paduka Haji Abdul Wahab dan Dato Paduka Sheikh Adnan yang masing-masing menduduki di tempat kedua dan ketiga dalam acara perseorangan.

Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja Dato Paduka Haji Awang Hazair menjadi tetamu kehormat dan menyampaikan hadiah-hadiah kepada pemenang dalam acara perseorangan.

Kejohanan anjuran Persatuan Bagi Persahabatan Brunei - Korea (B-KAF) disertai ahli-ahli B-KAF, BLNG, pegawai kanan kerajaan dan masyarakat Korea di negara ini.

Sementara itu, Presiden B-KAF, Dato Paduka Haji Mohd. Alimin pula

Oleh
Samle HJ

menyampaikan hadiah 'nearest to the pin' pada lubang 3 yang dimenangi oleh Pak Kyung Cheol.

Pengiran Dato Paduka Haji Mustapha memenangi lubang no. 8 dan Awang Haji Mohd. Alipah memenangi hadiah bagi lubang no. 16.

Awang Haji Kamaluddin pula memenangi 'near-

est to the line' bagi lubang no. 1 dan 'longest drive' pula dirangkul oleh Sheikh Jamaluddin, manakala Kim Chul pula menerima anugerah 'The Most Active Golfer' di mana hadiah-hadiahnya disampaikan oleh Duta Besar Republik Korea ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Kim Woon-Nam.

Sementara itu, pasukan pegawai-pegawai kerajaan yang juga disertai oleh

Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Dato Paduka Awang Haji Abdul Rahman pula dimenangi dalam acara berpasukan selepas mengutip 168 mata.

Kejohanan golf itu bertujuan untuk mempromosikan rangkaian dan kesefahaman di kalangan ahli-ahli B-KAF, masyarakat Korea di negara ini, di samping pegawai-pegawai kerajaan dan sektor pribet.



JUARA ... Sheikh Jamaluddin menerima trofi selepas menjuarai 'Brunei - Korea Network Golf Tournament' daripada Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja Dato Paduka Haji Awang Hazair. - Gambar oleh Halim HS.



MENTERI Pembangunan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri Setia Dr. Haji Awang Ahmad diperkenalkan kepada pasukan-pasukan di bawah Kementerian Pembangunan. - Gambar oleh Pg. Rafee PDPHM.

Badminton Kementerian Pembangunan

BERAKAS, 13 Ogos. - Kejohanan Badminton antara Kementerian Pembangunan dan jabatan-jabatan di bawahnya bermula malam tadi di Dewan Kompleks Sukan Jabatan Kerja Raya (JKR) di sini.

Kejohanan itu telah dilancarkan oleh Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Pehin Orang

Oleh Aliddin HM

Kaya Setia Pahlawan Dato Seri Setia Dr. Haji Awang Ahmad bin Haji Jumat yang juga mendahului mengetuai perlawanan persembahan dalam kategori berpasangan lelaki.

Sebanyak 12 buah pasukan mengambil bahagian dalam kejohanan

tersebut yang dibahagikan kepada dua kumpulan iaitu Kumpulan 'A' dan 'B'.

Kejohanan itu dibahagikan kepada tujuh kategori dan sistem perlawanan secara pukul keliling.

Perlawanan akhir badminton itu dijangka akan diadakan pada 18 Ogos ini.

S.R Lumapas dan Jerudong juara senaman peringkat negara

BANDAR SERI BEGAWAN, 31 Julai. - Sekolah Rendah Lumapas dari Brunei IV muncul juara kategori lelaki di Kejohanan Senaman Sekolah-sekolah Rendah Peringkat Negara Ke-17 yang sekali gus menumpaskan johan tahun lalu Sekolah Rendah Sungai Liang yang dilangsungkan di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddin di ibu negara.

Sementara itu Sekolah Rendah Jerudong dari Brunei II menjuarai dalam kategori perempuan sekali gus mengenepikan tujuh buah pasukan yang lain termasuk juara bertahan Sekolah Rendah Pengiran

Oleh
Abu Bakar HAR

Anak Puteri Besar.

Manakala tempat kedua dimenangi oleh Sekolah Rendah Dato Othman dan diikuti oleh Sekolah Rendah Lumapas di tempat ketiga.

Dalam kategori lelaki tempat kedua dimenangi oleh Sekolah Rendah Pengiran Pekerma Seri Diraja Sahibul Bandar dan tempat ketiga dimenangi oleh Sekolah Rendah Lumapas.

Hadir menyaksikan dan seterusnya menyempurnakan hadiah ialah Penolong


Pengarah Jabatan Pendidikan Kokurikulum, Awang Sikun bin Rayun.

Juga menerima hadiah di kejohanan tersebut ialah guru pelatih senaman terbaik yang dimenangi oleh Yusof bin Haji Mat Rais bagi guru lelaki dan Suriati Haji Abang bagi guru perempuan.

Kejohanan yang disertai oleh 16 buah sekolah merupakan projek tahunan Jabatan Pendidikan Kokurikulum dengan tujuan memupuk cara hidup sihat kepada pelajar-pelajar, di samping menggalakkan melakukan kegiatan jasmani.



PENOLONG Pengarah Jabatan Pendidikan Kokurikulum, Awang Sikun bin Rayun menyaksikan Pertandingan Senaman Sekolah-sekolah Rendah Peringkat Negara. - Gambar oleh Masri Osman.



AKSI yang ditunjukkan oleh salah sebuah sekolah yang menyertai peringkat akhir. - Gambar oleh Masri Osman.

Great Brunei Challenge

BERAKAS, 1 Ogos. - Awang Chung Kwei Ming menjuarai Pertandingan 'Great Brunei Challenge' sempena Konvensyen Kebangsaan Promosi Kesihatan 2004 sekali gus membawa pulang wang tunai sejumlah \$2,000.00 dan piala iringan.

Sementara itu, Sefli anak Ahar dan Zulkifle Liman masing-masing mendapat tempat kedua dan ketiga, berpuas hati dengan ganjaran hadiah wang tunai sebanyak \$1,500.00 dan \$1,000.00 setiap seorang.

Pemenang keempat hingga kesepuluh juga menerima hadiah wang tunai bersama piala iringan, manakala pemenang ke sebelas hingga kedua puluh juga lega menerima piala iringan.

Pertandingan anjuran Kementerian Kesihatan dan dikendalikan bersama Jabatan Belia dan Sukan itu disertai oleh 34 orang peserta lelaki remaja dan veteran.

Cabaran bermula dengan perlumbaan basikal sejauh 27 kilometer dari Kampong Perpindahan Mata-Mata ke Taman Agro Tech dan diteruskan dengan larian sejauh 10

Oleh Samle HJ

kilometer yang berakhir di Stadium Negara Hassanal Bolkiah, Berakas.

Setiausaha Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Awang Haji Jemat bin Haji Ampal menjadi tetamu kehormat majlis dan menyempurnakan penyampaian hadiah kepada pemenang.

Sempena Konvensyen Kebangsaan Promosi Kesihatan 2004 juga mempertandingkan Kejohanan Bola Jaring yang berlangsung di Stadium Tertutup Kompleks Sukan Kebangsaan Hassanal Bolkiah, 25 Julai lalu.

Kejohanan telah menyaksikan pasukan Phoenix N.C. muncul juara selepas mengalahkan pasukan E-Girl Netters 19 - 14, sementara pasukan Fusion N.C. pula menduduki tempat ketiga selepas menumpaskan pasukan EBRC 16 - 9.

Datin Hajah Rosenah binti Haji Abdul Hamid, isteri Setiausaha Tetap Kementerian Kesihatan telah menyempurnakan penyampaian hadiah-hadiah kepada pemenang kejohanan.



PASUKAN yang menyertai Kejohanan Akhir Senaman Sekolah-sekolah Rendah Peringkat Negara berhimpun di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddin di Bandar Seri Begawan. - Gambar oleh Masri Osman.

ARENA SUKAN

DPMM F. C. DAHULUI LIGA PERDANA SATU

JERUDONG, 20 Ogos. - DPMM F.C. terus-menerus mendominasi takhta teratas Liga B Bola Sepak Shell Helix Perdana Satu dengan menundukkan Wijaya F.C. 3 - 0 di Stadium Mini Jerudong di sini.

Berangkat menyaksikan perlawanan itu ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli

Oleh Haji Ahat HI

Pengiran Muda 'Abdul Malik.

Wijaya F.C. yang baru saja dinobatkan sebagai pemenang Piala Juara-Juara 2004 menundukkan ABDB 1 - 0, terpaksa akur sekalipun telah memberikan tentangan sengit sebaik saja permainan bermula.

Pada pertemuan itu Wijaya F.C. mempunyai dua peluang terbuka untuk membolosi gawang kawalan Mohd. Wardun Yusof melalui percubaan jarak dekat Haji Muhd. Subhi Abdillah Haji Bakir dan kemudian rembatan tepi Ratano Haji Tuah.

Bagaimanapun, kesilapan Mohd. Yusmin Hatta Md. Yusof yang menanduk bola ke pintu gol sendiri semasa pergelutan depan di minit-minit terakhir per-



mainan separuh masa pertama hendak ditamatkan, membawa padah kepada Wijaya F.C.

Selepas ketinggalan 0 - 1, Wijaya F.C. memulakan permainan separuh masa kedua dengan berhati-hati, manakala DPMM F.C. pula sebaliknya lebih bertenaga dengan banyak melancarkan serangan-serangan bahaya yang membuatkan penjaga gol Mohd. Fahmi Mohd. Isa bekerja keras menepis percubaan tersebut.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah bersama Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik berangkat menyaksikan perlawanan antara DPMM F.C. dan Wijaya F.C. - Gambar oleh Harun HR.

Kekebalan Mohd. Fahmi mengawal pintu golnya tercalar juga sudahnya apabila pemain gantian pada seprauh masa pertama Mohd. Shahrin Zaini berjaya menanduk masuk bola tinggi untuk menambahkan jaringan kedua

DPMM F.C.

Sudah mendahului dua jaringan di depan, DPMM F.C. terus melipatgandakan usaha serangan melalui Oluseye Ajayi bersama Peter Gary Grierson namun, ancaman kedua

pemain itu belum menepati sasarannya sehinggalah pada minit-minit terakhir apabila rembatan kencang Peter Gary Grierson gagal diselamatkan oleh penjaga gol Wijaya F.C., Mohd. Fahmi, menjadikan kedudukan 3 - 0.



BEKERJA KERAS ... Penjaga gol Wijaya F.C., Mohd. Fahmi berusaha merebut bola tinggi di depan pintu gol pada pertemuan dengan DPMM F.C. di Stadium Mini Jerudong. - Gambar oleh Harun HR.

Berbasikal mendapat perhatian

SUKAN berbasikal terus mendapat perhatian di negara ini dari kalangan kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan sebagai usaha memajukan sukan berkenaan yang sekarang hampir jarang diadakan.

Kementerian Pembangunan hari ini mengadakan basikalthon bagi jabatan-jabatan di bawah kementerian tersebut yang menarik minat lebih 80 pegawai dan kakitangan mengambil bahagian.

Ia dikendalikan oleh Jabatan Kemajuan Perumahan dengan tujuan

Oleh Abdullah Asgar

untuk mengeratkan hubungan silaturahim di kalangan peserta dan orang ramai khasnya peminat-peminat lumba basikal.

Basikalthon tersebut melalui sebahagian Lebuhraya Hassanah Bolkiah - Jalan Berakas - Lebuhraya Muara - Tutong - Lebuhraya Penghubung Rimba dan berpatah balik ke Jabatan Kemajuan Perumahan dengan jauh perjalanan kira-kira 25 kilometer.

Antara yang menyertainya ialah Setiausaha Tetap Kementerian Berkeajaan, Awang Haji Jumin bin Haji Marsal serta beberapa orang pegawai kanan termasuk Pengarah Kemajuan Perumahan, Awang Haji Mat Zin.

Tahun ini kementerian berkenaan telah sering mengadakan acara serupa sebagai satu kegiatan sukan riadah supaya dapat menggalakkan pegawai dan kakitangan di kementerian itu untuk giat bersukan khasnya dalam lumba basikal.



PARA peserta berbasikal memulakan kayuhan dari kawasan Bangunan Kementerian Pembangunan sejauh 25 kilometer. - Gambar oleh Pg. Rafee PDPHM.

Wijaya F.C. miliki Piala Juara-Juara

BERAKAS, 13 Ogos. - Penyandang Juara Bola Sepak Liga B Shell-Helix tahun lalu Wijaya F.C. berjaya memiliki Piala Juara-Juara 2004 setelah menundukkan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) 1 - 0 di Padang Jabatan Belia dan Sukan.

Jaringan tunggal kemenangan Wijaya F.C. itu dihasilkan pada awal 10 minit permainan bermula melalui rembatan Haji Muhd. Subhi Abdillah Haji Bakir yang mendapat umpanan leret dari Ratano Haji Tuah dan terus merembat masuk mengatasi penjaga gol ABDB,

Oleh Haji Ahat HI

Rosdy Kapal.

Terdahulu sebelum itu ABDB hampir-hampir mendahului Wijaya F.C. apabila dua percubaan yang masing-masing dibuat oleh Noormasaidiawan Mohd. Sani dan Budiman Jumat hanya singgah kepada dakapan penjaga gol Wijaya F.C., Mohd. Fahmi Mohd. Isa.

Kegagalan dua percubaan awal itu tidak mematahkan semangat barisan ABDB untuk terus

mendominasi pertemuan itu dengan banyak melancarkan serangan-serangan namun, kesemuanya gagal menemui sentuhan.

Perlawanan menarik yang turut disaksikan oleh Setiausaha Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Awang Haji Jemat bin Haji Ampal dan Pemerintah ABDB, Yang Dimuliakan Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi menyaksikan Wijaya F.C. begitu kental mempertahankan pertahanan mereka.

Dalam keadaan ter- tekan dari pelbagai sudut

itu Wijaya F.C. juga sekali-sekala berkesempatan melakukan beberapa serangan mengejut melalui gandingan penyerang Suni Mat Jerah dan Haji Muhd. Subhi, begitu pun, gerakan mereka berdua mudah dipatahkan oleh pertahanan ABDB yang diketuai oleh Saiful Rizal Abdullah.

Di separuh masa kedua juga tidak memperlihatkan sebarang perubahan, sebaliknya ABDB terus menguasai permainan dengan melancarkan serangan-serangan bertali arus melalui gerakan dan percubaan yang dilakukan oleh Juyen Tujoh, Ak. Mohd. Safri, Adey Sahriduan ke pintu gol Wijaya F.C. Bagaimanapun kesemua percubaan tersebut berjaya dihalang oleh penjaga gol Mohd. Fahmi Mohd. Isa yang bermain cemerlang mengawal pintu gol Wijaya F.C.

Melihat kepada keketatan pertahanan Wijaya F.C. itu, Pengurus ABDB, Mejar (Dr.) Mohd. Baharin cuba melakukan rombakan dengan menggantikan beberapa pemain tengah, namun usaha itu juga gagal membawa sebarang percubaan sehingga kedudukan kekal 1 - 0 hingga tamat per-



PERTEMUAN antara Wijaya F.C. dan ABDB merebut Piala Juara-Juara 2004 yang dimenangi oleh Wijaya F.C. dengan jaringan 1 - 0. - Gambar oleh Mohd. Zul-Izzi HD.

Ekspedisi berbasikal Hari Keputeraan

LEBIH 200 orang peminat-peminat sukan berbasikal menyertai Ekspedisi Berbasikal Anjuran Jawatankuasa Kerja Ekspedisi Berbasikal sempena sambutan ulang tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-58.

Oleh Abdullah Asgar

Ekspedisi yang bermula dan berakhir di Empitheater Jerudong Park tersebut telah dimulakan dengan sesi senam robik 15 minit yang disertai oleh tetamu kehormat, Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Awang Haji Saifon

bin Haji Besar yang melepaskan para peserta ekspedisi.

Berbasikal sejauh lebih 45 kilometer melalui Jalan Jerudong, Jalan Tutong, Bandar Seri Begawan, Jalan Kiulap, Lebuhraya Hassanah Bolkiah, Lebuhraya Muara - Tutong sebelum masuk semula tempat berlepas memberikan kele-

gaan kepada para peserta dapat menghilangkan rasa stress kerana menjalankan tugas seharian serta boleh mengurangkan berat badan dan lemak.

Ia dikendalikan oleh Jabatan Kerja Raya dengan ditaja oleh beberapa buah bank dan syarikat yang menyediakan cabutan tiket-tiket bertuah untuk 60 orang pemenang.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika berkenan berangkat menganugerahkan ijazah-ijazah kepada graduan-graduan dalam satu Majlis Konvokesyen Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM). Berangkat sama Duli Yang Maha Mulia Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah ibni Al-Marhum Sultan Abu Bakar Ri'ayatuddin Al-Mu'adzam Shah, Sultan Pahang. - Gambar oleh Samadi Ahmad, Berita Harian Malaysia.

Kebawah DYMM anugerahkan ijazah kepada graduan UIAM

KUALA LUMPUR, 22 Ogos. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam hari ini berkenan menganugerahkan ijazah-ijazah kepada graduan-graduan dalam satu Majlis Konvokesyen Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM). Majlis Konvokesyen Ke-20 ini telah diadakan di Dewan Besar, Pusat Aktiviti Kebudayaan universiti tersebut.

Keberangkatan tiba baginda telah dijunjung oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah ibni Al-Marhum Sultan Abu Bakar Ri'ayatuddin Al-Mu'adzam Shah, Sultan Pahang yang juga merupakan Ketua Perlembagaan UIAM.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia dengan diiringi oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan Pahang kemudian berangkat masuk ke Dewan Besar universiti berkenaan. Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam dimainkan dan selepas itu diikuti oleh Lagu Kebangsaan Malaysia.

Majlis Konvokesyen Ke-20 telah dirasmikan oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan Pahang.

Baginda berkenan menganugerahkan Ijazah Doktor

Falsafah kepada 25 graduan lepasan ijazah dan Sarjana Muda Kulliyah Kejuruteraan kepada 173 graduan. Dalam majlis konvokesyen kali ini, seramai 709 graduan telah menerima ijazah mereka masing-masing.

Majlis diakhiri dengan bacaan doa selamat.

Selepas itu, baginda berkenan menghadiri Majlis Santap Tengah Hari yang disempah oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan Pahang.

Sebelum berangkat pulang, Kebawah Duli Yang Maha Mulia berkenan menerima junjung ziarah daripada penuntut-penuntut Negara Brunei Darussalam yang sedang belajar

di universiti berkenaan. Ketika ini, kira-kira 30 orang pelajar dari Negara Brunei Darussalam mengikuti pelbagai kursus di universiti berkenaan.

UIAM telah ditubuhkan pada 20 Mei 1983. Ketika ini, universiti tersebut mempunyai 15,000 orang pelajar dan 3,000 tenaga pengajar serta kakitangan pentadbiran dari 100 buah negara. Universiti tersebut menawarkan pelbagai program termasuk bidang sains, perubatan, kejuruteraan, ekonomi, pengurusan, teknologi maklumat dan komunikasi, pengetahuan Islam dan bahasa. Sejak 1987, UIAM telah mengeluarkan 3,000 graduan setiap tahun.



DOA Selamat dibacakan sejeurus selepas Majlis Istiadat Bersuruh Diraja di kediaman Pengantin Diraja Perempuan di Kampong Beribi.

Berkenan kurniakan Beret dan Lencana Baru Skuadron Tempur Khas (STK)

TUTONG, 19 Ogos. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan Beret dan Lencana Baru, Skuadron Tempur Khas (STK) Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) berlangsung di Penanjong Garison.

Pengurniaan Beret dan Lencana Baru itu merupakan satu lagi detik sejarah perkembangan ABDB sebagai sebuah pasukan yang bertanggungjawab menjaga keselamatan dan keamanan negara.

Terdahulu keberangkatan tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia dijunjung oleh Timbalan Menteri Pertahanan, Yang Amat Mulia Pengiran Sanggamara Diraja Mejar Jeneral (B) Pengiran Haji Ibnu Ba'asith; Pemerintah ABDB, Yang Dimulikan Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi dan Setiausaha Tetap (Dasar dan Pentadbiran) Kementerian Pertahanan, Yang Dimulikan Pehin Datu Singamanteri Kolonel Dato Paduka Haji Awang Mohd. Yasmin.

Baginda kemudian dijunjung berangkat ke Lapangan Sasaran Baru ETR Binturan serta berkenan mendengar sembah taklimat dan seterusnya berangkat ke beberapa lokasi untuk menyaksikan pelbagai persembahan kemahiran serta kecergasan anggota STK dalam operasi di laut, di darat dan

Oleh Sahari Akim

dari udara.

Acara dimulakan dengan bacaan Surah Al-Faatiha dipimpin oleh Pemangku Pegawai Uga-ma Kanan, Kementerian Pertahanan, Awang Haji Roslan bin Haji Sulaiman.

Gambar-gambar Majlis Pengurniaan Beret dan Lencana Baru STK di muka 8 dan 9).

Sembah alu-aluan dan taklimat disampaikan oleh Pengarah Gerakan dan Rancangan, Kementerian Pertahanan, Kolonel (U) Awang Haji Zainal bin Harun yang menyentuh mengenai perkembangan dan pencapaian.

Kemudian disusuli dengan sembah taklimat mengenai atur cara persembahan kemahiran anggota STK yang disampaikan oleh Pegawai Memerintah STK dan kemudiannya diikuti de-

ngan sesi soal jawab.

Antara kemahiran yang dipersembahkan ialah operasi menyelamat dan serangan dari laut yang menunjukkan keupayaan anggota diturunkan ke laut dari helikopter menuju ke sasaran dengan menggunakan bot, berkayuh, berenang dan seterusnya menggempur sasaran.

Di lokasi lain baginda juga berkenan menyaksikan persembahan-persembahan 'multiple immediate actions contact drill', serang hendap kumpulan kecil, tembakan kordinasi/tembak tepat, heli sniping dan pelbagai taktik menyerang dan menyelamat dari darat dan udara.

STK secara khusus dilatih mengenai taktik dan keupayaan bukan konvensional dalam menghadapi sebarang ancaman yang bukan konvensional.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia yang juga Menteri Pertahanan dan Pemerintah Tertinggi ABDB semasa keberangkatan itu juga berkenan mengambil peluang meli-

hat secara lebih dekat pelbagai jenis senjata dan peralatan yang digunakan oleh STK, di samping berkenan membuat uji tembak beberapa jenis senjata tersebut sambil beramah mesra bersama anggota STK sebelum dijunjung ke pentas khas bagi menyempurnakan Pengurniaan Beret dan Lencana baru kepada anggota STK.

Pada majlis itu baginda juga berkenan menerima pesembah Lencana STK yang baru dari ABDB.

Selesai sahaja Majlis Pengurniaan Beret dan Lencana Baru STK, baginda seterusnya dijunjung berangkat ke Mes Pegawai dan berkenan menandatangani Lambaran Kenang-kenangan sebelum berangkat ke Majlis Santap di mes tersebut.

Pengurniaan Beret dan Lencana Baru kepada setiap anggota STK itu merupakan penghormatan dan detik bersejarah kerana ia merupakan pengiktirafan khas kepada skuadron tersebut.

Dari muka 1

Yang Amat Mulia Pengiran Lela Cheteria Sahibun Najabah kemudian bersabda supaya Yang Amat Mulia Pengiran Indera Setia Diraja Sahibul Karib mengadap ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia.

Baginda kemudian menitahkan kepada Yang Amat Mulia Pengiran Indera Setia Diraja Sahibul Karib supaya mengepalai rombongan Bersuruh

Diraja ke tempat kediaman Pengantin Diraja Perempuan bagi menjelaskan hasrat baginda untuk meminang Yang Mulia Dayangku Sarah binti Pengiran Salleh Ab. Rahaman untuk paduka anakanda baginda Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah.

Yang Amat Mulia Pengiran Indera Setia Diraja Sahibul Karib seterusnya menjunjung anugerah untuk mengepalai rombongan Bersuruh Diraja.

Di rumah Pengantin Diraja Perempuan, majlis dimulakan dengan Yang Mulia Pengiran Salleh Ab. Rahaman menjunjung anugerah untuk mengadap Yang Amat Mulia Pengiran Maharaja Setia Laila Diraja Sahibul Irshad Pengiran Anak Haji Abdul Rahim bagi menjunjung Yang Amat Mulia untuk menerima pinangan bagi pihaknya.

Rombongan Bersuruh Diraja juga terdiri dari beberapa orang Pengiran-pengiran Cheteria, Menteri-menteri Kabinet, Pehin-pehin Manteri, Manteri Agama, Manteri Hulubalang dan Manteri Darat.

Setelah majlis istiadat

meminang sempurna dilaksanakan rombongan kemudian kembali ke Istana Nurul Iman dan seterusnya Yang Amat Mulia Pengiran Indera Setia Diraja Sahibul Karib Pengiran Anak Haji Idris menyebarkan ke hadapan majlis baginda mengenai jawapan yang diterimanya daripada Yang Amat Mulia Pengiran Maharaja Setia Laila Diraja Sahibul Irshad Pengiran Anak Haji Abdul Rahim bahawa Yang Mulia Pengiran Salleh Ab. Rahaman dan keluarga menyebarkan setinggi-tinggi menjunjung kasih di atas hasrat baginda itu dan dengan rendah hati menjunjung kurnia pinangan tersebut.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam kemudiannya mengambil maklum akan sembah jawapan daripada Yang Mulia Pengiran Salleh Ab. Rahaman.

Sebelum berangkat meninggalkan majlis, doa selamat dibacakan oleh Mufti Kerajaan, Yang Dimulikan Lagi Dihormati Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Aziz.

الله سلا متكن قنعتين دراج
ALLAH SELAMATKAN PENGANTIN DIRAJA

دتریتکن اوله جباتن قناعتن، جباتن فردان منتری دان دجیتی اوله جباتن قنعتین کراجان، نگارا برونی دارالسلام.

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Jabatan Percetakan Kerajaan, Negara Brunei Darussalam.

Berangkat melawat Kapal HMAS Dubbo



BERBUAL MESRA ... Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Jeneral Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ketika berbual mesra bersama Pemerintah Angkatan Tentera Laut Diraja Australia (ATLDA), Komander Burling.



DISEMBAHKAN PENERANGAN ... Duli Yang Teramat Mulia disembahkan penerangan mengenai pakaian penyelamat yang digunakan oleh ATLDA (atas).

MENINJAU ... Duli Yang Teramat Mulia ketika berangkat meninjau bilik operasi dengan disembahkan penerangan oleh Pemerintah Kapal HMAS Dubbo (kanan).



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Jeneral Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah berkenan berangkat mengadakan lawatan ke Kapal Angkatan Tentera Laut Diraja Australia (ATLDA), HMAS Dubbo yang dalam rangka latihan 'Penguin' bersama Angkatan Tentera Laut Diraja Brunei pada (ATLDB) 15 Ogos yang baru lalu.

Keberangkatan tiba Duli Yang Teramat Mulia di Flotilla, Muara dijunjung oleh Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Yang Dimuliakan Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi; Pesuruhjaya Tinggi Australia ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Christian David Benneth; Pemerintah ATLDB, Kolonel (L) Joharie bin Haji Matussin dan Pemerintah ATLDA, Komander Burling.

Juga hadir Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri, Pengiran Dato Paduka Haji Abdul Hamid bin Pengiran Haji Mohd Yassin.

Keberangkatan lawatan Duli Yang Teramat Mulia di atas kapal berkenaan telah didahului dengan sembah taklimat oleh Pemerintah Kapal HMAS Dubbo, Leftenan Komander Richard Jamed yang menyebarkan antara lain profil kapal dan fungsi operasinya.

Duli Yang Teramat Mulia juga telah dijunjung untuk meninjau kelengkapan dan kemudahan yang terdapat di dalam kapal tersebut sebelum menyusuri perairan sekitar pantai.

Tunjuk cara latihan dalam pelayaran termasuklah pertunjukan latihan bantuan udara di antara Kapal KDB Pejuang dan pesawat helikopter Angkatan Tentera Udara Diraja Brunei turut menarik perhatian Duli Yang Teramat Mulia.



DISEMBAHKAN TAKLIMAT ... DULI Yang Teramat Mulia ketika disembahkan taklimat oleh Pemerintah Kapal HMAS Dubbo, Leftenan Komander Richard Jamed.



Gambar-gambar oleh Harun HR dan Pengiran Rafee PDPHM

SAKSIKAN LATIHAN ... Duli Yang Teramat Mulia ketika berkenan menyaksikan latihan bantuan udara dengan menggunakan teropong (kiri).

BERGAMBAR KENANGAN ... Duli Yang Teramat Mulia semasa mengabadikan gambar kenangan di Kapal HMAS Dubbo sejeurus sebelum berangkat balik (bawah).



ILMU, pengalaman, minat dan sikap merupakan empat serangkai yang perlu dimiliki oleh individu untuk memantapkan kualiti diri dalam apa juga bidang yang diceburi. Tanpa adanya empat elemen itu maka agak sukar bagi individu untuk mencapai kecemerlangan diri terutama di zaman yang serba canggih dan moden ini.

Apa yang ingin kita bicarakan dalam ruangan FOKUS kali ini ialah perlunya seseorang itu memiliki

ilmu pengetahuan yang cukup, di samping perlu dimantapkan dengan pengalaman dan kemahiran selain mempunyai minat yang mendalam termasuk sentiasa bersikap positif dalam membina keterampilan diri untuk mencapai kejayaan dan kecemerlangan.

ILMU

Ilmu suatu yang amat penting yang sememangnya ditekankan sejak zaman dahulu lagi, apatah lagi pada zaman sains dan teknologi dan era globalisasi ini. Uga-ma Islam sendiri mewajibkan umatnya menuntut ilmu sejak dari buaian lagi hinggalah ke liang lahad atau dalam erti kata zaman ini diistilahkan 'pendidikan sepanjang hayat'. Sebab itu dalam ajaran Islam, menuntut ilmu itu menjadi kewajiban kepada setiap Muslimin dan Muslimat.

Kalau kita perhatikan di kurun-kurun yang lampau sehinggalah ke hari ini, ilmu pengetahuan berperanan 'merubah tamadun manusia'. Misalnya dengan pendidikan agama dan ilmu pengetahuan yang lain, manusia di zaman jahiliah atau primitif yang hidup dalam kemungkaran dan kedaifan berjaya dibentuk menjadi umat yang betamadun dan maju melalui 'ilmu pengetahuan'.

Begitulah besarnya peranan ilmu pengetahuan dalam kehidupan umat manusia zaman berzaman. Kalau kita perhatikan sejak bermula tamadun manusia, perubahan dari segi peradaban dan kemajuan telah dicipta oleh golongan 'cendekiawan' yang mempunyai ilmu dan kepakaran dalam bidang masing-masing.

Satu contoh yang agak baik ialah di awal kedatangan Islam di mana melalui ajaran yang dibawa oleh Rasulullah Sallallahu

FOKUS OLEH SAHARI AKIM

Alaihi Wasallam umat Islam dikenali sebagai masyarakat yang termaju bukan sahaja dalam 'ilmu keugamaan dan ilmu pengetahuan yang lain' malah juga berkepakaran, kreatif dan inovatif dalam pelbagai bidang sains dan teknologi pada zaman itu mengatasi bangsa-bangsa lain di timur dan di barat.

Kini kita hidup dalam persekitaran dunia yang sering disebut sebagai 'era persaingan minda, persaingan kreativiti dan inovasi', era dunia tanpa sempadan, era ICT dan digital, era penuh cabaran dan pelbagai lagi.

Salah satu komponen penting untuk menghadapinya ialah dengan ilmu pengetahuan. Maju dan mundurnya sesebuah bangsa itu terletak kepada sejauh mana rakyatnya memiliki pelbagai ilmu serta berjaya menterjemahkannya untuk menajana kemajuan.

PENGALAMAN

Satu lagi elemen dalam pembentukan 'keupayaan individu' ialah pengalaman. Sebab itu orang tua-tua kita sering menyebut 'jauh berjalan, luas pandangan, banyak pengalaman'. Jika disebut pengalaman ia berkait rapat dengan 'kemahiran dan kepakaran' kerana individu yang 'mahir dan pakar' dalam bidang-bidang tertentu adalah melalui pengalaman yang dilakukannya secara praktikal.

Pengalaman akan menjadikan seseorang lebih matang. Sebab itu dalam keadaan tertentu mungkin ada benarnya parambahan orang kita yang mengatakan 'orang tua lebih dulu makan sira (garam)'. Dalam keadaan tertentu orang tua telah melalui zamannya, di samping merasai suasana zaman sekarang, sedangkan kita tidak merasakan dan

ILMU, PENGALAMAN, MINAT DAN SIKAP

melihat apa yang berlaku di zaman lampau sebelum kita lahir.

Ada juga yang mengatakan, 'kita belajar dari pengalaman' atau ada juga yang menyebut 'si polan itu belum mempunyai pengalaman atau belum cukup pengalaman'. Bayangkan bagaimana kita mengikuti mata pelajaran akademik di sekolah mengenai sesuatu bidang tanpa melakukan 'praktikal' sebenarnya. Tentulah kita akan melihat dan mengalami bahawa 'teori dan pratikal' itu amat berbeza. Suasana, iklim persekitaran, budaya dan sempurnanya dalam keadaan tertentu juga akan mempengaruhi ketidaktepatan 'teori' yang dipelajari.

Sebab itulah pengalaman itu amat penting dalam apa juga kerjaya. Kerana itulah juga seseorang yang berpendidikan setinggi mana sekalipun ada masa dan kalanya pada peringkat awal dia memerlukan 'bimbingan dan tunjuk cara' dari mereka yang lebih berpengalaman dalam sesuatu bidang tertentu itu.

Sebilangan orang pula mengatakan 'dia berjaya hasil dari kegagalannya'. Ungkapan itu membawa erti dia berjaya mencapai kemajuan kerana dapat memperbaiki diri melalui 'pengalaman dari kegagalan' yang pernah dialaminya.

Begitu jugalah halnya dengan peribahasa 'pisang tidak akan berbuah dua kali' yang membawa erti 'perkara buruk tidak akan diulangi untuk kedua kalinya'. Ertinya perkara positif telah terhasil dari pengalaman negatif. Contoh lain misalnya 'rata-rata orang tidak suka kepada peperangan kerana 'pengalaman' membuktikan bahawa peperangan mengundang kemusnahan dan penderitaan.

Ada juga contoh prihasa yang berbunyi 'seperti tikus membaiki labu'. Jika tidak pandai kerana tidak mempunyai pengalaman tentulah 'barang' yang dibaiki itu bukan akan menjadi baik tetapi akan bertambah rosak jadinya. Ia seharusnya dikerjakan oleh orang yang pandai dan berpengalaman.

Sebab itu dalam apa hal pun janganlah kita memandang rendah kepada orang yang kurang berpendidikan, tetapi mempunyai banyak pengalaman. Kita harus menghormatinya dan meletakkannya di tempat yang sewajarnya.

MINAT

Minat (interest) terhadap sesuatu bidang atau jurusan juga tidak kurang pentingnya untuk mencapai sesuatu kejayaan dalam kerjaya yang diceburi. Seseorang yang tidak berminat dalam sesuatu perkara atau tugas itu tidak akan berasa selesa untuk melaksanakannya. Dalam kata lain ia melakukannya hanya secara terpaksa sahaja. Perkara seperti itu tidak seharusnya berlaku kerana ia akan mempengaruhi kualiti dan produktiviti kerja yang dihasilkan.

Sesuatu kerja yang dibuat secara terpaksa atau tidak diminati hanya akan menghasilkan kerja yang 'samarbara' dan tidak sempurna. Ini akan menjayakan kecemerlangan diri sendiri dan organisasi di mana individu itu bekerja. Terdapat keadaan di mana orang yang kurang meminati sesuatu bidang itu memaksakan dirinya dengan melakukannya secara 'bersungguh' dan sebaik mungkin. Kesudahannya kerja tersebut mungkin dihasilkan dengan baik tetapi tidaklah sebaik oleh orang yang benar-benar mempunyai minat yang tinggi terhadapnya.

Satu perkara yang kita harus ingat manusia dilahirkan mempunyai pelbagai 'minat' atau kecenderungan. Kalau diperhatikan semasa berada di sekolah menengah sehing-

galah ke institusi-institusi pengajian tinggi para pelajar dibahagikan kepada beberapa aliran mengikut minat dan kebolehan masing-masing seperti jurusan sains, art/sastera, ekonomi, perdagangan dan seumpamanya. Begitulah seterusnya banyak jurusan-jurusan lain yang terdapat di pusat-pusat pengajian tinggi.

Sebab itu para pelajar mesti pandai memilih jurusan yang mereka minati dan mempunyai kebolehan. Hasilnya mereka akan mudah mengikuti pengajian dan mencapai kejayaan cemerlang dalam ujian. Lepas sekolah atau pusat pendidikan tinggi juga harus pandai memilih kerjaya yang benar-benar diminati dan mempunyai kemampuan untuk berjaya dalam kerjaya mereka.

SIKAP

Sikap (attitude) satu lagi elemen yang memainkan peranan penting dalam kehidupan manusia. Terdapat dua sikap yang ada pada diri individu iaitu 'sikap positif' dan 'sikap negatif'. Sikap positif akan membawa kita kepada kejayaan, manakala sikap negatif akan mengundang kelemahan dan kecelesaan.

Sesetengah orang mengatakan sikap seseorang terbentuk sejak lahir. Andai sedemikian tidak penting tetapi yang pasti sikap manusia boleh 'diubah' daripada 'bersikap negatif' kepada 'bersikap positif' mengikut kemahuan seseorang individu itu. Banyak faktor yang boleh mempengaruhi sikap seseorang antaranya: Keluarga, masyarakat sekeliling, ilmu/akhlak dan yang paling boleh menentukan sikap ialah 'diri individu itu sendiri'.

Antara ciri-ciri sikap positif itu ialah: Sentiasa berazam untuk melakukan perkara-perkara yang baik dan meninggalkan yang buruk, berfikir rasional, berakhlak dan berdisiplin, rajin, sabar, tidak pemaarah, tidak tamak atau dengki, ikhlas dan amanah, profesional dan tidak

berdendam, tidak sombong, tidak ria dan membangga diri, tidak gopoh dan 'begalurat', rajin menolong dan memberikan bantuan, setia kawan dan tidak suka permusuhan, menghargai dan menghormati orang lain, berpandangan jauh, mempunyai keyakinan diri dan banyak lagi. Manakala sikap negatif itu pula berlawanan dengan ciri-ciri di atas.

Ciri-ciri sikap positif itu membentuk jati diri dan keupayaan seseorang untuk mencapai kecemerlangan dalam apa juga bidang. Semua itu akan membantu memantapkan keperibadiannya malah juga akan meningkatkan mutu kerja yang dihasilkan.

Bayangkan seseorang individu yang 'bersikap negatif', semua perkara akan dilihat negatif kerana 'mindset' atau mindanya sudah tersedia dengan anggapan bahawa perkara itu 'susah dilaksanakan, tidak penting, tidak menguntungkan malah dianggap membebankan dirinya'.

Jika sikap negatif terdapat dalam diri individu maka setinggi mana pun pendidikannya, sebanyak mana pun pengalamannya, sekuat mana pun minatnya maka apa juga tugas atau pekerjaan yang dilaksanakannya tidak akan berhasil dengan sempurna dan cemerlang.

KOMBINASI

Secara ringkas kita telah membicarakan empat ciri yang sebaiknya dimiliki oleh individu untuk memantapkan keupayaan diri dan mencapai kecemerlangan. Bagaimanapun bukanlah mudah untuk kita memiliki kesemua itu sepenuhnya dengan baik. Walau bagaimanapun semangat dan keazaman untuk memilikinya pun sudah merupakan usaha yang baik meskipun kita tahu tidak akan dapat mencapai keseluruhannya.

Pada teorinya ia memang senang disebut tetapi pada kenyataannya bukan semua orang boleh

melakukan dan memilikinya. Sebab itu bukan bermakna hanya setelah memiliki ciri-ciri tersebut sepenuhnya baharulah kita mahu mencuba dan melakukannya apa juga pekerjaan. Apa yang ingin kita katakan ialah kombinasi empat ciri itu saling membantu dan diperlukan untuk seseorang itu meningkat dan memantapkan diri serta hasil kerjanya.

Tidak dinafikan seseorang yang memiliki ilmu mempunyai kelebihan dari orang yang kurang berilmu. Pada keadaan tertentu orang yang mempunyai banyak pengalaman lebih diperlukan dari orang yang berpendidikan tinggi. Memiliki keduanya adalah lebih baik kerana kita tahu ilmu dan pengalaman sama-sama penting.

Kedua ciri itu pun perlu dimantapkan dengan 'minat' seperti yang kita sebutkan terdahulu. Kalau sudah berpendidikan tinggi ditambah dengan pengalaman yang banyak serta minat yang mendalam maka akan bertambah mantaplah diri dan hasil kerja seseorang itu.

Ketiga ciri itu pun perlu dicukupi dan dilengkapi lagi dengan sikap positif. Sikaplah yang menentukan keberkesanan dan keberhasilan ketiga ciri tersebut. Kalau hanya berpendidikan tinggi, berpengalaman, dan mempunyai minat tanpa bersikap positif maka belumlah tentu akan terhasil 'kemantapan diri dan kecemerlangan'.

Contohnya mudah sahaja, seseorang yang (pandai, berpengalaman dan berminat) tetapi 'bersikap' tidak mahu melaksanakan kerja maka tugas yang disuruh itu sama sekali tidak akan terhasil. Lain halnya pula orang yang melakukan kerja tetapi 'bersikap sambil lewa' dan tidak bersungguhsungguh hasilnya juga tidak akan begitu sempurna.

Kata penamat, 'Kita tidak perlu menunggu sehingga memiliki kesempurnaan sepenuhnya sebelum berani mencuba sesuatu yang bermanfaat'.

TEKAD PEMEDULIAN ORANG RAMAI (TPOR)

JABATAN TANAH, KEMENTERIAN PEMBANGUNAN BAHAGIAN V

PIAGAM Pelanggan bagi permohonan-permohonan yang dikendalikan oleh Jabatan Tanah yang perlu dihadapkan kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam Majlis Mesyuarat Menteri-menteri Kabinet untuk kebenaran.

PROSES KEDUA : Dari mula menerima keputusan dari Setiausaha Tetap Kementerian Pembangunan hingga selesai.

Bil.	Perkhidmatan	TPOR
1.	Makluman Keputusan kepada Pemohon	1 minggu
2.	Pendaftaran Geran Tanah Baru/Hal-hal yang diperbuat ke atas tanah	2 minggu



GENDANG Jagajaga adalah gendang atau irama tertentu yang dimainkan di majlis-majlis kebesaran diraja. Alat-alat yang digunakan ialah sebuah Nakara, dua buah Gendang Labek dan empat Serunai berserta tiga biji Canang dan dua biji Gong. Titir atau Irama Gendang Jagajaga mengandungi Gendang Perang, Alihan-Alihan Tengah, Alih-Alihan Ujung, Gendang Raja Lalu dan Gendang Arak-Arakan. Lagu-lagu Serunai dalam

Gendang Jagajaga ialah Liu-Liu, Kudidi dan Sangga Bunuh. Gambar menunjukkan sebahagian alat-alat Gendang Jagajaga yang mengalunkan Nobat Diraja semasa Istiadat Membuka Gendang Jagajaga bagi upacara perkahwinan diraja antara Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Puteri Nor'ain dengan Yang Amat Mulia Pengiran Anak Mohamed Yusof yang berlangsung pada 18 Ogos 1967. - Sumber : PELITA BRUNEI, Tahun 12, Bilangan 31, 2 Ogos 1967. Bandar Brunei: Jabatan Penerimaan dan Penerangan, Kerajaan Brunei (1967 : 1) & Istiadat Perkahwinan Diraja. Bandar Seri Begawan: Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri (1997 : 5).

MARILAH kita meningkatkan ketaqwaan kita kepada Allah Subhanahu Wataala dengan penuh keyakinan dan keikhlasan dengan melakukan segala suruhan-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang bertaqwa dan beriman serta selamat di dunia dan selamat di akhirat.

Sesungguhnya orang-orang mukmin itu adalah bersaudara yang semestinya saling cinta-mencintai dan kasih-mengasihi antara satu sama lain kerana ianya merupakan salah satu kesempurnaan iman. Islam menganjurkan beberapa amalan yang boleh kita lakukan bagi mengeratkan lagi tali persaudaraan sesama Islam seperti menziarahi saudara-saudara kita yang sedang sakit.

Menziarahi orang sakit hukumnya adalah sunat muakadah. Dan ianya merupakan amalan yang disukai Allah Subhanahu Wataala dan Baginda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam. Menziarahi orang sakit adalah merupakan salah satu tanggungjawab yang mesti dilaksanakan oleh orang Islam terhadap saudaranya sesama Islam yang sedang sakit. Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda sebagaimana hadis Baginda yang maksudnya:

"Dari Abu Hurairah Radiallahuanhu dia berkata: Aku mendengar Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda: Hak seorang Muslim ke atas seorang Muslim yang lain ada lima perkara: iaitu menjawab salam, menziarahi orang yang sakit, mengiringi jenazah, menghadiri undangan dan mendoakan orang bersin (mengucapkan Yarhamukallah)." (Riwayat Al-Imam Bukhari).

Adapun galakan menziarahi orang sakit itu bukan hanya terbatas kepada keluarga sahaja, bahkan menyeluruh kepada sesiapa sahaja baik sahabat handai, jiran tetangga dan lain-lain.

Sesungguhnya amalan menziarahi orang sakit itu banyak hikmah dan fadilatnya kerana dengan demikian akan mengukuhkan tali persaudaraan sesama Islam, melahirkan rasa kasih sayang dan sifat belas kasihan, dan mendatangkan keinsafan dan dorongan untuk bertaubat, ingat kepada kematian dan seterusnya sentiasa ingat kepada Allah Subhanahu Wataala. Allah Subhanahu Wataala menjanjikan ganjaran yang besar bagi mereka yang menziarahi orang yang sakit ini, jelas sebagaimana sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang maksudnya:

"Dari Ali Radiallahuanhu ia berkata: Aku mendengar Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda: Tiada seorang Muslim itu melawat seorang Muslim yang sakit pada waktu pagi melainkan meminta ampun untuknya tujuh puluh ribu Malaikat hingga waktu petang dan tiada dia melawatnya pada waktu petang, melainkan meminta ampun untuknya tujuh puluh ribu Malaikat hingga waktu pagi dan adalah baginya kebun tempat memetik buah-buahan di dalam Syurga." (Riwayat Al-Imam At-Tarmizi).

MENZIARAH ORANG SAKIT BANYAK HIKMAH

Ketika menziarahi orang sakit, terdapat beberapa adab-adab yang dianjurkan oleh Islam antaranya:

Pertama: Apabila kita menziarahi orang sakit, janganlah duduk terlalu lama kerana dikhuatiri boleh mengganggu pergerakannya. Tetapi jika dengan ziarah itu boleh menenteramkan hatinya maka tidaklah makruh duduk lama di sisinya.

Kedua: Adalah elok bagi orang yang menziarahi orang sakit itu bertanya keadaannya sambil meletakkan tangannya di atas dahi atau tangan pesakit tersebut asalkan dilakukan tidak bertentangan dengan hukum syarak.

Ketiga: Jika orang yang sakit itu dalam keadaan tenat dan tidak boleh bercakap apa-apa, maka disunatkan bagi orang yang berziarah itu bertanya kepada ahli keluarga tentang keadaannya.

Keempat: Apabila berada di sisi orang sakit, maka disunatkan menyuruhnya bersabar dan hendaklah menyenangkan serta menenteramkan hatinya.

Kelima: Ketika menziarahi orang sakit ataupun semasa berada di tempat lain pada bila-bila masa maka disunatkan mendoakan pesakit tersebut supaya lekas sembuh.

Keenam: Andai kata orang yang sakit itu dalam keadaan tenat, tiada ha-


rapan untuk sembuh atau dalam keadaan nazak (muhtadar), maka sunat bagi orang yang menziarahinya lebih-lebih lagi orang yang akrab dengan pesakit, mengajarkan atau mentalkinkan (membacakan) di telinganya kalimah 'Lailahaillallah' sekali sahaja. Kemudian diperhatikan keadaan pesakit itu, jika didapati ia di dalam keadaan tenat (men-

dengar apa yang diucapkan) maka dibiarkan dia iaitu tidak ditalkinkan lagi kalimah 'Lailahaillallah' itu. Walau bagaimanapun jika pesakit itu nampak menggelisah atau masih bercakap-cakap atau menuturkan perkara-perkara lain selain daripada kalimah tauid maka diulangi lagi talkin tersebut sekali lagi, mudah-mudahan matinya nanti diakhiri de-

ngan menyebut kalimah 'Lailahaillallah' sebagaimana hadis Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang maksudnya:

"Dari Muaz bin Jabal ia berkata, sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam: Barangsiapa yang akhir kalamnya 'Lailahaillallah' maka ia kana dimasukkan ke dalam Syurga." (Riwayat Al-Imam Abu Daud).

SESUNGGUHNYA amalan menziarahi orang sakit itu banyak hikmah dan fadilatnya kerana dengan demikian akan mengukuhkan tali persaudaraan sesama Islam, melahirkan rasa kasih sayang dan sifat belas kasihan, dan mendatangkan keinsafan dan dorongan untuk bertaubat, ingat kepada kematian dan seterusnya sentiasa ingat kepada Allah Subhanahu Wataala. Allah Subhanahu Wataala menjanjikan ganjaran yang besar bagi mereka yang menziarahi orang yang sakit ini.



Ketujuh: Sunat dibaca di sisi orang yang hampir meninggal dunia itu Surah Yaasiin sebagaimana juga disunatkan membaca Surah Ar-Ra'd.

Jika kita menziarahi orang sakit yang dimasukkan ke hospital, maka peraturan yang dikenakan oleh pihak yang berkenaan hendaklah dipatuhi. Peraturan seperti mengikut jadual masa lawatan dan larangan membuat bising adalah semata-mata untuk keselesaan dan kesejahteraan pesakit agar mereka dapat rehat yang mencukupi dan insya-Allah menolong meringankan pesakit agar mereka cepat sembuh. Manakala larangan untuk tidak membawa kanak-kanak di bawah umur lapan tahun semasa melawat adalah untuk melindungi anak-

anak dari dijangkiti penyakit-penyakit yang berbahaya.

Amalan berziarah khususnya menziarahi orang sakit banyak memberikan pengajaran yang berfaedah untuk kita yang masih sihat dan hidup ini. Oleh yang demikian jadikanlah amalan berziarah ini sebagai budaya kita umat Islam kerana ia mencerminkan perpaduan umat Islam.

Firman Allah Subhanahu Wataala dalam Surah Al-Hujuraat ayat 10 yang tasfirnya:

"Sebenarnya orang-orang yang beriman itu adalah bersaudara, maka damaikanlah di antara dua saudara kamu yang bertelingkah itu dan bertaqwalah kepada Allah supaya kamu beroleh rahmat."

وقت سمبھيغ، امساك، شوروق دار حضر

وقت ۲ سمبھيغ، امساك، شوروق دان ضحیٰ باگي دائره بروني دان موارا مولاي دري هاري رابو، 9 رجب، 1425 برسمان دغن
25 اوگوس، 2004 هيگك كهاري ثلاث، 15 رجب، 1425 برسمان دغن 31 اوگوس، 2004 اداله سفرت دباوه اين :-

هجره	ظهر	عصر	مغرب	عشاء	امساك	صبح	شوروق	ضحیٰ	مسيحي
رجب									لوگوس
9	12.24	3.35	6.30	7.40	4.47	4.57	6.15	6.38	25
10	12.24	3.34	6.30	7.40	4.47	4.57	6.15	6.38	26
11	12.23	3.33	6.29	7.39	4.47	4.57	6.14	6.38	27
12	12.23	3.32	6.29	7.39	4.47	4.57	6.14	6.38	28
13	12.23	3.31	6.28	7.38	4.47	4.57	6.14	6.38	29
14	12.22	3.30	6.28	7.38	4.47	4.57	6.14	6.37	30
15	12.22	3.29	6.27	7.37	4.47	4.57	6.14	6.37	31

وقت ۲ سمبھيغ باگي دائره توتوغ دتمبه ساتو مينيت دان دائره بلايت دتمبه تيگ مينيت، سمبھيغ فرض جمعة دسلوروه نكارا بروني
دارالسلام دمولاوي دري فوكل 12.45 تغهاري.

(Dengan nama Allah, Segala puji bagi Allah, Selawat dan salam ke atas Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam, keluarga, sahabat dan para pengikut Baginda)

SEMBAHYANG fardu yang ditinggalkan wajib diqada sama ada disebabkan lupa, tidur, meninggalkannya dengan sengaja atau orang murtad yang kembali semula kepada Islam.

Adapun kanak-kanak yang meninggalkan sembahyang fardu ketika zaman kanak-kanaknya, tidak wajib dia mengqada sembahyangnya itu apabila dia sudah baligh, kerana tidak ada *taklif* (belum diwajibkan mematuhi hukum-hukum Islam) ke atasnya. Sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang maksudnya:

"Tiga orang yang dosanya tidak dicatat (tidak ada taqlif): Orang yang tidur sehinggalah dia bangun, kanak-kanak sehinggalah dia besar (baligh) dan orang gila sehinggalah dia berakal atau sedar." (Hadis riwayat An-Nasa'ie).

Walaupun bagaimanapun sunat bagi kanak-kanak tersebut apabila sudah baligh mengqada sembahyang yang ditinggalkannya ketika zaman *mumayyiznya*, akan tetapi ketika sebelum zaman *mumayyiznya* tidaklah dikira jika diqadanya.

Demikian juga halnya bagi orang gila, mabuk atau pitam yang bukan disengajakan, walaupun gila, mabuk atau pitamnya itu hanya seketika dan ia tidak terjadi ketika murtad. Apabila dia kembali normal seperti sedia kala (sembuh), maka tidak wajib diqada sembahyangnya, walau bagaimanapun ia sunat sahaja diqada. Manakala jika gila, mabuk atau pitam yang disengajakan, atau ia terjadi ketika murtad walaupun gila, mabuk atau pitamnya itu tidak disengajakan, maka wajib dia mengqada sembahyangnya itu.

Sementara perempuan yang haid atau nifas tidaklah diwajibkan dia mengqada sembahyang yang ditinggalkan ketika haid atau nifas itu. Menurut kitab Tuhfah Al-Muhtaj (karangan al-Imam Ibnu Hajar ulama Mazhab Syafi'e), haram perempuan haid atau nifas mengqada sembahyang yang ditinggalkannya ketika haid atau nifas itu.


Orang kafir yang baru memeluk agama Islam, tidak diwajibkan qada sembahyang yang luput semasa kafirnya. Malahan tidak disunatkan baginya untuk mengqada, bahkan juga tidak memadai sembahyang yang diqadanya itu. Firman Allah Subhanahu Wataala yang tafsirnya:

"Katakanlah (wahai Muhammad) kepada orang-orang yang kafir itu, jika mereka berhenti (dari kekufuran mereka), nescaya akan diampunkan (dosa) mereka yang telah lalu...." (Surah Al-Anfaal : 38).

Kewajipan mengqada sembahyang fardu ini, sunat di segerakan jika ia ditinggalkan kerana uzur seperti

SEMPAHIYANG QADA:

Wajibkah mendahulukannya daripada sembahyang tunai?



IRSYAD HUKUM

DARI JABATAN MUFTI KERAJAAN
JABATAN PERDANA MENTERI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Website: WWW.brunet.bn/gov/mufti
E-mail : mufti@brunet.bn
Fatwa@brunet.bn

Bilangan 187

tidur yang bukan disengajakan atau lupa. Adapun jika sembahyang itu ditinggalkan dengan sengaja atau tanpa uzur, maka wajib disegerakan qadanya itu.

MENJAGA TERTIB SEMBAHYANG-SEMPAHIYANG QADA

Sembahyang-semahyang fardu yang diqada, sunat dikerjakan dengan mengikut tertib sembahyang, umpamanya mengqada Subuh sebelum qada Zuhur, kemudian mengqada Zuhur sebelum qada Asar dan begitulah seterusnya.

Jika sembahyang-semahyang qada itu sebahagiannya ditinggalkan kerana suatu keuzuran dan sebahagiannya lagi bukan disebabkan suatu keuzuran, maka wajib didahulukan qada sembahyang yang ditinggalkan bukan disebabkan suatu keuzuran itu, walaupun menyalahi tertib sembahyang. Ini kerana mengikut tertib sembahyang itu adalah sunat, sedangkan menyegerakan sembahyang qada yang ditinggalkan dengan sengaja atau tanpa keuzuran itu adalah wajib. Ini disebutkan dalam kitab Tuhfah al-Muhtaj yang ertinya:

"Wajib mendahulukan sembahyang yang luput tanpa keuzuran daripada sembahyang yang luput disebabkan suatu keuzuran walaupun tidak mengikut tertib, kerana (tertib) itu sunat dan menyegerakan (qada sembahyang yang ditinggalkan tanpa keuzuran) itu adalah wajib."

Umpamanya seseorang meninggalkan Sembahyang Zuhur dan Asar kerana suatu keuzuran dan dia meninggalkan juga Sembahyang Maghrib dan Isyak bukan disebabkan suatu keuzuran, maka wajib didahulukan sembahyang qada Maghrib dan Isyak daripada sembahyang qada Zuhur dan Asar.

MENDAHULUKAN SEMBAHYANG QADA DARIPADA SEMBAHYANG HADIR

Sunat mendahului sembahyang qada yang ditinggalkan kerana suatu keuzuran daripada sembahyang hadir (sembahyang tunai yang akan dikerjakan) jika tidak ditakuti akan luput waktunya. Sekalipun takut luput sembahyang berjemaah, sunat juga didahulukan sembahyang qada yang ditinggalkan dengan sebab keuzuran daripada sembahyang hadir. Ini kerana menolak perselisihan pendapat yang mengatakan wajib tertib dan juga kerana mengikut Sunnah Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam (itiba'), yang mana Baginda ketika Perang Khandaq pernah luput Sembahyang Asar, lalu Baginda menunaikannya selepas terbenam matahari kemudian Baginda mengerjakan Sembahyang Maghrib.

Adapun jika ditakuti luput waktu sembahyang hadir (sembahyang tunai yang akan dikerjakan) itu, seperti melakukan sebahagian perbuatan sembahyang di dalam waktunya dan sebahagiannya lagi ataupun kurang daripada sebahagian perbuatan sembahyang di luar waktunya, maka wajib didahulukan sembahyang hadir tersebut.

Sebagai contoh, seorang yang hendak mengerjakan qada Sembahyang Zuhur di dalam waktu Asar. Namun waktu Asar ketika itu hanya tinggal sedikit dan dia menjangkakan jika dikerjakannya Sembahyang Asar, hanya sebahagian rakaat Sembahyang Asar sahaja di dalam waktunya dan sebahagiannya atau kurang daripadanya lagi di luar waktu Asar. Oleh itu wajiblah didahulukan sembahyang Asar tersebut. Ini kerana haram mengeluarkan (melakukan) sebahagian perbuatan sembahyang daripada waktunya, sedangkan mampu ditunaikan keselu-

ruhan perbuatan sembahyang dalam waktunya itu.

Sementara sembahyang qada yang ditinggalkan bukan kerana keuzuran, adalah wajib didahulukan daripada sembahyang hadir (sembahyang tunai yang akan dikerjakan) jika waktunya masih luas.

Jika seseorang itu mengerjakan sembahyang hadir, kemudian dia teringat ada sembahyang qada yang belum dikerjakan, maka jangan dihentikan sembahyang hadirnya itu. Adapun jika dia sedang mengerjakan sembahyang qada dalam waktu sembahyang hadir yang disangkakannya masih panjang waktu sembahyang hadir tersebut, padahal sebenarnya tidak luas waktunya, maka wajiblah dihentikannya sembahyang qada itu bagi menunaikan sembahyang hadir.

PENUTUP

Sembahyang fardu lima waktu tetap wajib ditunaikan dan tidak ada suatu alasan pun yang boleh mengharuskan untuk meninggalkannya, melainkan bagi orang-orang yang dikecualikan oleh syarak, seperti perempuan yang haid dan nifas.

Meninggalkan sembahyang fardu adalah haram dan termasuk dalam dosa-dosa besar. Ancaman dan balasan bagi orang yang meninggalkan sembahyang amatlah dahsyat sekali. Firman Allah Subhanahu Wataala yang tafsirnya:

"(Kalau orang yang demikian dikira dari bilangan orang-orang yang mendustakan agama), maka kecelakaan besar bagi orang-orang ahli sembahyang, (iaitu) mereka yang berkeadaan lalai daripada menyempurnakan sembahyangnya." (Surah Al-Maun : 4 - 5).

Firman-Nya lagi yang tafsirnya:

"(Setelah melihat orang-orang yang bersalah itu, mereka berkata): 'Apakah yang menyebabkan kamu masuk ke dalam Neraka (Saqr)?' Orang-orang yang bersalah itu menjawab: Kami tidak termasuk dalam kumpulan orang-orang yang mengerjakan sembahyang." (Surah Al-Muddatstir : 42 - 43).

Tulisan jawi digiatkan semula

Oleh Haji Ahmad HS

BERAKAS, 8 Ogos. - Pemangku Penolong Pengarah Pusat Da'wah Islamiyah, Awang Haji Muhammad bin Garing berkata, bangsa Melayu dan bahasa Melayu serta tulisan jawi merupakan identiti yang tidak dapat dipisahkan antara satu sama lain.

Kekal atau hilangnya identiti Melayu itu bergantung kepada sejauh mana kita bangsa Melayu mampu mempertahankannya terutama sekali dalam zaman yang serba mencabar.

Bagaimanapun beliau juga melahirkan kebimbangan mengenai fenomena yang nampak sekarang yang mana mengancam kepentingan tulisan jawi yang semakin terpinggir.

"Tulisan jawi tidak lagi menjadi pilihan popular sebagai bahan tulisan umum. Kehadirannya seperti dipaksakan sahaja. Tulisan jawi hanya berguna bagi sekolah-sekolah agama, maktab-maktab agama, institusi-institusi agama dan dibaca oleh imam-imam, kitab dan

jurunika," jelasnya di Majlis Penutup Bengkel Mempelajari Tulisan Jawi Bagi Masyarakat Tionghoa Daerah Brunei dan Muara yang berlangsung di Pusat Da'wah Islamiyah disini.

Menurutnya, jika dahulunya ada akhbar bertulisan jawi yang diterbitkan pada tahun 1939 kemudian terpaksa dihentikan pengedarannya dalam tahun 1992 disebabkan ketiadaan pembaca setianya.

"Akhbar ini hanya mampu bertahan selama 63 tahun sahaja. Bayangkanlah apa akan terjadi kepada nasib tulisan jawi 63 tahun ke hadapan. Tidak mungkin tulisan jawi hanya akan menjadi cebisan-cebisan manuskrip yang disimpan di dalam arkib-arkib dan muzium tidak lebih sebagai bahan tontonan dan kenangan," katanya.

Lebih malang lagi, tegasnya, kalau tulisan jawi hanya dapat dilihat oleh generasi muda pada batu-batu nisan di tanah-tanah perkuburan Islam.

Awang Haji Muhammad juga menyampaikan sijil-sijil dan wang saguhati kepada 35 orang peserta yang terdiri daripada guru-guru Sekolah Menengah Chung Hwa, Bandar Seri Begawan, Persatuan Orang-orang China-



PEMANGKU Penolong Pengarah Pusat Da'wah Islamiyah, Awang Haji Muhammad bin Garing ketika menyampaikan sijil kepada seorang peserta Bengkel Mempelajari Tulisan Jawi Bagi Masyarakat Tionghoa Daerah Brunei dan Muara. - Gambar oleh Hamadi HM.

Taipei di seberang laut dan saudara baru.

Bengkel yang diadakan setiap hari Ahad selama empat minggu bermula 9 Mei 2004 kemudian disambung semula bermula 4 Julai 2004 selama enam minggu atas permintaan para peserta dan dikendalikan oleh Unit Pengislaman dan Bimbingan Saudara-saudara Baru,

Bahagian Pengislaman dan Pemeliharaan Mualaf, Pusat Da'wah Islamiyah.

Bengkel bertujuan untuk memartabatkan dan mengekalkan serta memelihara tulisan jawi di Negara Brunei Darussalam, di samping memberikan peluang kepada masyarakat Tionghoa mengenal dan mempelajari tulisan dan bacaan jawi.

Anggota tentera perlu lengkapkan diri dengan kemahiran

Oleh Siti Aishah HS



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Pekerma Dewa Dato Seri Paduka Lim Jock Seng memeriksa barisan Pengambilan Rekrut Lelaki Ke-124 Angkatan Bersenjata Diraja Brunei. - Gambar ihsan ABDB.



YANG Dimuliakan Pehin Orang Kaya Pekerma Dewa Dato Seri Paduka Lim Jock Seng menyampaikan hadiah kepada seorang rekrut terbaik. - Gambar ihsan ABDB.

TUTONG, 6 Ogos. - Anggota tentera perlu melengkapi diri dengan kemahiran bagi menghadapi ancaman-ancaman yang 'non-convetional' dan menghendaki kemahiran dalam teknologi terkini yang akan melahirkan anggota tentera terlatih secara profesional, dilengkapi dengan pengetahuan teknologi dan peka terhadap keadaan semasa.

Setiausaha Tetap, Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Pekerma Dewa Dato Seri Paduka Lim Jock Seng selaku tetamu kehormat berucap demikian di Upacara Perbarisan Tamat Latihan Bagi pengambilan Rekrut Lelaki Ke-124, Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) yang berlangsung di Padang Kawad Pusat Latihan ABDB di Penanjong Garrison di sini.

Yang Dimuliakan yakin anggota tentera semua akan sentiasa memainkan peranan yang dipertanggungjawabkan bagi mempertahankan kedaulatan Negara Brunei Darussalam dan seterusnya menyumbang kepada perkembangan dan kemajuan organisasi negara yang sama-sama dicintai ini.

"Penglibatan angkatan tentera dalam usaha-usaha kebajikan dan kerja-kerja bantuan yang selalu diungkayahkan oleh Angkatan Bersenjata Diraja Brunei untuk membantu masyarakat setempat adalah sangat dihargai dan dialu-alukan. Ini akan meningkatkan lagi imej dan seterusnya akan menambah lagi penghormatan orang ramai," jelas Yang Dimuliakan.

Pada kesempatan itu, Yang Dimuliakan mengucapkan tahniah kepada Kementerian Pertahanan di atas kejayaan menerbitkan 'Brunei Darussalam's Defence White Paper 2004' yang merupakan satu sumbangan negara dalam pro-

ses mewujudkan ketelusan dan meningkatkan keyakinan di rantau ini dan usaha sedemikian bertepatan pada waktunya kerana isu pertahanan dan ancaman pada masa ini perlu dilihat dalam konteks yang baru.

Terdahulu sebelum itu, majlis dimulakan dengan tetamu kehormat menerima tabik dan seterusnya memeriksa perbarisan.

Majlis juga diselenggarakan penyampaian hadiah kepada rekrut-rekrut lelaki terbaik dalam bidang latihan dan penyampaian Anugerah Juralatih Terbaik kepada 11649 Koperat Pengiran Selamat bin Pengiran Zulkiflee yang disempurnakan oleh tetamu kehormat majlis.

Rekrut Terbaik Lelaki pengambilan ke-124 dalam semua jurusan ialah 16811 Rekrut Khairil Anwar bin Haji Latif, terbaik penembak senapan M16 ialah 16853 Rekrut Mohammad Norasrin bin Asfar, manakala terbaik penembak 'Heavy Barrel Automatic Rifle (HBAR)' ialah 16891 Rekrut Arif Salimi bin Suhaili, sementara 16790 Rekrut Ajiman bin Haji Ismail, terbaik dalam bidang latihan jasmani dan 16907 Rekrut Junaidi bin Haji Duraman selaku bakal Pegawai Kadet rekrut lelaki pengambilan ke-124.

Seramai 149 rekrut lelaki termasuk seorang bakal Pegawai Kadet Pengambilan ke-124 ini berjaya menamatkan latihan asas ketenteraan selama 25 minggu.

Hadir sama ialah Pemerintah ABDB, Yang Dimuliakan Pehin Datu Lailaraja Mejar Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi; Pemerintah Pusat Latihan ABDB, Leftenan Kolonel Haji Md. Ya'akub, Pemerintah-pemerintah Angkatan Tentera dan para ibu bapa serta penjaga rekrut.

BICARA IT

SYARIKAT PENERBANGAN DIRAJA BRUNEI MEMPERKENALKAN E-TICKETING

Kelolaan: Sahari Akim/Siti Aishah Haji Selamat
Sumber: Kementerian Kewangan

SEJAJAR dengan perkembangan pesat teknologi maklumat dan inisiatif Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam melaksanakan e-kerajaan maka Syarikat Penerbangan Diraja Brunei (RBA) telah memperkenalkan E-Ticketing baru-baru ini.

Electronic Ticketing (E-Ticketing) diperkenalkan untuk memberikan lagi lebih kemudahan kepada para pelanggan RBA. Ia dilaksanakan secara berperingkat meliputi beberapa destinasi perjalanan.

Bermula 5 Julai 2004, para penumpang bagi perjalanan antara Brunei Darussalam, Brisbane (Australia) dan Auckland (New Zealand) mempunyai pilihan menggunakan perkhidmatan baru itu untuk mereka membuat tempahan tiket secara online melalui pejabat-pejabat penjualan tiket di bandar-bandar tersebut.

Antara kemudahan yang disediakan untuk para pelanggan melalui E-Ticketing ini ialah, ia lebih fleksibel dan efisien dari segi tempahan, pengeluaran tiket dan masuk (check in). Sebaik sahaja pengesahan tempahan, semua butiran perjalanan akan disimpan ke dalam Sistem Tempahan RBA.

Satu salinan jadual penerbangan dan resit pembayaran kemudian secara mudah akan di e-mel atau dihantar melalui mesin faksimili kepada pelanggan. Para pelanggan yang menggunakan online juga boleh melihat (access) jadual perjalanan mereka semasa membuat tempahan.

Semasa masuk (check in), para penumpang hanya perlu menunjukkan pasport dan jadual penerbangan untuk mengambil pas menaiki pesawat (boarding pass) mereka. Melalui E-Ticketing, para penumpang juga tidak perlu bimbang mengenai kehilangan atau tersalah simpan tiket mereka. Sebarang kehilangan atau tersalah simpan jadual penerbangan akan boleh secara mudah diganti atau ditukar.

Melalui satu siaran dari pihak RBA pada 5 Julai lepas, E-Ticketing juga akan diperkenalkan ke Hong Kong mulai 21 Julai dan Kuala Lumpur mulai 1 Ogos 2004, sementara perjalanan ke destinasi lain akan dilaksanakan kemudian.

RBA berbangga melaksanakan inisiatif tersebut seiring dengan inisiatif e-kerajaan dan mengharapkan para pelanggan syarikat tersebut akan mendapat manfaat dari perkembangan terbaru itu.

RBA sebagai sebuah syarikat bertaraf antarabangsa memang dimaklumi telah lama memanfaatkan IT dalam pengurusan. Sistem rangkaian IT di RBA bukan sahaja bagi kemudahan interaksi pengurusan di pejabat malah juga dengan pihak-pihak lain seperti agensi-agensi pengembaraan dan syarikat-syarikat penerbangan di dalam dan di luar negeri.

Selain mempunyai rangkaian (networking) yang agak canggih, RBA juga telah lama memanfaatkan internet. Seperti juga syarikat-syarikat dan agensi-agensi awam dan swasta yang lain RBA telah memanfaatkan penggunaan IT dalam interaksi pengurusan dan pemasarannya.

Seperti yang sering disebut-sebut IT sudah membudaya dalam kehidupan masyarakat hari ini. IT memainkan peranan penting dalam membantu memajukan kualiti dan produktiviti sesebuah syarikat, organisasi, perusahaan dan bidang-bidang lain.

Manfaat IT cuma akan dapat diraih dengan sentiasa mengikuti perkembangannya, di samping berdaya inovatif dan kreatif dalam penggunaannya.

SURAT PEMBACA

PELITA BRUNEI mengalu-alukan surat awda dalam ruangan SURAT PEMBACA sama ada berupa masalah, kemusykilan, kemusykilan ugama, pendapat atau pandangan mengenai sesuatu isu atau perkara. Surat awda hendaklah ditujukan kepada alamat berikut:

Ruangan Surat Pembaca,
PELITA BRUNEI,
Jabatan Penerangan,
Jabatan Perdana Menteri,
Lapangan Terbang Lama,
Berakas, BB 3510,
Negara Brunei Darussalam.


Awda boleh juga mengirimkannya melalui faks 2381004 atau e-mel: pelita@brunei.bn. Untuk keterangan lanjut sila hubungi Ketua Bahagian Akhbar melalui telefon 2383804 atau 2383941.

Dalam surat tersebut hendaklah dinyatakan nama penuh, nombor kad pengenalan, nombor telefon dan alamat penuh. Walau bagaimanapun nama samaran boleh digunakan.

S i B u d i m a n

SEORANG KANAK-KANAK PEREMPUAN YANG DITINGGALKAN DIDALAM KERETA TELAH DILARIKAN ORANG BERSAMA-SAMA KERETA, SEMASA PEMANDUNYA MEMBELI BARANG DISEBUAH KEDAI BARU-BARU ANI.

IA TAH TU... JADI PENGAJARAN JUA ARAH KITANI.....



MINDA PEMBACA ... MINDA PEMBACA ... MINDA PEMBACA ...

TAJUK-TAJUK MINDA
PEMBACA AKAN DATANG

1. 'Pelajar Mesti Berdisiplin Kalau Mahu Berjaya'. Tarikh tutup 1 September 2004.
2. 'Tanpa Guru Siapalah Kita'. Tarikh tutup 8 September 2004.
3. 'Guru Berperanan Membentuk Keupayaan Generasi Masa Depan'. Tarikh tutup 15 September 2004.

Pendapat awda hendaklah ditaip jarak langkau dua baris dan panjang pendapat awda mestilah antara 300 hingga 500 patah perkataan. Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon jika ada hendaklah disertakan dan hendaklah dihantar kepada :

Sidang Penyunting,
Minda Pembaca,
Unit Pelita Brunei,
Jabatan Penerangan,
Lapangan Terbang Lama, Berakas,
Bandar Seri Begawan, BB 3510,
Negara Brunei Darussalam.
emel: pelita@brunet.bn

Ibu bapa jadi 'role model'

SETIAP pasangan yang berkahwin pastinya mengimpikan sebuah rumah tangga yang bahagia. Namun, hasrat sedemikian tidaklah semudah yang disangkakan. Dalam melayari bahtera rumah tangga setiap pasangan hendaklah menyedari akan peranan dan tanggungjawab masing-masing. Oleh yang demikian, dalam memikul dan melaksanakan peranan serta tanggungjawab yang berat ini kesefahaman dan kesepakatan amatlah penting lebih-lebih lagi setelah hadirnya cahaya mata, penambah seri rumah tangga. Walau bagaimanapun, ilmu pengetahuan mengenai segala hal ehwal kehidupan berumah tangga seperti kaedah membesarkan dan pendidikan anak-anak; cara menangani sebarang masalah dan konflik yang timbul; merancang kestabilan kewangan adalah sangat

penting dalam mewujudkan sebuah rumah tangga yang harmoni.

Terdapat beberapa faktor utama yang perlu diberi tumpuan dalam usaha mewujudkan sebuah rumah tangga yang harmoni. Pertama sekali ialah peranan sebagai suami isteri dan ibu bapa. Seperti yang diketahui, suami yang berperanan sebagai ketua rumah tangga merupakan orang terpenting dalam menentukan hala tuju sesebuah rumah tangga. Kebahagiaan sesebuah rumah tangga itu bergantung kepada kecakapan dan kebijaksanaan merancang dan menguruskan perihwal rumah tangga seperti menyediakan keperluan asas, kewangan dan pelajaran anak-anak.

Suami isteri mestilah sentiasa saling memahami,

bertolak ansur, hormat-menghormati, taat-men-taati dan percaya-mem-percayai serta mengambil berat antara satu dengan yang lain. Dalam membentukkan personaliti anak-anak, didikan awal yang bermula di rumah amatlah mustahak. Oleh itu, ibu bapa sebagai guru pertama haruslah menjadi 'role model' dalam mendidik dan mendisiplinkan anak-anak. Segala tindak-tanduk mereka akan sentiasa menjadi perhatian anak-anak.

Selain daripada itu, komunikasi yang baik juga merupakan faktor yang mesti ada dalam sesebuah rumah tangga. Setiap ahli keluarga haruslah bertutur dengan nada suara yang rendah, sopan santun, penuh mesra dan hormat sesama ahli keluarga yang lain. Dalam membina kesejahteraan keluarga, layanan dan pergaulan sebegini adalah penting untuk mengeratkan lagi silaturahmi dan kemesraan keluarga. Namun, ibu bapa perlu bijak untuk menyesuaikan kaedah interaksi bergantung kepada keadaan ketika itu. Ada kalanya ibu bapa juga perlu berkomunikasi dengan lebih tegas dalam melaksanakan tanggungjawab,

terutamanya berkenaan mendisiplinkan anak-anak agar menjadi insan yang berakhlak mulia.

Di samping komunikasi yang baik, memupuk sifat 'kekeluargaan' dan meluangkan lebih waktu untuk keluarga haruslah dititikberatkan dan dipraktikkan. Kegiatan keluarga seperti sembahyang berjemaah dan menjamu selera bersama dapat dijadikan sebagai rutin harian. Ibu bapa bukan saja dapat meluangkan masa bersama dengan anak-anak bahkan secara tidak langsung dapat menanamkan rasa kasih sayang di kalangan ahli keluarga. Ikatan mesra yang terjalin akan menjadi lebih kukuh sekiranya kegiatan luar seperti riadah, bersiar-siar dan melancong dapat dinikmati bersama. Lazimnya, penglibatan aktif dan penyertaan dalam setiap kegiatan keluarga akan dapat meningkatkan tahap kebahagiaan sesebuah rumah tangga.

Sesungguhnya di sebalik keindahan berumah tangga pastinya pelbagai bentuk masalah dan cabaran akan dihadapi. Walaupun begitu ibu bapa harus sedar dan bersedia untuk mengharungi situasi sedemikian. Sebarang salah

faham dan konflik rumah tangga perlu ditangani dan diselesaikan secara bijak. Jika masalah timbul, perbincangan yang rasional dan bersikap terbuka adalah ikhtiar terbaik sebagai jalan penyelesaiannya. Dalam pada itu, sebaiknya elakkan bertindak dalam keadaan emosi sebaliknya hendaklah tenang, bertolak ansur dan saling bermaaf-maaf.

Sebagai kesimpulan, keluarga adalah unit kecil masyarakat yang menjadi tunggak kepada terbentuknya negara. Dengan wujudnya rumah tangga yang harmoni sudah tentunya akan melahirkan sebuah masyarakat yang prihatin. Ini akan menjurus ke arah timbulnya persefahaman dan sikap saling percaya-mempercayai serta pemedulian antara anggota masyarakat. Seandainya sikap sedemikian dikekalkan, nescaya negara akan sentiasa aman, damai, tenteram dan sejahtera.

Noorainah Idris,
No. 11, Simpang 637-94,
STKRJ Kampong
Lambak Kiri, Jalan
Berakas, BB 1114.
No. k/p : 00-289390

Suami isteri mesti bertolak ansur

HIDUP damai yang diliputi oleh cinta dan kasih sayang khasnya antara suami dan isteri adalah punca kerukunan hidup berumah tangga kerana keadaan itu akan menerbitkan keberuntungan dalam kehidupan dan menerbitkan keselamatan untuk keturunan yang akan datang.

Salah satu yang menjadi tujuan hidup berumah tangga ialah untuk membiakkan keturunan jenis manusia, perkahwinan yang mengikut lunas-lunas Islam dengan menunaikan tanggungjawab dan amanah akan menjadikan kebahagiaan yang berkekalan dan berpanjangan dalam kehidupan berkeluarga dan bermasyarakat.

Dalam menjalani kehidupan berumah tangga pasangan suami isteri tidak terlepas dari masalah rumah tangga, sama ada masalah itu besar atau kecil terpaksa ditempuh bersama. Kita tidak pernah mendengar pasangan suami isteri itu dalam keadaan aman sentiasa, tidak pernah bergaduh dan tidak pernah bergeser seperti kata pepatah 'sedangkan lidah lagi tergigit ini kan pula suami isteri'.

Tolak ansur sememangnya perkara yang cukup penting dalam memastikan hubungan suami isteri berlangsung dengan lancar. Tolak ansur dalam hal kewangan, beban kerja di rumah ataupun mengenai penjagaan anak dapat mengelak daripada berlakunya konflik dalam

hubungan.

Hidup pasangan suami isteri akan lebih bermakna sekiranya mereka saling memberi sokongan antara satu sama lain dalam apa jua perkara yang dilakukan. Namun perkara yang sering kali terjadi adalah pasangan lebih banyak diam memerhati daripada meluahkan kata sokongan kepada pasangan mereka. Kata-kata sokongan dan perangsang yang diucapkan kepada pasangan mereka boleh membantu suami isteri melakukan sesuatu yang cukup menyenangkan hati suami atau isteri sekiranya dalam perkara yang dilakukan ada orang yang tersayang yang menyokong dari belakang.

Kita harus juga menyedari bahawa terbangunnya negara Islam bermula dari sebuah keluarga yang harmoni, jika sebuah keluarga itu kukur-kacir ia akan memberi kesan kepada pembangunan negara. Sekiranya tiap-tiap rumpun keluarga itu tidak mewujudkan satu ikatan yang baik dan harmoni maka kedudukan sesebuah masyarakat itu akan pincang, justeru bangsa dan negara menjadi lemah. Begitulah pentingnya peranan yang perlu dimainkan oleh setiap ahli keluarga bagi mencapai hasrat yang dicita-citakan.

Hajah Rosni binti Haji
Haris,
J4C Flat Jong Batu,
Jalan Maharajalela.
No. k/p : 00-127694

MINDA pembaca yang terpilih
minggu ini daripada tajuk yang telah
kami kemukakan iaitu
'Wujudkan Rumah Tangga Harmoni'.
Mereka akan menerima hadiah sebanyak
\$40.00. Pendapat yang berjaya itu
adalah seperti berikut:

Wujudkan rumah tangga harmoni

SEDANGKAN lidah lagi tergigit inikan pula sebuah institusi keluarga yang dianggotai oleh ayah ibu dan anak-anak. Dalam mengharungi kehidupan berumah tangga, pasangan suami isteri hendaklah mengamalkan sikap selalu berbincang, bertolak ansur dan bersepakat dalam setiap masalah yang dihadapi bagi mewujudkan suasana 'Ar-Rahman dan Ar-Rahim' iaitu sifat pengasih dan penyayang.

Islam adalah agama yang lengkap dan sempurna seperti yang diamalkan oleh Baginda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam. Pada diri dan kehidupan rumah tangga Baginda Rasulullah terdapat ikutan dan teladan yang wajib dicontohi.

Seperti mana yang kita ketahui bahawa Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersifat suka tersenyum dan periang. Sayidatina Aisyah ada menyatakan bahawa Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam adalah orang yang paling lembut, paling mulia dan Baginda samalah seperti lelaki di antara kamu, cuma Rasulullah itu bersifat suka senyum dan periang.

Dalam rumah tangga Muslim juga ada gurus senda, sabar dan reda dengan segala qadad dan qadar Allah Subhanahu Wataala dan tidak kedapatan di dalam wajah-wajah yang masam. Malah menjadi lambang kepada tiap-tiap ahli rumah, seperti dalam hadis Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang ber-

maksud:

"Hendaklah kamu temui wajah saudaramu dengan manis, kerana itu adalah sedekah."

Malah sekiranya kita dapat mengukir senyuman pada saat-saat yang penuh kritikal, perbuatan tersebut dapat menolong atau membantu menenangkan fikiran. Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam sendiri sering bergurau senda dengan kata-kata yang hak. Ini bertujuan antara lain untuk mewujudkan ketenangan dan kedamaian.

Untuk memperolehi kebahagiaan dan kesejahteraan dunia dan akhirat, suasana rumah tangga yang dipayungi rasa kasih dan sayang memainkan peranan penting dalam kehidupan kita.

Tujuan perkahwinan ialah untuk mendapatkan ketenangan dalam hidup dan mendapatkan zuriat serta kebahagiaan yang diajarkan oleh Islam mengucapnya di dunia dan mencapai ke-redaan Allah di akhirat. Seperti mana yang difirmankan oleh Allah Subhanahu Wataala dalam Surah Ar-Ruum ayat 21 yang tafsirnya:

"Dan di antara tanda-tanda yang membuktikan kekuasaan-Nya dan rahmat-Nya bahawa Dia menciptakan untuk kamu (wahai kaum lelaki), isteri-isteri dari jenis kamu sendiri, supaya kamu bersenang hati dan hidup mesra dengan-Nya, dan dijadikan-Nya di antara kamu (suami isteri)

perasaan kasih sayang dan belas kasihan. Sesungguhnya yang demikian itu mengandung keterangan-ke-tetapan (yang menimbulkan kesedaran) bagi orang-orang yang berfikir."

Ugama Islam menggesa supaya ketua keluarga menyuruh ahli keluarganya menunaikan ibadah sembahyang seperti mana firman Allah Subhanahu Wataala yang tafsirnya:

"Dan perintahkanlah olehmu akan ahli keluargamu mendirikan solat." (Surah Thaha ayat 132).

Dan ugama Islam juga menyarankan supaya melatih anak-anak mereka sejak kecil dan tidak bersikap sambil lewa terhadap mereka dalam soal ini. Sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang bermaksud:

"Suruhlah anak-anak kamu mendirikan sembahyang ketika berumur tujuh tahun dan pukullah dia ketika berumur sepuluh tahun dan pisahkan mereka di tempat tidur." (Diriwayatkan oleh Abu Daud).

Dalil ini menunjukkan bahawa hukuman disiplin kepada anak boleh dilakukan tetapi itu pun sebagai pilihan terakhir. Ibu bapa perlu waspada supaya tidak meninggalkan bekas kerana ia boleh digolongkan sebagai jenayah penganiayaan kanak-kanak.

Kanak-kanak akan biasa dan terus melakukan sembahyang sekiranya setiap orang di dalam rumahnya sentiasa mengerjakan sem-

bahyang selama mana ia tidak terdedah kepada masyarakat atau alam sekitar yang merosakkannya.

Mengenai pendidikan anak-anak, ibu bapa mempunyai tanggungjawab dalam mendidik dan membentuk peribadi anak-anak mengikut apa yang diperintahkan oleh ugama Islam.

Namun setiap ibu bapa tentulah mempunyai konsep atau formula masing-masing dalam mendidik anak-anak mereka, masing-masing inginkan anak-anak mereka berjaya dalam hidup dan membanggakan mereka.

Walaupun bagaimanapun hasilnya terletak kepada kehendak Allah jua yang menentukan kejayaan atau kegagalan ibu bapa itu.

Dalam mewujudkan kemesraan di dalam rumah tangga, ibu bapa menjadi contoh yang paling rapat untuk anak-anak. Tunjukkan kepada mereka kasih sayang dan kemesraan, tidak kira bila dan di mana berada. Elakkan pertengkaran di hadapan anak-anak. Dengan cara ini mereka dapat menghargai nilai kasih sayang.

Cinta kepada anak-anak adalah makanan jiwa sebagaimana jasmaninya memerlukan makanan. Kanak-kanak memang memerlukan kepada tangan yang pangasih dan hati yang penyayang di dalam permulaan kehidupan mereka sehingga mereka nanti akan membesar,

dewasa dan bergaul dengan orang-orang di sekelilingnya dengan hubungan kasih dan cinta.

Kasih sayang sepatutnya menjadi teras kepada pembinaan akhlak anak-anak di rumah. Menurut Islam, kasih sayang adalah satu sifat terpuji yang amat digalakkan dalam kehidupan. Setiap insan yang mahu dirinya disayangi dan menyayangi. Atas dasar itu wujudlah sistem kekeluargaan dalam masyarakat.

Keluarga yang harmoni dan sejahtera ialah yang dibentuk berteraskan kasih sayang. Perasaan kasih sayang perlu wujud dalam diri manusia kerana sifat itulah yang memastikan kesejahteraan dan keamanan sejagat.

Hati dan jiwa yang penuh dengan kasih sayang akan cenderung kepada kedamaian dan kesejahteraan. Ia adalah dasar utama bagi mewujudkan rumah tangga yang harmoni. Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang maksudnya:

"Sesiapa yang tidak mengasihi manusia, Allah tidak mengasihinya." (Riwayat At-Tabrani).

Mohammad Syuaib bin
Awang Ahmad,
No. 662, Simpang 660,
Kampong Lumapas 'B',
BJ 3524.
No. k/p : 00-305398

REMAJA

PELAJAR MEMBAWA
IMEJ NEGARA

OLEH H. A. MANAP

SESEBUAH negara yang meletakkan kepentingan pembangunan masyarakat dan negara sebagai suatu kepentingan yang utama menjadikan bidang pendidikan sebagai modal pelaburan yang sangat besar untuk dijadikan sebagai asas dalam pembinaan tersebut. Pendidikan merupakan elemen penting dalam menjadikan masyarakat negara dapat bergerak untuk membina kecemerlangan hidup. Pendidikan berperanan dalam mengangkat tahap kualiti kehidupan sesebuah negara. Kerana itu Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak pernah kendur-kendurnya untuk memberikan perhatian dalam mewujudkan pengaliran pendidikan dapat dinikmati oleh semua golongan masyarakat dan peringkat.

Bagi menampung dan memenuhi keperluan pendidikan ini, kemudahan belajar bukan sahaja diwujudkan di dalam negara kita sendiri malahan penghantaran ke luar negara masih tetap diteruskan bagi kursus yang tidak terdapat dalam negara kita. Melalui proses inilah kita lahirkan generasi ilmunan yang dijadikan sebagai generasi pelapis yang akan meneruskan dan mencorakkan pembangunan negara kita. Dalam proses penyediaan pelajar yang ilmunan ini, mereka tidak pernah diabaikan begitu sahaja. Pemedulian ini ialah bagi memastikan mereka akan sentiasa berdekatan dengan suasana dan iklim negara kita. Keadaan ini juga bagi memastikan kewujudan rasa tanggungjawab mendalam terhadap negara tidak terhakis.

Pelajar-pelajar yang berada di luar negara merupakan aset penting kita bersama, mereka akan membawa balik kemahiran dan ilmu. Pandangan dan visi mereka merupakan 'frame work' perjalanan ke arah masa depan yang cemer-

lang. Kerana itu dalam keghairahan menuntut ilmu di negara orang, para pelajar negara kita disaran untuk bersedia memainkan peranan sebagai duta kecil negara dengan mempamerkan nilai dan tatasusila Brunei serta memperbetulkan salah maklumat dan tanggapan luar mengenai negara kita.

Kerana itu langkah mengadakan Kursus Sivik merupakan satu inisiatif yang positif untuk menyediakan utap yang akan pelajar bawa semasa meneruskan pengajian di luar negara. Inisiatif seperti mengadakan Perkampungan Sivik membuktikan keprihatinan kerajaan terhadap keperluan memelihara keselamatan masyarakat daripada diganggu oleh anasir tidak bertanggungjawab sama ada dalam atau luar negara yang cuba mempengaruhi para pelajar, khususnya yang berada di seberang laut.

Perkampungan Sivik yang dianjurkan sejak tahun 70-an untuk memberi kefahaman kepada para pelajar Brunei di seberang laut mengenai falsafah dan aspirasi negara memang kena pada tempatnya. Langkah ini dibuat secara berterusan dan menjadi agenda dalam memelihara dan demi kepentingan pelajar-pelajar itu sendiri. Ledakan teknologi maklumat yang mewarnai kehidupan hari ini membawa bersamanya kedua-dua pengaruh positif dan negatif yang memerlukan pelajar dilengkapi dengan ilmu pengetahuan.

Perubahan dan sosialisasi negara ditambah lagi keadaan semasa yang begitu pantas berkembang amat memerlukan tenaga dan aset yang akan bertindak sebagai jentera penggerak yang efisien. Para penuntut adalah aset berharga yang diharap akan dapat menyumbang kepada perkembangan ekonomi dalam industri selain daripada minyak dan gas, dan untuk mencapai hasrat ini, negara memerlukan cerdik pandai bukan saja dalam sektor kerajaan malah sektor swasta. Justeru dalam mengalihkan dan membina 'mind set' yang progresif sandaran selepas menamatkan pengajian perlu dibentuk. Isu memilih pekerjaan yang selalu dianggap menjadi halangan bekerja perlu diubah menjadi cabaran positif untuk membuat sumbangan di pelbagai bidang dan sektor. Kerana itu pelajar-pelajar disaran untuk tidak terlalu mengharap pekerjaan dalam sektor kerajaan dan hendaklah menjadikan sektor swasta sebagai mekanisme dan nadi pertumbuhan ekonomi yang turut menyediakan peluang pekerjaan.

Harapan yang tinggi diletakkan di bahu pelajar-pelajar di mana pun mereka menuntut ilmu, hatta di dalam dan di luar negara. Jagalah imej negara, sampaikanlah kepada dunia luar bahawa kita adalah warga dan golongan masyarakat yang sama-sama boleh berperanan dan menyumbang ke arah pertumbuhan dan perkembangan dunia sekeliling dengan positif dan progresif. Selamat menuntut ilmu semoga pulang ke tanah air dengan memperoleh kejayaan yang cemerlang.



AWANG Haji Abdul Wahab bin Haji Sapar, Setiausaha Majlis Ugama Islam Brunei, Kementerian Hal Ehwal Ugama menyampaikan Derma Bantuan Bencana Alam kepada Dayang Hajah Fatimah binti Merali.

Mangsa kebakaran
terima bantuan
MUIB

BERAKAS, 14 Ogos. - Sebagai usaha membantu mereka yang ditimpa musibah seperti kebakaran, bencana alam dan sebagainya, Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB) sekali lagi memberikan bantuan serta-merta berupa wang tunai bagi meringankan beban yang ditanggung oleh mangsa-mangsa tersebut.

MUIB menghulurkan bantuan mangsa kebakaran kepada Dayang Hajah Fatimah binti Merali serta 13 kelimah keluarga seramai 22 orang sebanyak \$4,400.00 (empat ribu empat

ratus ringgit Brunei) yang mana rumah kediaman mereka iaitu No. 22, Simpang 123, Kampung Burong Pingai, Berakas telah ditimpa kebakaran pada 10 Ogos lalu.

Majlis berlangsung di Tingkat I, Pejabat MUIB, Bangunan Kementerian Hal Ehwal Ugama, Negara Brunei Darussalam.

Bantuan serta-merta tersebut adalah dari Kumpulan Wang Zakat, MUIB dan disampaikan oleh Awang Haji Abdul Wahab bin Haji Sapar, Setiausaha MUIB kepada mangsa berke-

PELITA BRUNEI akhbar rasmi kerajaan, diberikan percuma kepada rakyat; rajin membaca luas pengetahuan, Alai jawablah soalan tercatat.

SYARAT PERADUAN

1. Jika alai berumur 15 tahun ke bawah dan murid sekolah rendah atau menengah bawah maka alai dibenarkan mengisi borang jawapan yang disediakan.
2. Alai dibenarkan mengisi satu borang jawapan sahaja.
3. Alai hendaklah mengisi borang jawapan yang disediakan dalam PELITA BRUNEI sahaja dengan tulisan alai sendiri.

HADIAH-HADIAH MENARIK

1. Alai yang berjaya diberikan hadiah untuk tiga orang sahaja. Undian akan dilakukan jika ramai di antara alai yang berjaya menjawab dengan tepat.

TARIKH TUTUP

Hantarkan borang jawapan alai tidak lewat seminggu dari tarikh keluaran PELITA BRUNEI ini.

ALAI DIALU-ALUKAN MENGGUNAKAN PERPUSTAKAAN RUJUKAN, JABATAN PENERANGAN

Jawapan soalan Alai Pintar keluaran 11 Ogos 2004

Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Paduka Awang Abdul Rahman, Setiausaha Tetap Kementerian Kewangan.



Sila berikan nama penuh gambar di atas?

.....

.....

Abdul Muiz bin Haji Kasim,
Sekolah Rendah Dato Basir, Lambak Kanan.
Umur : 12 tahun

ALAI PINTAR

BORANG JAWAPAN ALAI PINTAR 632

Nama :

.....

Umur :

Alamat :

.....

Telefon rumah (jika ada) :

Sekolah :

.....

Hantarkan borang jawapan alai :

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

SOALAN ALAI PINTAR

Apakah jawatan yang dipegangnya dalam kerajaan sekarang?

.....

.....

Pemenang-pemenang soalan Alai Pintar keluaran 11 Ogos 2004

Mohamad Akmal Marhain bin Umar,
Sekolah Persediaan Arab, Beribi.
Umur : 10 tahun

Nurul Aqidah binti Ismail,
Sekolah Rendah Jerudong, Brunei III.
Umur : 11 tahun

Berangkat menghadiri bengkel anjuran PPPNBD

Oleh Siti Aishah HS

GADONG, 7 Ogos. - Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna selaku Yang Dipertua Persatuan Pandu Puteri Negara Brunei Darussalam (PPPNBD) hari ini berkenan menghadiri Bengkel Perkembangan Kedua anjuran Persatuan Pandu Puteri Brunei Darussalam (PPPNBD) yang diadakan di Institut Perkhidmatan Awam, di sini.

Bengkel tiga hari itu antara lain bertujuan un-

tuk membina kefahaman yang lebih baik lagi mengenai Proses Rancangan Strategik Persatuan Pandu Puteri dan Pengakap Wanita Sedunia (WAGGGS), selain mengatur strategi bagi kejayaan pemimpin-pemimpin kebangsaan PPPNBD.

Menurut, Cik Ching Wee-Ong, Pelatih di Bidang Pembangunan WAGGGS, para ahli organisasi persatuan seharusnya mencapai pelan strategik WAGGGS bagi tahun 2005-2008 iaitu

dengan memastikan para ahli mempunyai kualiti yang baik, memenuhi pengakuan sebagai ahli yang mengetuai organisasi selain mampu berganding bahu dan mewujudkan kerjasama sesama mereka.

WAGGGS adalah salah sebuah persatuan terbesar yang dianggotai oleh beberapa buah negara di seluruh dunia dan Negara Brunei Darussalam merupakan salah sebuah ahli badan berkenaan dari rantau Asia Pasifik.

Sumbangan Tabung Insaniah Mangsa Gempa Bumi Iran

BANDAR SERI BEGAWAN, 2 Ogos. - Tabung Insaniah Mangsa Gempa Bumi Iran hari ini menerima sumbangan derma daripada kumpulan isteri-isteri menteri kabinet, timbalan menteri, isteri Setiausaha Sulit dan Laila Rakhia Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-

Oleh Aliddin HM

Pertuan Negara Brunei Darussalam, isteri setiausaha tetap, timbalan setiausaha tetap dan ahli bersekutu.

Sumbangan derma itu diserahkan oleh Yang

Dimuliakan Seri Laila Pengiring Diraja Datin Seri Utama Hajah Dayang Rosnah kepada Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Digadong Seri Lela Dato Seri Paduka (Dr.) Haji Awang Hussain yang juga Penasihat Bersama Jawatankuasa Kebangsaan bagi

tabung tersebut.

Sejumlah B\$231,219.86 telah dikumpulkan setakat ini sejak ianya ditubuhkan pada 3 Mac yang lalu.

Tabung tersebut ditubuhkan bagi membantu meringankan penderitaan mangsa gempa bumi di Bandar Bam, Iran pada 26 Disember tahun lalu.

Maklumat data orang kurang upaya perlu dikemaskini

BERAKAS, 4 Ogos. - Pengemaskinian maklumat dan data adalah perlu bagi mengetahui jumlah sebenar orang-orang kurang upaya di negara ini bagi mengelakkan pendaftaran yang berulang dan duplikasi.

Justeru itu, dengan adanya data dan maklumat yang lengkap ianya akan dapat dijadikan sebagai asas atau panduan dalam menyediakan dan merangka perancangan yang betul dan sesuai dengan kehendak-kehendak mereka dalam usaha untuk membina keupayaan dan kemajuan mereka yang berkeperluan khas.

Pengarah Pembangunan Masyarakat, Datin Hajah Zaliha binti Haji Mohiddin menyatakan demikian dalam sembah alu-aluannya di Majlis Perasmian Pelancaran Pendaftaran Orang-orang Kurang Upaya Seluruh Negara dan Bengkel Dua Hari Bagi Orientasi dan Mobiliti Membantu Orang-orang Kurang Upaya Penglihatan dan Kerusi

Oleh Siti Aishah HS

Roda yang berlangsung di Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan di sini.

Beliau menjelaskan, usaha tersebut juga adalah selaras dengan saranan UN-ESCAP khususnya bagi negara-negara di rantau Asia dan Pasifik supaya akan dapat meningkatkan perolehan data orang-orang kurang upaya bagi tujuan penggubalan dasar atau 'improving disability data measures for policy use'.

Schubungan dengan itu, bagi memastikan perancangan yang dilaksanakan oleh kerajaan dalam memeduli hal-ehwal dan kebajikan orang-orang kurang upaya di negara ini membuah hasil positif, maka sokongan dan pemedulian dari semua pihak amatlah diperlukan.

Dalam pada itu, Jabatan



MENTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Digadong Seri Lela Dato Seri Paduka (Dr.) Haji Awang Hussain ketika merasmikan Majlis Pelancaran Pendaftaran Orang-orang Kurang Upaya Seluruh Negara dan Bengkel Dua Hari bagi Orientasi dan Mobiliti Membantu Orang-orang Kurang Upaya Penglihatan dan Kerusi Roda. - Gambar oleh Abdullah HAD.

Pembangunan Masyarakat (JAPEM) menyeru orang ramai terutama para ibu bapa dan penjaga orang-orang kurang upaya supaya memberi kerjasama untuk membuat pendaftaran ke JAPEM supaya mereka yang kurang upaya ini dapat diberi bimbingan dan latihan sempurna agar menjadi insan berguna dalam samasama menyumbang kepada kemajuan negara.

Majlis juga diselenggarakan dengan penerimaan sumba-

ngan derma daripada dua buah syarikat iaitu Syarikat Asterix United (B) Sendirian Berhad dan Syarikat L.S. Kai Care dan seterusnya penyampaian kerusi roda serta tongkat putih kepada orang-orang kurang upaya yang diterima oleh Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Digadong Seri Lela Dato Seri Paduka (Dr.) Haji Awang Hussain, selaku tetamu kehormat majlis.

Teori pengurusan Islam mempunyai hubungan dengan nilai masyarakat



PESERTA yang menyertai Simposium Integriti Dalam Perkhidmatan Awam anjuran Jabatan Perkhidmatan Awam. - Gambar oleh Halim HS.

Oleh Abu Bakar HAR

BERAKAS, 7 Ogos. - Teori pengurusan Islam merupakan satu teori yang mempunyai ikatan yang erat dengan falsafah kemasyarakatan bagi sesebuah masyarakat Islam, di mana teori tersebut mempunyai hubungan kuat dengan akhlak dan nilai-nilai masyarakat dengan erti kata lain pengurusan Islam adalah sebahagian daripada sistem masyarakat.

Awang Haji Noralizam menggariskan perkara tersebut mengenai dengan perubahan masyarakat yang berakhlak di Simposium Integriti Dalam Perkhidmatan Awam dalam kertas kerjanya yang bertajuk Integriti Pengurusan Dalam Islam di bawah tajuk ciri-ciri dalam teori pengurusan Islam.

Menyentuh mengenai perubahan ekonomi dan kebendaan, beliau menjelaskan, teori pengurusan Islam memusatkan perhatiannya ke atas pergolakan dan perubahan ekonomi serta berkhidmat untuk memberi keupayaan fisiologi kepada setiap individu iaitu pengurusan dalam Islam bertanggungjawab menjalankan urusan demi memenuhi material pekerjaannya selama

mana pekerja itu bekerja dengan penuh amanah.

Sementara perubahan kemanusiaan, menurutnya, ia menitikberatkan ciri-ciri kemanusiaan dan kerohanian, di samping menghormati manusia sebagai insan yang sama-sama terlibat dalam pengurusan mengikut keupayaan yang ada pada mereka, baik dari segi keupayaan akal, fizikal dan kejiwaan dengan pengertian konsep syura dan kerjasama dalam pengurusan serta menghormati nilai kemanusiaan pekerja.

Manakala teori yang menitikberatkan serta menentukan bidang tugas dan tanggungjawab iaitu dengan mematuhi dan menghormati kuasa serta peraturan rasmi mengikut carta organisasi pentadbiran dengan menuntut agar setiap tindakan yang baik itu dipatuhi.

Teori tersebut terkandung di dalam perubahan etika dan peraturan yang dengan kata lain kuasa rasmi, penyusunan pengurusan dan kepatuhan kepada yang benar adalah asas teori pengurusan dalam Islam.

Juga disentuh dalam ceramah itu termasuklah mengenai paradigma di dalam pengurusan dan pentadbiran, matlamat pengurusan dalam Islam serta kecurangan pengurusan.

Menyentuh mengenai

kecurangan pengurusan, beliau menekankan bahawa amalan yang bertentangan dengan nilai dan etika murni meluas di seluruh dunia khususnya dalam organisasi dan pengurusan, akibatnya akan melahirkan kegiatan seperti mengambil kesempatan untuk kepentingan diri, amalan pilih kasih dan sebagainya, di samping salah guna kuasa dalam kesedaran dan pengetahuannya seperti memberi tender, kontrak, pinjaman, subsidi dan sebagainya kepada ahli keluarga, sahabat dan sebagainya yang tidak berhak.

Dalam cadangan dan pandangan beliau menerusi kertas kerja tersebut antara lain menyentuh agar mewujudkan suasana pengurusan yang berdasarkan persetujuan bersama, di samping hendaklah menanamkan rasa percaya diri sendiri di kalangan semua pekerja agar mereka sentiasa berusaha menuju ke arah matlamat organisasi di mana dengan cara tersebut akan dapat menghilangkan rasa tertekan atau terpaksa dalam menjalankan tugas-tugasnya.

Juga menyampaikan kertas kerja di simposium hari terakhir tersebut bagi sama-sama berkongsi pengetahuan termasuklah wakil dari Jabatan Perkhidmatan Awam dan Jabatan Radio dan Televisyen Brunei.

Komitmen, kerjasama kunci integriti Perkhidmatan Awam

Oleh Haji Ahmad HS

BERAKAS, 7 Ogos. - Dalam mengangkat dan mempertahankan integriti Perkhidmatan Awam, ianya telah dan akan terus mengalami hambatan dan cabaran seperti krisis ekonomi, globalisasi, ledakan teknologi maklumat dan keadaan pelangan yang lebih sofistikated dan berpengetahuan serta mempunyai harapan tinggi bagi Perkhidmatan Awam itu berfungsi secara berkesan.

Walau apa pun cabaran-cabaran yang kita hadapi dalam Perkhidmatan Awam di negara ini, meskipun masih terdapat ruang-ruang yang perlu diperbaiki dari masa ke semasa pada keseluruhannya kita masih dapat mempertahankan integriti Perkhidmatan Awam itu sendiri. Matlamat kita ialah menyelesaikan masalah bukan menambah masalah.

Perkara tersebut ditekan oleh Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Jabatan Perdana Menteri, Awang Haji Saifon bin Awang Haji Besar ketika menyampaikan rumusan Simposium Integriti Dalam Perkhidmatan Awam yang berakhir hari ini di Pusat Persidangan Antarabangsa di sini.

Beliau seterusnya menambah, beberapa usaha telah dilaksanakan bagi

menguatkan integriti dalam Perkhidmatan Awam, antaranya Tekad Pemedulian Orang Ramai (TPOR) yang dikhususkan untuk memberikan perhatian dan pemedulian terhadap kehendak dan keperluan orang ramai melalui pemedulian sistem pemberian perkhidmatan yang mantap.

Katanya, penubuhan badan-badan bebas berperanan sebagai mekanisme 'check and balance' dalam kerajaan ke arah akauntabiliti agensi-agensi dalam Perkhidmatan Awam perlu diwujudkan. Ini dilaksanakan melalui pengawasan terhadap penggunaan sumber-sumber yang diperuntukkan serta perlindungan terhadap kepentingan-kepentingan kerajaan dari segi integriti keselamatan, profesional, individu dan data.

"Penguatan integriti melalui penyemaian unsur-unsur kerohanian berteraskan ajaran-ajaran agama Islam, penghayatan Rukun Akhlak dan Etika Kerja serta mematuhi peraturan-peraturan yang wujud dalam Perkhidmatan Awam dalam mengawal tingkah laku dan tata tertib merupakan teras integriti Perkhidmatan Awam," terangnya.

Menurutnya lagi usaha

untuk memelihara dan mengetengahkan imej baik kerajaan yang mempunyai kredibiliti dan integriti ditani melalui penyebaran maklumat yang tepat dan cepat dengan menggunakan saluran-saluran media elektronik dan media cetak.

"Walaupun pada keseluruhannya, terdapat usaha-usaha dalam menguatkan integriti dalam Perkhidmatan Awam, akan tetapi kita perlu terus-menerus memperbaiki dan mempertingkatkan dari segi: struktur organisasi, pengurusan organisasi dan tenaga manusia," tegasnya.

Sebelum beliau mengakhiri dan menutup simposium, beliau telah mengemukakan kunci kecemerlangan dalam Perkhidmatan Awam adalah dalam menguatkan integriti yang mana terletak di atas semangat ingin maju dan jujur serta kerjasama di semua peringkat pegawai dan kakitangan Perkhidmatan Awam.

Simposium yang diadakan selama dua hari itu telah dimanfaatkan dengan pembentangan sebanyak sembilan kertas kerja serta ceramah oleh pembentang dan penceramah yang terdiri dari wakil agensi kera-



KETUA Pengarah Perkhidmatan Awam, Awang Haji Saifon bin Awang Haji Besar ketika menyampaikan rumusan Simposium Integriti Dalam Perkhidmatan Awam anjuran Jabatan Perkhidmatan Awam. - Gambar oleh Halim HS.

jaan dan pihak swasta dengan tujuan untuk mempertingkatkan lagi kesedaran, kefahaman dan penghayatan semua lapisan warga Perkhidmatan Awam mengenai pentingnya integriti dan imej baik Perkhidmatan Awam dipelihara.

Simposium Integriti Dalam Perkhidmatan Awam dianjurkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam dan dikendalikan oleh Jabatan Perkhidmatan Pengurusan yang dihadiri oleh hampir semua peringkat warga Perkhidmatan Awam.

1,105 pelajar mengikuti pelbagai kursus di UBD

BERAKAS, 24 Julai. - Pelajar-pelajar yang baru memulakan pengajian tinggi di peringkat ijazah perlu berazam penuh untuk mencapai kecemerlangan di dalam disiplin masing-masing di samping bertekad untuk meneruskan pengajian ke peringkat sarjana dan lebih baik lagi peringkat Ph.D atau di dalam disiplin lain bagi kebolehan 'multi-disciplinary'.

"Objektif ini adalah penting dan bersesuaian dengan struktur umur pelajar-pelajar kita yang rata-rata lebih muda. Ini juga penting untuk lebih memenuhi keperluan negara dan meningkatkan prospek untuk mendapatkan pekerjaan," jelas Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri, Dato Paduka Awang Haji Abdul Wahab bin Juned di Majlis Perasmian Pembukaan Minggu Orientasi Pelajar Pengambilan Sesi 2004/2005 Universiti Brunei Darussalam (UBD).

Beliau menggariskan beberapa pendekatan yang perlu bagi mencapai kecemerlangan 'par excellence' dalam semua jurusan pengajian tinggi ter-

Oleh
Samle HJ

masuk akademik, teknikal, vokasional atau profesional.

Katanya, pelajar-pelajar berkeupayaan perlu mengutamakan pilihan disiplin 'hard option' untuk mencapai kecemerlangan melebihi ijazah pertama untuk terus ke peringkat kepakaran dan pengkhususan.

Di samping itu, pelajar juga perlu bersedia untuk mendapatkan pengalaman bekerja di dalam sektor strategik di negara-negara yang maju, lebih kompetitif di dalam kebolehan bertutur bahasa-bahasa antarabangsa, di samping menghayati keperluan untuk menuntut sepanjang hayat.

Pada peringkat negara pula, Dato Paduka berpelembutan dapat keperluan bagi nisbah peruntukan dan perbelanjaan kerajaan yang membolehkan 'education for survival', di samping pendaftaran tinggi pelajar-pelajar bagi pengajian tinggi bagi pelbagai disiplin di pusat-pusat peng-

ajian tinggi 'par excellence' perlu diadakan.

Beliau juga melahirkan harapan agar nisbah tinggi bilangan pelajar-pelajar yang membuat pengkhususan pengajian tinggi dalam bidang sains, kejuruteraan, matematik, perubatan, ekonomi, pendidikan, perundangan, sains, kemasyarakatan, pengurusan, perakaunan dan teknologi infokomunikasi.

"Galakan kompetitif kerjaya bagi bidang kepakaran, lebih-lebih lagi bagi R & D atau kajian dan kemajuan perlu diadakan," jelasnya.

Katanya, penyediaan infrastruktur dalam pelbagai disiplin dan latihan adalah penting bagi pendidikan sepanjang hayat.

Terdahulu, beliau menjelaskan takat ketepuan atau 'saturation point' bagi peluang pekerjaan yang memerlukan ijazah pertama adalah lebih mudah apabila kemajuan pendidikan dan 'sophistication' pembangunan meningkat.

Selain dari pertambahan peluang-peluang pekerjaan melalui peningkatan ekonomi, katanya, pada peringkat individu ma-

salah pekerjaan itu dapat diatasi melalui pencapaian pengajian yang cemerlangan atau pada peringkat melebihi ijazah pertama dan lebih dari itu pengalaman bekerja dengan organisasi terkemuka di luar negeri dan kelulusan profesional akan menambah cerah peluang pekerjaan.

"Inilah di antara mekanik persaingan yang sihat dihayati oleh pelajar-pelajar. Pengangguran pasti akan ada, sama ada di tahap yang tinggi bagi tempoh yang berpanjangan atau di tahap yang minima," jelasnya.

Seramai 1,105 orang pelajar ditawarkan untuk mengikuti pelbagai kursus di UBD memulakan Minggu Orientasi selama lima hari bermula hari ini.

Minggu Orientasi itu memberi peluang kepada pelajar-pelajar baru bagi mengenal sistem pentadbiran universiti, fakulti dan bahagian-bahagian penting di UBD.

Sepanjang aktiviti suai kenal, para pelajar mengikuti taklimat dan ceramah yang bersangkutan akademik serta sistem dan peraturan UBD.



YANG Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia Haji Awang Abu Bakar, Menteri Kesihatan semasa menerima kunjungan Puan Yang Terutama Dr. Sohaila Sediqq, Menteri Kesihatan Awam Afghanistan. - Gambar oleh Haji Masmaleh HMA.

Menerima kunjungan muhibah

BERAKAS, 29 Julai. - Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apeng, Menteri Kesihatan menerima kunjungan muhibah Puan Yang Terutama Dr. Sohaila Sediqq, Menteri Kesihatan Awam Afghanistan di Kementerian berkenaan, hari ini.

Semasa perjumpaan, Yang Berhormat dan Puan

Oleh
Samle HJ

Yang Terutama bertukar maklumat mengenai pengalaman dalam bidang kesihatan kedua-dua buah negara, di samping membincangkan perkara yang mungkin meningkatkan kerjasama kedua-dua buah negara.

Lawatan Puan Yang

Terutama antara lain bertujuan bagi mengetahui kejayaan Negara Brunei Darussalam dalam pengurusan sistem kesihatan di negara ini.

Kedua-dua menteri itu juga bertukar-tukar pandangan dan pendapat mengenai perkara yang berhubung kait kemajuan kesihatan kedua-dua buah negara.

Puan Yang Terutama berada di negara ini dalam rangka lawatan kerja.

Budaya membaca kurang di kalangan pelajar

SALAMBIGAR, 2 Ogos. - Pengarah Penerangan, Awang Haji Bujang bin Haji Mas'ut berkata kadar literasi di negara ini telah mencapai melebihi 90 peratus.

Namun apa yang membimbangkan, katanya, kebanyakan pelajar-pelajar sama ada dari peringkat menengah mahu pun peringkat universiti, malah lepasan universiti dari dalam atau luar negara kurang mengamalkan budaya membaca.

Awang Haji Bujang menekankan perkara tersebut sewaktu melancarkan Readathon 2004 Sekolah Menengah Sultan Sharif Ali di sini.

Oleh
Abu Bakar HAR

Katanya, dengan membudayakan diri dengan sikap suka membaca setentunya akan menambah ilmu dan pengetahuan.

Terdahulu dari itu, dalam penjelasan Pengerua sekolah berkenaan, Dayang Hajah Zaliha menerangkan Readathon yang mereka ungkayahkan itu merupakan projek sekolah yang bertujuan untuk mengutip derma sebagai salah satu usaha menambah kewangan sekolah bagi tujuan mem-

beli peralatan dan perkakas sekolah, di samping lima peratus darinya untuk menubuhkan tabung kebajikan penuntut sekolah berkenaan.

Tambahnya, antara aktiviti yang akan dilaksanakan bermula pada keesokan harinya ialah aktiviti pembacaan yang akan diadakan setiap hari bermula 7.30 pagi hingga 7.45 pagi bagi tempoh 40 hari waktu bekerja.

Juga diadakan di majlis pelancaran itu termasuklah pameran jabatan-jabatan akademik sekolah tersebut serta pameran dan penjualan buku-buku oleh syarikat-syarikat penjual buku.

Rawatan, pemulihan dibincangkan

JERUDONG, 11 Ogos. - Mesyuarat Dua Hala Kali Ke-9 antara Biro Kawalan Narkotik, Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam dengan Jabatan Narkotik, Polis Diraja Malaysia, berlangsung hari ini di Hotel Empire & Country Club di sini.

Mesyuarat tahunan berkenaan kali ini di-pengerusikan bersama oleh Pemangku Pengarah Biro Kawalan Narkotik, Awang Haji Abdul Majid bin Mangarshah dan Pengarah Jabatan Narkotik, Polis Diraja Malaysia, DCP Dato Mohd. Najib bin Abdul Aziz yang antara lain membincangkan mengenai ketetapan ke atas mana-mana cadangan yang berbangkit dari Mesyuarat Kumpulan Kerja Ke-7 yang dibuat sebelum ini.

Menurut Timbalan Pengarah Biro Kawalan Narkotik, Dayang Hajah Shireen binti Haji Mustapha menjelaskan, hasil dari mesyuarat itu beberapa bidang akan dibuat ketetapan terutama sekali dalam penguatkuasaan undang-undang yang membawa era baru mengenai pendidikan pence-

Oleh
Siti Aishah HS
dan Haji Ahmad HS

gahan dadah selain membuat ketetapan dari isu-isu yang berbangkit mengenai rawatan dan pemulihan serta ketetapan yang lebih kepada operasi bersama di antara kedua-dua buah negara.

Tambah beliau, ketetapan dari rawatan dan pemulihan itu nanti adalah untuk menimbulkan kesedaran kepada masyarakat sekeliling mengenai penyalahgunaan dadah dan risikonya selain meneroka dan mempraktikkan kaedah-kaedah baru yang digunakan di rantau lainnya.

Sementara itu, menurut Pengarah Jabatan Narkotik, Polis Diraja Malaysia, DCP Dato Mohd. Najib bin Abdul Aziz pelbagai kerjasama dijalin dalam sama-sama memantau operasi rentas sempadan Sabah dan Sarawak, di samping membuat pertukaran maklumat operasi dan memberi latihan dari segi penyiasatan di antara



MESYUARAT Dua Hala Kali Ke-9 antara Biro Kawalan Narkotik Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam dengan Jabatan Narkotik, Polis Diraja Malaysia. - Gambar oleh Mohd. Zul-izzi HD.

kedua buah negara.

Terdahulu sebelum itu Mesyuarat Kumpulan Kerja Ke-7 juga diadakan di tempat yang sama, yang membincangkan peningkatan dan memperluaskan bidang kerjasama dua hala dalam pelaksanaan yang merangkumi rawatan dan pemulihan serta pendidikan

an pencegahan dadah, di samping menyeimbangkan tindakan dari segi penguatkuasaan bekalan dan permintaan, yang menjadi salah satu agenda utama dalam mesyuarat itu.

Mesyuarat Kumpulan Kerja pertama telah diadakan di Pulau Pinang, Malaysia pada tahun 1996.

Pusat Ehsan terima derma \$10,444

BENGKURONG, 13 Ogos. - Lebih dari sepuluh ribu ringgit dalam bentuk derma hari ini diterima oleh pihak pengurusan Pusat Ehsan bagi membantu insan-insan istimewa di pusat tersebut.

Dari jumlah itu, sebanyak \$10,444.00 diterima dari ahli Persatuan Persahabatan Wanita Asia Pasifik, Jepun yang disampaikan oleh Dayang Hajah Jauiyah binti Mohd. Daud, isteri Duta Besar Negara Brunei Darussalam ke Jepun dan diserahkan kepada Pengerusi Jawatankuasa Eksekutif Pusat berkenaan, Datin Hajah Noraini.

Derma sumbangan tersebut adalah hasil daripada kutipan jualan amal yang diungkuayahkan oleh Persatuan Persahabatan Wanita Asia Pasifik di Tokyo, Jepun.



PENGARAH Penerangan, Awang Haji Bujang menyaksikan pameran dari jabatan-jabatan akademik Sekolah Menengah Sultan Sharif Ali sejurus melancarkan Readathon 2004 sekolah berkenaan. - Gambar oleh Mohd. Zul-izzi HD



PENGERUSI Lembaga Bandaran Kuala Belait dan Seria, Awang Abdul Majid bin Alias ketika melancarkan Perlumbaan Bot Kawalan Jauh. Hadir sama Pegawai Daerah Belait, Dato Paduka Awang Haji Mohd. Yussop bin Bakar.

Perlumbaan Bot Kawalan Jauh disambut meriah

Berita dan gambar-gambar oleh
Dk. Hajah Saidah PHOA

SERIA, 8 Ogos. - Acara perayaan sempena menyambut Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-58 bagi Daerah Belait diteruskan dengan Perlumbaan Bot Kawalan Jauh di Taman Rekreasi Jubli Anduki di sini.

Tetamu kehormat, Pengerusi Lembaga Bandaran Kuala Belait dan Seria, Awang Abdul

Majid bin Alias dan antara yang hadir sama menyaksikan pertandingan itu Pegawai Daerah Belait, Dato Paduka Awang Haji Mohd. Yussop bin Bakar.

Pengerusi Pertandingan, Awang Haji Abdul Sawal bin Yaman menyatakan pertandingan tersebut merupakan acara baru sempena menyambut Hari Keputeraan baginda dan akan diteruskan di tahun-tahun akan datang yang bertujuan bagi menggalakkan belia dan remaja berkecimpung dalam aktiviti yang mudah dilakukan bagi menghindarkan diri dari gejala negatif.

Pertandingan tersebut diadakan selama dua hari

bermula kelmarin bagi peringkat saringan manakala hari ini pula peringkat akhir yang dibahagikan kepada lima kategori, kategori A, kelas terbuka kuasa enjin tidak terhad local modified tunnel/catamaran hull; kategori B, tunnel/catamaran hull local modified 43CC ke bawah; kategori C tunnel, catamaran hull local modified 35CC ke bawah; kategori D, monohull inboard gasoline local modified 43CC ke bawah dan kategori E, open hull 26CC ke bawah.

Pertandingan mendapat sambutan yang sangat menggalakkan dengan lebih 40 penyertaan bukan saja daripada penduduk

tempatan, tetapi juga negara jiran terdekat Sabah dan Bintulu, Miri, Sibiu, Kuching, Sarawak. Selain itu pelbagai atur cara lain juga diadakan di hari pertandingan itu seperti hiburan, persembahan kebudayaan, pertandingan tarik kalat, lumba lari dalam guni, pakaian seragam dan cabutan tiket bertuah serta gerai menjual pelbagai makanan.

Pemenang pertama menerima piala dan wang tunai antara \$250.00 ke \$350.00, pemenang kedua menerima piala dan wang tunai antara \$150.00 ke \$250.00 dan pemenang ketiga menerima piala dan wang tunai antara \$100.00 ke \$150.00, sementara bot tercantik menerima piala dan juara keseluruhan menerima piala pusingan.



PERTANDINGAN Perlumbaan Bot Kawalan Jauh bukan saja disertai penduduk tempatan tetapi juga negara jiran terdekat, Sabah dan Sarawak.

Pelajar-pelajar khatam Al-Quran diraikan

LUMUT, 7 Ogos. - Mendidik anak supaya pandai membaca Al-Quran sejak dari kecil lagi merupakan suatu kewajipan ke atas ibu bapa dan penjaga serta rugilah mereka jika sekiranya gagal berbuat demikian.

Oleh itu seramai 52 orang pelajar terdiri daripada 27 pelajar lelaki dan 25 pelajar perempuan Darjah 6 Ujama Sekolah Mengengah Pengiran Anak Puteri Hajah Rashidah Sa'adatol Bolkiah yang berjaya mengkhataamkan 30 juzuk Al-Quran telah diraikan di satu majlis yang diadakan di sekolah berkenaan pagi tadi.

Tetamu kehormat, Pengarah Penerangan, Awang Haji Bujang bin Haji Masu'ut dan isteri menabur bunga rampai, seterusnya menyampaikan sijil dan cenderamata kepada pelajar-pelajar yang diraikan. Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Faatihah beramai-ramai dan diikuti selepas itu bacaan ayat-ayat lazim oleh para peserta khatam serta bacaan tahtim oleh pelajar-pelajar perempuan Darjah 4, 5 dan 6.

Bacaan Doa Khatam disampaikan oleh peserta khatam, Awang Hasnan bin Adenan, manakala bacaan dikir pula diperdengarkan oleh pelajar-pelajar lelaki Darjah 4, 5 dan 6. Majlis seumpama itu sebagai projek tahunan dan salah satu kegiatan

keagamaan Jabatan Pengajian Islam, Kementerian Pendidikan bagi sekolah-sekolah agama.

Pengerusi Majlis, Haji Bagol bin Haji Awang Tuah berharap para pelajar yang dikhatamkan akan terus belajar mendalami dan menghalusi lagi bacaan Al-Quran serta menjadikan amalan pembacaan Al-Quran sebagai salah satu amalan harian yang berterusan hingga ke akhir hayat.

Sementara itu majlis serupa juga diadakan di Sekolah Rendah Sungai Liang pada sebelah petangnya bagi 22 orang pelajar iaitu tujuh murid lelaki dan 11 orang murid

perempuan Darjah 6 Sekolah Ujama Sungai Liang termasuk tiga murid lelaki dan seorang perempuan bukan Darjah 6. Tetamu kehormat, Pengerusi Hal Ehwal Korporat, Syarikat Loji Gas Cecair Asli Brunei (BLNG), Pengiran Hajah Hajjah binti Pengiran Haji Matarsat menabur bunga rampai dan menyampaikan sijil kepada mereka yang diraikan.

Pegawai Pelajaran yang juga Guru Besar sekolah itu, Awang Haji Mohd. Hamdi bin Haji Mohd. Isa menyatakan, matlamat majlis tersebut diadakan sebelum pelajar-pelajar terbabit mening-

galkan persekolahan, di samping berbangga dengan memperoleh Sijil Darjah 6 Al-Quran serta menjadikannya amalan harian dan budaya bukan saja sewaktu mereka berada di sekolah, bahkan ketika berada di mana saja.

Beliau yang juga Pengerusi Majlis berkata, adalah menjadi hasrat pihak sekolah agar ibu bapa dan penjaga pelajar supaya memberi peluang dan sokongan kepada anak-anak mereka untuk terus mempelajari ilmu Al-Quran dari segi tajwid dan lagu dengan menghantar anak-anak mereka ke masjid atau ke tempat lain untuk berguru.



PENGARAH Penerangan, Awang Haji Bujang bin Haji Masu'ut menabur bunga rampai serta menyampaikan sijil dan hadiah kepada seorang pelajar yang diraikan.

Kawal berat badan

SERIA, 5 Ogos. - Bagi membentuk kesedaran mengenai kategori-kategori penyakit yang tidak disedari dikenali sebagai 'penyakit cara hidup' atau masalah kesihatan yang berkaitan dengan berat badan berlebihan dan obesiti, Pusat Kesihatan Panaga (PHC) melalui Jabatan Pendidikan Kesihatan telah menganjurkan Program 'Menjaga Berat Badan'.

Lebih 30 orang peserta terdiri daripada isteri-isteri para pegawai dan

kakitangan Syarikat Minyak Brunei Shell (BSP) menyertai program selama dua bulan yang dilancarkan hari ini di ibu pejabat syarikat berkenaan di sini. Melalui program tersebut para peserta ditunjukkan cara yang betul dalam penjagaan pengambilan pemakanan yang sihat termasuk amalan makan makanan yang bebas daripada kandungan kolesterol dan tidak mengandungi lemak terutama sekali yang banyak terkandung dalam pemakanan tempatan.

Menerusi program itu mereka juga diingatkan betapa pentingnya melakukan senaman sebagai amalan seharian secara rutin serta diberikan sokongan dan bantuan oleh pegawai-pegawai PHC yang juga memberikan motivasi supaya mendisiplinkan diri dalam menjaga pemakanan dan menurunkan berat badan dengan cara yang sihat.

Dengan adanya sokongan yang kuat daripada kumpulan PHC itu nanti para peserta berpeluang

mengongsikan idea di kalangan mereka, di samping mendapat banyak pengetahuan yang positif mengenai cara hidup yang sihat.

Di hari pelancaran itu pemeriksaan secara percuma kolesterol dalam darah dan pemeriksaan gula dalam badan juga telah diadakan serta ceramah kesihatan bertajuk 'Obesiti Di Kalangan Orang Dewasa' disampaikan oleh Pegawai Perubatan PHC, Dr. Prevesh Kaur.

PASTIKAN NELAYAN PATUHI ARAHAN

KUALA BELAIT, 5 Ogos. - Para nelayan diingatkan supaya tidak melanggar peraturan perikanan dan keselamatan negara seperti penggunaan bahan-bahan letupan dan racun untuk tujuan menangkap ikan.

Sehubungan itu Jabatan Perikanan mengadakan operasi bersepadu bersama agensi-agensi penguat kuasa terdiri daripada Pasukan Polis Diraja Brunei, Jabatan Keselamatan Dalam Negeri, Jabatan Buruh dan Jabatan Imigresen yang dinamakan Operasi Kembura 15/04 di Kawasan Tambing Pendaratan di Jalan Kampong Melayu Asli di sini.

Dalam operasi itu enam orang nelayan terdiri daripada tiga warga Indonesia dan Malaysia yang bekerja di salah sebuah syarikat menangkap ikan di sini dan dua lagi anak tempatan yang menjalankan pemiagaan tersebut telah diperiksa, bagaimanapun didapati tiada sebarang perkara yang menyalahi peraturan dan undang-undang Jabatan

Laut.

Operasi lebih kurang satu jam bermula jam 2.30 dan berakhir kira-kira jam 3.30 petang menumpukan ke atas nelayan-nelayan yang beroperasi melalui penurunan perahu di Kuala Belait bertujuan mencegah kegiatan pelanggaran peraturan-peraturan di bawah Akta Perikanan dan Perintah Perkapalan Pedagang 2002, di samping memberi peringatan dan menguatkuasakan lara-

ngan penangkapan ikan dalam kawasan 500 meter di semua pelantar-pelantar minyak Shell.

Selain memastikan nelayan-nelayan yang terlibat mengetahui larangan-larangan dan seterusnya tidak menangkap ikan di kawasan pelantar minyak, operasi juga adalah bagi memastikan pemilik-pemilik syarikat mematuhi segala Akta dan Peraturan Buruh dan Imigresen bagi pekerja-pekerja asing.



AGANSI-AGANSI penguatkuasaan menjalankan pemeriksaan ke atas bot-bot nelayan yang mendarat di kawasan tambing pendaratan di Jalan Kampong Melayu Asli, Kuala Belait.

Sastera dan Budaya

سستردان بودايا

PENGENALAN

DALAM bidang filologi, pekerjaan mentraliterasi sesebuah teks bukanlah perkara yang mudah. Ia memerlukan kepakaran, ketekunan dan kesabaran yang tinggi bagi mencari manuskrip yang paling hampir kepada yang asli. Lebih-lebih lagi pekerjaan mengumpul manuskrip-manuskrip ini agak sukar memandangkan ianya berselerak di sana sini. Selepas pekerjaan mentraliterasi dibuat, barulah kajian-kajian penelitian dan analisa dilakukan yang juga merupakan pekerjaan yang rumit kerana versi sesebuah manuskrip itu mempunyai lebih daripada satu.

Menurut Ismail Hussein terdapat kira-kira 5,000 naskhah manuskrip Melayu di seluruh Nusantara.¹ Kemudian barulah kerja-kerja penerbitan dilakukan bagi memastikan karya-karya ini dapat diperluaskan dan dikembangkan kepada orang ramai. Terdapat beberapa buah institusi yang membuat pentraliterasian, penelitian dan penerbitan manuskrip di Brunei seperti Arkib Negara di Muzium Negara, Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), Pusat Sejarah, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Pusat Da'wah Islamiah, Jabatan Mufti Kerajaan, Universiti Brunei Darussalam dan sebagainya. Institusi ini telah berjaya menyimpan beberapa manuskrip lama Brunei. Misalnya naskhah *Syair Awang Semaun*. Mengikut kajian Haji Abd. Hamid Jaluddin, terdapat sekurang-kurangnya dua naskhah *Syair Awang Semaun* tersimpan di Arkib, enam naskhah di DBP dan satu naskhah di Pusat Sejarah (1995/1996).

MANUSKRIP SIMPANAN ARKIB NEGARA

Arkib Negara Brunei Darussalam telah berjaya mengumpulkan sebahagian besar naskhah-naskhah manuskrip Melayu yang terdapat di negara ini dan juga mendapatkan naskhah-naskhah manuskrip ini dari negara jiran. Koleksi Arkib Negara ini telah mencatatkan sebanyak 362 naskhah dan merupakan bilangan yang tertinggi jika dibandingkan dengan institusi-institusi lain. Dari jumlah ini sebanyak 187 buah naskhah adalah yang asli dan selainnya adalah berbentuk salinan.² Kemudahan membuat salinan melalui mikrofilem juga diadakan bagi menjaga keselamatan manuskrip itu dari bahaya.

KUMPULAN KOLEKSI MANUSKRIP DI ARKIB

Koleksi manuskrip Arkib Negara ini mempunyai beberapa kumpulan atau kategori seperti kumpulan Ugama, Al-Quran, Cerita dan Hikayat, Syair, Salasilah, Perubatan Melayu, Sejarah, Epik dan sebagainya.

1. Kumpulan Kitab Ugama berjumlah 171 naskhah. Di dalamnya mengandungi hal-hal yang berkaitan dengan ugama, kepercayaan dan aqidah. Kumpulan ini adalah yang terbesar di Arkib dan mendominasi kumpulan-kumpulan lain.

2. Kumpulan syair berjumlah 37 naskhah yang masih dalam tulisan tangan dari huruf jawi. Kumpulan ini bolehlah dianggap bahan yang masih mentah, masih belum ditraliterasi.

3. Kumpulan Cerita dan Hikayat terkumpul sebanyak 35 naskhah yang juga dalam tulisan tangan dari huruf jawi.

4. Kumpulan Al-Quran mempunyai 25 naskhah. Naskhah ini majoritinya adalah berasal dari kawasan Indonesia dan masih juga bertulisan tangan dalam tulisan jawi. Perolehannya bermula pada penghujung 1990-an oleh pihak Arkib.

Selainnya ialah kumpulan-kumpulan seperti kumpulan salasilah yang menyentuh mengenai juri keturunan raja-raja sama ada di Brunei, Aceh, Sambas dan sebagainya. Terdapat juga kumpulan perubatan Melayu seperti mantera-mantera, petua-petua mengubati bisa-bisa secara tradisional, wafat dan sebagainya. Kumpulan sejarah juga tidak ketinggalan yang banyak menerangkan mengenai sejarah Brunei, sultan-sultan Brunei, sejarah beberapa peristiwa di Brunei dan sebagainya. Selebihnya terdapat juga manuskrip-manuskrip yang agak sukar untuk digolongkan kategorinya kerana tidak mempunyai tajuk, ini adalah disebabkan kehilangan halaman depan pada manuskrip itu. Jadinya penelitian yang lanjut mengenai isinya mestilah dibuat untuk memastikan golongan bagi satu-satu manuskrip yang tidak bertajuk ini.

Antara manuskrip yang terdapat di Arkib Negara ialah Hikayat Semaun, Syair Awang Semaun, Journal of Voyage To The Soloo Island and North Borneo (1762-1763), Syair Sultan Jamalul Alam, Syair Sultan Ahmad Tajuddin, Naskhah Tulisan Tangan Allahyarham Pehin Dato Imam Haji Abd. Mokti, Syair Yang Di-Pertuan, Kanun Brunei, Syair Tersilah cerita Abang Gudham dengan Temanggung Kadir Negeri Saribas, Zaman Ketahanan Negeri Brunei, Inilah Keturunan Anak Cucu Temanggung Dakula Dengan Raja Bendahara Alam dan Salasilah Raja-Raja Dalam Kerajaan Brunei.³

PENTRALITERASIAN, PENELITIAN DAN PENERBITAN MANUSKRIP: ANALISIS MUTAKHIR

PENTRALITERASIAN

Setakat ini belum diketahui mengenai jumlah sebenar naskhah yang telah ditraliterasi di Arkib. Tetapi bolehlah dianggarkan pihak Arkib mempunyai bilangan yang besar manuskrip yang telah ditraliterasi memandangkan banyak pengkaji atau penyelidik telah membuat penelitian di sana.

PENELITIAN

Memang banyak pengkaji telah membuat penelitian terhadap manuskrip-manuskrip di Arkib Negara. Ini memandangkan Arkib menyimpan bilangan yang terbesar jumlah manuskrip sama ada yang berbentuk asli mahupun yang berbentuk salinan. Banyak penyelidik telah membuat kajian terhadap manuskrip-manuskrip di Arkib bagi tujuan pengkajian akademik iaitu tesis-tesis universiti, kertas-kertas kerja seminar dan artikel-artikel untuk dimuatkan dalam majalah-majalah tempatan seperti Bahana, Beriga, Pangsur, Berita Muzium dan sebagainya.

PENERBITAN

Setelah membuat penelitian dan penyelidikan, barulah hasil-basil kajian mereka ini diterbitkan bagi tatapan orang ramai. Antara pengkaji yang membuat penelitian berkaitan manuskrip ini dan telah diterbitkan ialah:

Oleh	Dalam	Kajian
Awang bin Ahmad	Bahana	Antara Berbagai Versi, Ciri-ciri Manuskrip, Identiti Manuskrip Brunei Lama, Manuskrip Berunsurkan Ugama, Manuskrip dan Pengarang, Manuskrip Lama Brunei, Manuskrip dan Penglibatan Tokoh Ugama, Menangani Manuskrip, Surat atau Manuskrip Lama dan Masalahnya.
	Kertas Kerja	Identiti Manuskrip Brunei Lama.
	Pangsur	Manuskrip Lama Brunei: Sumbangan dan Penglibatan Tokoh-Tokoh Ugama Masa Lalu.
Haji Abd. Hamid bin Jaluddin	Pangsur	Peranan Cerita-cerita Binatang dalam <i>Syair Awang Semaun</i> , Perbandingan <i>Syair Awang Semaun</i> dengan karya-karya dalam dan luar negeri, Perbandingan <i>Syair Awang Semaun</i> dengan Tradisi Lisan, Struktur Plot <i>Syair Awang Semaun</i> .
Haji Hashim Haji Abd. Hamid	Bahana	Memperkatakan <i>Syair Rakis</i> , <i>Syair Awang Semaun</i> - sebuah epik bangsa Brunei?
Haji Metassim bin Haji Jibah	Bahana	<i>Syair Awang Semaun</i> : Suatu penilaian sebagai sumber sastera rakyat dan sejarah.
Siti Hawa Haji Salleh	Kertas Kerja	Karya-karya Tradisional dalam bentuk Puisi Sorotan, khas kepada <i>Syair Awang Semaun</i> , <i>Syair Awang Semaun</i> : Contoh istimewa karya histriografi Melayu Tradisional dalam bentuk puisi.
Norma Ahmad	Bahana	Imej Istana dalam <i>Syair Rakis</i> .
Dk. Khatijah Pg. Haji Abd. Rahman	Berita Muzium	Pengenalan manuskrip secara ringkas, Kaedah Perubatan Melayu dalam kumpulan manuskrip Negara Brunei Darussalam.

MANUSKRIP DI DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA (DBP)

Mengikut penyelidikan yang dijalankan, setakat ini terdapat 109 buah manuskrip yang berada dalam simpanan DBP. Bilangan ini adalah yang kedua terbesar penyimpanan manuskrip lama di Brunei setelah Arkib Negara. Bilangan ini juga masih tidak berubah jika dibandingkan dengan bilangan hasil dari pengkajian pelajar-pelajar lain sebelum ini.⁴ Dipercayai pihak DBP mengumpul manuskrip ini sejak tahun 1968 dan kebanyakan manuskrip ini diperolehi dengan cara membelinya dari orang-orang perseorangan. Selain itu juga pihak DBP turut membeli salinan manuskrip lama dalam bentuk mikrofilem dari institusi luar negeri. Di antaranya ialah Bustanus Salatin, Kisasul Anbiya, Hikayat Abu Nawas, Hikayat Usul Majlis dan lain-lain.⁵

Setakat ini koleksi manuskrip Brunei yang terdapat di DBP dapat dibahagikan kepada beberapa bahagian; manuskrip yang berbentuk Hikayat, Syair, Pengajaran Ugama Islam, Perubatan, Surat Perjanjian, Catatan dan Laporan.

OLEH HAJI MUHD. NURUL AZRIN HAJI GANI

a. Jenis Hikayat

- Hikayat Dang Pandan Larangan (22 jilid); Hikayat Dang Rokam (20 jilid), Hikayat Dang Amas (8 jilid); Hikayat Seri Rama (2 jilid), Hikayat Raja Jum-Juma (1 jilid); Hikayat Awang Si Ambok, Hikayat Bujang Maliwala, Hikayat Awang Si Kanak, Hikayat Awang Kamaruddin, Hikayat Dang Suasa dan beberapa hikayat lain yang tidak berjudul.

b. Jenis Syair

- Syair Awang Semaun, Syair Ahmad Tajuddin, Syair Rajang, Syair Si Mercu Gunung, Syair Perempuan (Syair Rasi Jodoh), Syair Rakis, Syair Rakis Dua Belas, Syair Nasihat dan Syair Raja Jum-Juma (manuskrip tertua di DBP).⁶

- Syair Awang Semaun ada lima versi. Versi 'A' ada tiga jilid; Versi 'B' dua jilid; Versi 'C' satu jilid; Versi 'D' dua jilid dan Versi 'E' satu jilid.

- Manakala Syair Ahmad Tajuddin mempunyai tiga versi. Versi 'A' satu jilid, Versi 'B' dua jilid dan Versi 'C' satu jilid.

- Syair Rajang pula terdapat empat versi yang berlainan.

- Dan seterusnya Syair Si Mercu Gunung, Syair Perempuan (Syair Rasi Jodoh), Syair Rakis, Syair Rakis Dua Belas, Syair Nasihat dan Syair Raja Jum-Juma masing-masing mempunyai satu jilid.

c. Jenis Ugama

- Di antaranya ialah Kitab Babul Nikah, Kitab Berzanji, Fadilat Sembahyang, Kifiat Selawat, Hikayat Rasulullah Naik Ke Langit, Rukun Sembahyang, Rahsia Ilmu, Ilmu Hulubalang dan sebagainya.

d. Jenis Kitab Tip

- Di dalamnya mengandungi kaedah perubatan tradisi orang Brunei seperti tawar penyakit sinodong, tawar kanak-kanak sawan, tawar bisa-bisa, petua membuat air masak ngilu, petua membuat wafak, azimat dan tangkal.

e. Jenis Salinan Surat-surat Perjanjian

- Surat perjanjian ini adalah antara pembesar-pembesar Brunei dengan negara luar yang menjadi koleksi DBP. Misalnya Surat Gabenor Wales kepada Sultan Hashim Jalilul Alam Aqamaddin pada 18 Ogos 1887; Surat Sultan Omar Ali Saifuddin kepada Raja Inggeris Queen Victoria pada 29 Syaaban 1262; Surat Pemangku Gabenor North Borneo EP. Greritz kepada Pengiran Tengah Damit ibni Almarhum Pengiran Anak Bongsu pada 20 Julai 1904 dan Surat Sultan Omar Ali Saifuddin dan Pengiran Anak Momin kepada James Brooke, Gabenor dan Komisener Raja Rawak pada 11 Ramadan 1268.

f. Jenis Catatan Peristiwa

- Salinan Minit Mesyuarat Negeri tahun 1948, catatan mengenai Duli Pengiran Digadong menganugerahkan belanja Pitis kepada rakyat Brunei pada tahun Hijrah 1236 dan catatan mengenai wabak ketumbuhan paru nasi (cacar) di Brunei pada tahun Hijrah 1242.

MANUSKRIP DALAM BENTUK MIKROFILEM

1. Dang Rokam # 8 - 9, 2. Dang Rokam # 1 - 8, 3. Dang Pandan Larangan, 4. Ratib Saman, 5. Rampaian Laila Shaer - Muda Omar 'Ali Saifuddin, 6. Shaer Ahmad Tajuddin A, 7. Shaer Ahmad Tajuddin B, 8. Shaer Ahmad Tajuddin (000068), 9. Shaer Awang Semaun (000056) bersambung, 10. Shaer Awang Semaun, part I, 11. Shaer Awang Semaun, part II, 12. Shaer Awang Semaun, part III, 13. Shaer Awang Semaun, part I (000053), 14. Shaer Awang Semaun, part I, 15. Shaer Awang Semaun, part II, 16. Shaer Awang Semaun (000055), 17. Shaer Awang Semaun (000057), 18. Shaer Awang Semaun (000058), 19. Shaer Rajang, 20. Shaer Rajang A, 21. Shaer Rajang B, 22. Shaer Rajang C, 23. Shaer Rajang D, 24. Shaer Rajang, 25. Hikayat Dang Emas, part I - VI, 26. Hikayat Dang Emas 7 & 8, 27. Hikayat Si Mercu Gunung, 28. Hikayat Dang Rokam, bilangan 1, 2, 5 & 7, 29. Kitab Nasyid Rawatib Saman, 30. Syair Awang Semaun.

PENTRALITERASIAN

Apabila ditanyakan kepada pihak DBP, jumlah manuskrip yang telah ditraliterasi tidak dapat dipastikan bilangannya. Tetapi bolehlah dikatakan bilangan manuskrip yang telah ditraliterasi agak banyak. Antara manuskrip yang telah ditraliterasi di DBP ialah Syair Awang Semaun, Hikayat Awang Si Ambok oleh Rahim Dulani; Hikayat Seri Rama oleh Awang bin Ahmad; Hikayat Si Bujang Maliwala oleh Ampuan Haji Sabtu bin Ampuan Saifuddin; Hikayat Awang Si Kanak, Hikayat Awang Kamaruddin oleh Rahim Dulani; Shaer Rakis oleh Al-Marhum Pengiran Shahbandar Muhammad Salleh ibnu Pengiran Sarmayuda; Hikayat Dang Suasa oleh Ampuan Brahim Ampuan Haji Tengah dan sebagainya. Dengan adanya pentraliterasian ini, maka bermulalah kerja-kerja penelitian oleh ahli penyelidik.

CERPEN

DUDUKNYA amat gelisah sekali. Kitar kanan kitar kiri, terasa punggungnya yang nipis itu betul-betul di atas duri 'rokam'. Dia memang tidak suka jika diperhatikan demikian. Apatah lagi yang memerhatikannya itu adalah seorang lelaki.

Dia cuba mengalihkan pandangan ke sudut lain. Tapi sepasang mata yang memerhatikan dirinya itu muncul lagi, malah bertambah galak dan garang. Dia langsung tidak mengenali pemuda itu.

Pemuda itu memang tampan, pakai jubah putih ada misai dan jambang. Macam orang Arab. Bukan macam dirinya, pakai apa pun masih juga tidak lawa. Ada misai macam misai kucing, ada janggut macam janggut kambing. Entah macam mana isterinya boleh jatuh cinta padanya. 'Itu cerita dulu-dulu ...'

Wajah pemuda berjambang itu cerah ceria, barangkali kalau dia seorang wanita sedikit sebanyak pasti akan jatuh hati. Tapi mana ada orang jatuh cinta sesama laki-laki, kalau zaman Nabi Luth adalah. Barang dijauhkan Allah.

"Jangan-jangan Malaikat barangkali."

"Mana ada Malaikat siang-siang."

"Tapi tidak mustahil ..."

"Kalau malaikat pun bahapa ia ke mari?"

Hati kecil Haji Akbar berbantah-bantahan. Majlis Tahlil petang itu berjalan dengan lancar, walaupun dalam hati Haji Akbar bergelodak atas kehadiran pemuda tanpa diundang itu. Tiada seorang pun yang tau kecuali dia sendiri.

Allah memang telah mengetahuinya ...

Perasaan Haji Akbar agak tenang sedikit, pemuda yang sudah hilang. Ke mana?

Haji Budin tidak mahu tahu ke mana perginya, yang penting pemuda itu telah pun pergi. Alhamdulillah.

Majlis selesai ... hajat tuan rumah sudah sempurna. Para jemputan penuh hormat memohon diri untuk pulang dengan perut penuh berisi. Macam langit. Tuan rumah sambil angguk-angguk mengucapkan terima kasih satu penghargaan atas kehadiran mereka. Berjabat tangan dengan senyum pamanis muka tanpa mengira berapa sudah dibelanjakan. Namanya sedekah mana boleh dikira-kira.

Dalam perjalanan pulang di persimpangan jalan masuk ke rumahnya. Muncul lagi pemuda itu, malah lebih kacau dan lawa dari sebelumnya. Seperti biasa pemuda itu mendiapkan diri, cuma memerhatikan Haji Akbar begitu tajam sekali. Kerana itulah bagi Haji Akbar tikaman mata pemuda itu sudah cukup untuk menembusi tulang bidai-bidanya. Dia tewas dalam pertarungan pertama. Haji Akbar begitu nekad untuk berdepan dengan pemuda itu satu sama satu.

"Penyeluru banar tah anak ani," geram Haji Akbar. Pemuda itu tidak menunjukkan apa-apa reaksi. Malah dengan gelagatnya yang seumpama itu, makin memarakan lagi api kemarahan Haji Akbar.

"Ani mun kan berabis ... berabis tah."

Haji Akbar mula mengatur langkah dan memasang kuda-kuda. Pemuda itu masih tidak bergerak, cuma Haji Akbar yang sibuk-sibuk dengan langkah dan bunga silatnya. Walau apa pun yang dilakukan Haji Akbar, semuanya itu tidak berjaya memancing hati pemuda itu untuk berbuat sesuatu.

Haji Akbar merasa keletihan, lemah longlai seluruh anggotanya, umpama tidak ada sebatang tulang pun yang menyambung sendi-sendi badannya. Akhirnya Haji Akbar tersandar di seponok pokok yang rendah. Matanya dipejam-pejamkan kerana peluh yang mengalir di dahinya singgah di kelopak matanya yang merah itu. Sekali lagi pemuda yang menjadi bing keroknya itu menghilangkan diri.

Angin petang berhembus perlahan begitu menyebarkan, pokok-pokok bergoyang daun-daun melambai, seolah-olah melambai Haji Akbar. Suasana ketika itu benar-benar seperti sebuah tanah perkuburan yang terpencil.

Untunglah Haji Akbar bukan penghidap darah tinggi ataupun lemah jantung ... kalau tidak sudah lama Haji Akbar 'nuhun'. Sekali lagi Haji Akbar dikejutkan dengan goncangan pokok tempat dia tersandar keletihan. Haji Akbar melihat ke atas tidak ada apa-apa yang menye-

babkan pokok itu bergoncang. Angin cuma bertiup sepoi-sepoi bahasa, mana boleh menggoncangkan pokok yang begitu besar dan tinggi.

"Jangan kata daun-daunan, ambok pun boleh gugur mencapuk."

Spontan Haji Akbar teringat sebuah cerita lama yang diceritakan oleh arwah bapanya semasa ia kecil-kecil dulu. Semasa mereka 'mengurak balat', yang kebetulan dia ternampak beberapa ekor monyet sedang bergayut di atas 'bakau'.

Haji Akbar cuba bangkit tapi tidak terdaya, badannya benar-benar lembut macam sotong. Pokok tempatnya bersandar bergoncang lagi. Daun-daun kering berguguran melayang-layang dan berter-



bangkan di atas kepalanya.

Lama Haji Akbar mendiapkan diri. Sekunyal-kunyal sehelai daun kering tapi segar jatuh tersangkut di telinganya. Dia terkejut, daun itu diambilnya perlahan-lahan. Darahnya menyerap serta-merta, bulu romanya berdiri tegak, suasana keliling semakin menyeramkan.

Daun itu betul-betul pelik, belum pernah seumur hidupnya melihat daun yang seganjil itu. Di atas daun itu tertulis namanya sendiri, Haji Akbar bin Awang Damit. Di kampung itu cuma dia seorang yang bernama Haji Akbar. Hendak dikatakan mustahil tidak juga. Mana ada perkara mustahil jika Allah menghendakinya.

Haji Akbar bangun 'kuling kujang'. Dia melompat dan terus berlari meninggalkan tempat yang berpuaka itu. Hajjah Umi terkejut dan tercengang melihat telatah suaminya, yang sebelum ini tidak pernah berkelakuan begitu. Hajjah Umi tidak tentu rasa.

"Kenapa ni Bang Aji?" Hajjah Umi dengan rasa cemas memapah suaminya yang terduduk di muka pintu dan membawa masuk ke bilik.

"Jahat ujudku ... kan damam kadiaku ani," suara Haji Akbar mengeleter.

Hajjah Umi tambah risau, baru saja lepas menghadiri Majlis Kenduri Arwah Sekampung, tiba-tiba demam dan pucat langsai begini. Jangan-jangan 'keteguran' barangkali. Bisik hati kecil Hajjah Umi. Zaman internet pun ada keteguran kah ...

Kalau manusia original memang Haji Akbar tidak gentar. Entah mengapa dengan seorang pemuda seperti itu saja Haji Akbar sudah kecut perut. Sejak bila dia takut dengan orang? Dengan hantu pun dia tidak pernah takut. Dalam sejarah hidup Haji Akbar baru kali inilah dia merasa takut dan lari begitu ligat. Hajjah Umi pun turut kembang bulu.

"Mengapa ni Bang Aji?"

Haji Akbar memuncungkan bibirnya yang pucat macam terung itu ke arah di mana daun itu diletakkan. Hajjah Umi mengambil daun itu dan memerhatikannya. Tidak ada keanehan pada daun itu, cuma sehelai daun kering yang biasa dilihat di mana-mana. Tapi bagaimana pula sampai menakutkan suaminya sehingga lari lintang-pukang seolah-olah dikejar maut! Apakah benar maut mengejar orang.

"Buang daun itu ... buang!"

"Kenapa dengan daun ini Bang Aji?"

Hajjah Umi belum mengerti apa hubungan daun itu dengan suaminya. Cuma yang dapat dibayangkan oleh Hajjah Umi, suaminya termakan daun beracun. Kalaupun makan ulam-ulaman 'luan tah'

jua sampai tidak kenal mana daun yang boleh dimakan dengan tidak. Kambing pun pandai memilih daun. Kalau ulat bulu.

"Cuba kamu lihat tulisan atas daun itu ... itu kan nama aku."

Hajjah Ummi sekali lagi merenung dan membalik-balikkan daun itu. Atas ... bawah ... kanan dan kiri namun dia tidak nampak apa-apa, apa tah lagi nama suaminya. Cuma urat-urat daun yang berlingkar-lingkar macam taueh, itu saja yang Hajjah Ummi nampak.

"Kalau kamu nak tau setiap nama yang tertulis di daun itu, orang itulah yang akan dipanggil Allah untuk menghadap-Nya."

"Di mana Bang Aji mendengar cerita ni ... jangan bagai-bagailah Bang Aji."

"Ini bukan cerita lagi semua itu ustaz-ustaz yang cakap. Aku sendiri yang dengar semasa syarahan di Pusat Da'wah Islamiah dulu. Dalam buku pun ada," Haji Akbar menyakinkan isterinya.

Hajjah Umi diam dan akur dengan kata-kata suaminya itu. Dia tahu bahawa suaminya tidak berbohong, belum pernah sekali pun membohongi dirinya. Wajah Haji Akbar semakin pucat dan layu.

Hajjah Umi memandang wajah suaminya dalam-dalam, amat terharu dirasakannya, mahu saja dikongsikannya bersama penderitaan suaminya itu. Berat sama dipikul dan ringan akan mereka jinjing bersama.

Tapi apakah yang dapat dilakukan ketika itu oleh seorang isteri, cuma titisan air mata kehibaan terhadap seorang yang bergelar suami. Bagi Hajjah Ummi cuma suaminya itulah yang awal dan akhir.

Siapa tidak sayang pada suami. Namanya suami. Tempat berlindung, tempat berpaut dan berteduh. Walaupun umur mereka sudah lanjut, sudah dapat pencen tua. Namun kasih dan sayang

HAJAH UMMI MENANGIS

OLEH MAYA BRUNEI

mereka tetap seperti malam pertama. Bagaikan Romeo dan Juliet. Begitulah teguhnya ikatan suami isteri yang dijalin dengan tali cinta dari hati ke hati. Cuma maut yang dapat memisahkan mereka.

"Bawa mengucap banyak-banyak Bang Aji, ingat pada Allah," Haji Akbar diam. Dalam hatinya memuji-muji kebesaran Allah, beristighfar dan memohon ampun.

Haji Akbar nampak tenang, raut wajahnya lembut dan layu. Melihat itu Hajjah Ummi menarik nafas panjang, kelopak matanya mula digenangi air dan itulah kali pertama Hajjah Ummi menangis.

Haji Akbar memang pantang mendengar apa-apa majlis yang bercorak keagamaan, dia tidak mau ketinggalan baik yang berbentuk syarahan ataupun ceramah. Majlis yang seumpama itu seolah-olah tidak akan lengkap jika Haji Akbar tidak menghadirinya.

Tidak hairanlah jika Haji Akbar memperolehi banyak ilmu pengetahuan mengenai selok-belok agama, walaupun dia bukan seorang guru agama. Pernah satu ketika dulu penduduk kampung mahukan dia menjadi imam surau kampung mereka.

"Nak jadi imam tu nantilah dulu, tapi kalau nak jadi pegawai halal haram boleh jugalah sikit-sikit."

Haji Akbar tekun dan rajin menggali seberapa banyak pengetahuan agama, ini adalah untuk bekalan sepanjang perjalanan hidupnya hingga ke penghujung nanti. Sudah pastinya 'akhirat' sebuah negeri yang kekal dan abadi yang ingin dimiliki oleh semua orang. Semuanya itu bukan untuk apa-apa, jauh sekali guna meraih apa yang digelar 'tokoh'.

Sesuai dengan zaman kelahiran Haji Akbar lebih enam puluh tahun dulu, terlalu susah untuk mendapatkan orang yang betul-betul arif mengenai agama. Bukan seperti sekarang di mana-mana saja ada tempat belajar. Di masjid, surau-surau, rumah-rumah ibadat dan banyak lagi malah di pejabat-pejabat pun ada. Kita cuma tau suap.

Sekali air bah pantai akan tetap berubah. Pasang air ada surutnya, begitu juga seorang insan biasa seperti Haji Akbar. Sejak peristiwa itu dia seolah-olah 'inda beliur' lagi untuk menghadiri apa-apa majlis pun. Kerana dalam majlis yang seumpama itulah pemuda berjambang itu sering muncul.

Haji Akbar bertekad akan berdepan dengan pemuda berjambang itu secara jantan. Kewibawaannya tercabar dan dia merasa dayus jika tidak berbuat sesuatu. Dalam apa keadaan dan masa pun Haji Akbar akan tetap bersead. Biar pemuda berjambang itu tahu Haji Akbar pantang dicabar. Membujur lalu melintang pasti akan patah.

Majlis bertahlil berjalan begitu lancar dan teratur. Haji Akbar memerhatikan kiri dan kanan, tapi pemuda berjambang yang ditunggu-tunggunya itu tidak juga muncul-muncul. Haji Akbar senyum.

"Pandai kau takut ..." bisik hati kecil Haji Akbar.

Haji Akbar kini seolah-olah berada di atas angin. Sayup-sayup dedengannya suara orang ramai memuji kebesaran Allah. Begitu mendalam penghayatannya sehingga dia lupa akan keadaan sekelilingnya.

Menyerap darah Haji Akbar bila saja terasa pahanya ditindih orang. Pemuda berjambang yang ditunggu-tunggunya itu kini muncul di sebelah kanannya. Pelanduk memang mudah lupakan jerat, tapi jerat tidak mungkin lupakan pelanduk.

Haji Akbar merasakan dirinya sudah tidak berdaya. Tangannya kaku, mulutnya bagai dikunci dan badannya macam diikat. Dengan mata yang berair dia melihat pemuda berjambang itu tersenyum. Haji Akbar juga sempat melihat jenazahnya dikelilingi orang ramai sambil bertahlil ...

"Lailahaillallah ..."

"Lailahaillallah ..."

"Lailahaillallah ..."

Dari muka 11

PENELITIAN

Lazimnya penelitian terhadap manuskrip lama ini akan dijalankan setelah usaha-usaha pentraliterasian selesai. Tanpa pentraliterasian pada tahap awal akan menyukarkan penelitian terhadap manuskrip tersebut. Ini memandangkan pekerjaan penelitian adalah lebih rumit jika dibandingkan dengan kerja-kerja pentraliterasian. Jumlah penelitian para pengkaji terhadap manuskrip ini terlalu banyak. Antara naskhah-naskhah DBP yang telah dikaji oleh para pengkaji ialah :

Manuskrip	Penelitian oleh
Hikayat Awang Si Ambok	Rahim Dulani dan Awang bin Ahmad
Hikayat Seri Rama	Awang bin Ahmad dan Hamrin
Hikayat Si Bujang Maliwala	Ampuan Haji Sabtu bin Ampuan Saifuddin Mas Osman dan Haji Nayan Muhammad
Hikayat Awang Si Kanak	Rahim Dulani dan Dr. Haji Mohd. Yusof Haji Awang Damit
Hikayat Awang Kamaruddin	Rahim Dulani, Ampuan Haji Ibrahim Ampuan Haji Tengah
Syair Rakis	Al-Marhum Pg. Shahbandar Muhamamd Salleh ibnu Pg. Sarmayuda, Haji Abdul Hamid Jaluddin, Hamrin, Haji Kula Haji Md. Noor, Mohiddin Haji Mustapha, Pg. Dr. Haji Mohammad Pg. Haji Abdul Rahman dan Sulaiman Haji Duraman
Syair Awang Semaun	Haji Abdul Hamid Jaluddin, Chong Ah Fok, M. A. Rahman, Matussin Haji Md. Tahir, Dr. Haji Md. Yusof Haji Awang Damit, Siti Hawa Haji Salleh dan Suhardini
Syair Asli Rajang Hari	Haji Abdul Hamid Jaluddin, Ampuan Haji Ibrahim Ampuan Haji Tengah, Hashim Haji Abdul Hamid dan Muda Omar Ali Saifuddin
Diangdangan	Abdul Samad Banim dan Rosnah Januddin
Syair Nasihat	Aminah Haji Momin, Muda Omar Ali Saifuddin dan Hajah Rayah Md. Ali
Hikayat Siti Zubaidah	Hamrin
Diangdangan Bujang Sigandam	Hashim Awang dan Awang bin Ahmad
Syair Payung Mahkota Pancir Satria	Janawi Haji Ahmad
Syair Raja Jumjuma	M. A. Rahman
Silsilah Raja-Raja Brunei	M. A. Rahman
Hikayat Dang Amas	Mas Osman
Hikayat Raja-Raja Pasai	Matussin Haji Md. Tahir
Sejarah Melayu	Matussin Haji Md. Tahir
Rampaian Laila Syair	Muda Omar Ali Saifuddin, Palaniappan Periannan, Hajah Rayah Md. Ali dan Pg. Haji Badaruddin bin Pg. Ghani
Hukum Kanun Brunei	Siti Zaliha Haji Abu Salim
Hikayat Dang Suasa	Ampuan Haji Ibrahim Ampuan Haji Tengah

PENERBITAN

Jumlah penerbitan artikel-artikal kajian penyelidik ini agak menggalakkan. DBP mempunyai 109 naskhah manuskrip yang telah dikumpulkan dan pengkajian terhadap manuskrip ini sangat menggalakkan sambutanannya malah penerbitannya pun begitu lancar dijalankan. Kebanyakan kajian-kajian oleh pengkaji ini h anyalun diterbitkan melalui majalah-majalah tempatan. Walaupun manuskrip-manuskrip asli ini kurang penyebarannya disebabkan oleh masalah-masalah tertentu, tetapi sekurang-kurangnya manuskrip yang berbentuk salinan (photocopy) perlu diterbitkan dan didedahkan kepada masyarakat sekeliling melalui penerbitan-penerbitan khas. Antara manuskrip lama Brunei yang sudah diterbitkan ialah Syair Rakis, Syair Awang Semaun, Hikayat Awang Si Ambok, Hikayat Seri Rama, Hikayat Si Bujang Maliwala, Hikayat Awang Si Kanak, Silsilah Raja-Raja Brunei, Hikayat Awang Kamaruddin, Hikayat Dang Amas, Hukum Kanun, Hikayat Dang Suasa dan sebagainya.

MANUSKRIP SIMPANAN PUSAT SEJARAH BRUNEI

Dalam penyelidikan membuat temu bual dengan pihak Pusat Sejarah, manuskrip yang didapati terkumpul di Pusat Sejarah adalah sebanyak 103 naskhah di mana ianya disenaraikan mengikut

PENTRALITERASIAN, PENELITIAN DAN PENERBITAN MANUSKRIP : ANALISIS MUTAKHIR

susunan. Bilangan ini adalah yang ketiga terbesar kalau dibandingkan dengan simpanan Arkib Negara dan DBP. Apabila diselidik terdapat 89 naskhah yang berbentuk salinan, manakala hanya 14 naskhah yang asli.

Cara penyusunan naskhah ini masih mengikut cara tradisional iaitu setiap yang dijumpai akan terus disenaraikan. Kebanyakan koleksi manuskrip ini adalah hasil dari sumbangan orang ramai di mana naskhah asli itu disalin tanpa bayaran, kemudiannya naskhah asli itu dikembalikan semula kepada tuan yang empunya. Ada kalanya juga manuskrip ini dibeli dan disalin semasa pihak Pusat Sejarah membuat penyelidikan di luar negeri.

Manuskrip simpanan Pusat Sejarah ini juga telah dibahagikan kepada beberapa kategori iaitu kategori Hikayat, Salasilah Keturunan Sultan-sultan Brunei, Syair-syair dan Perubatan Tradisional. Susunan manuskrip di Pusat Sejarah ini adalah mengikut tahun dan angka bilangan yang telah didaftarkan seperti berikut :

Tahun	Jumlah	Tajuk
1962	2	Kedua-duanya tidak bertajuk.
1986	9	(1) Silsilah Keturunan dan Istiadat Raja-Raja (2) History of Brunei taken down from Haji Abdul Gafar and Abdul Momin of Sarawak in 1936 (3) Silsilah Raja yang Kerajaan Negeri-Negeri Brunei (4) Syair Sultan Ahmad Tajuddin (5) Pengembaraan Nakhoda Ragam (6) Hikayat Dang Amas (7) Syair Rajang Kuda (8) Syair Awang Semaun (Jilid I) (9) Syair Semaun (Jilid II).
1989	7	(1) Syair Fiqh Ugama (2) Syair Rajang Rampah (3) Syair Syurga (4) Syair Lapan Likur (5) Syair Sejarah (6) Syair Hikayat Rasulullah dan Sahabat (7) Syair Silsilah Keturunan Negeri Adam.
1990	9	(1) Syair Kiamat (2) Syair Sifat 20 (3) Syair Rasul-Rasul Allah (4) Syair Nabi Allah Ayyub Alaihissalam (5) Syair Jihad Lelaki dan Perempuan (6) Syair Hikayat Kamarul Zaman (7) Hikayat Indera Bangsawan (8) Hikayat Nur Muhammad dan Nabi Bercukur (9) Syair Rajang Buah Beriman Cinta Berahi.
1991	16	(1) Kitab Sifat Takluk dan Hikayat (2) - (6) Syair yang tidak bertajuk (7) Syair Rajang (8) Syair Kitab (9) Perjanjian dan Kumpulan Cap-cap Mohor Lama (10) - (16) Manuskrip asli yang tidak bertajuk.
1992	31	Antaranya : (1) & (2) Kitab asli yang tanpa tajuk (3) Kitab salinan yang tidak bertajuk (4) Syair yang tidak bertajuk (5) Syair Session of Labuan (6) Kitab Sifat 20 (7) Syair yang tanpa tajuk (8) Kumpulan Lampiran Surat-Surat Lampiran (9) Syair Lapan Likur Bulan Rejab (10) Hukum Kanun (11) Syair Perlembagaan Orang Brunei (12) Hikayat asli tanpa tajuk (13) Pemerintahan Raja Ternati (14) Hikayat Raja-Raja (15) Adat Istiadat Majalis Raja-Raja (16) Kanun (17) Hikayat Rasulullah (18) Hikayat Rasulullah Sayidina Ali (19) Tajul Salatin (20) Hikayat Syed Abdul Kadir Jailani (21) Sejarah Kerajaan Minangkabau (22) Kitab Undang-Undang mendirikan Imam-Khatib (Kitab Fiqh) (23) Silsilah raja-Raja Brunei dan Sambas (24) Silsilah Raja-Raja Brunei (25) Silsilah Raja-Raja Brunei (26) Silsilah Syed-Syed Sarawak oleh Sultan Usman bin Abdul Rahman (27) Syair Rajang Birah-Birahan Cinta Berahi (28) Khutbah Hari Raya [1323 Hijrah] (29) Doa dalam tulisan tangan.
1993	3	(1) Silsilah Raja-Raja Brunei (2) Silsilah Raja-Raja Brunei (3) Silsilah Kerajaan Sambas dan Brunei.
1994	4	Kesemuanya adalah kitab yang diperolehi dari Islamic University of Medinah. Saudi Arabia (Manuskrip dalam bahasa Arab).
1995	3	(1) Silsilah Raja-Raja Brunei (2) & (3) Silsilah Raja-Raja Brunei oleh Pg. Johor bin Pg. Israil.
1996	1	(1) Syair Rakis oleh Pg. Shahbandar Muhammad Salleh.
1997	6	(1) Al-Quran dalam tulisan tangan (2) Silsilah Sambas (3) Silsilah Keturunan Raja-Raja Brunei di Sabah (4) Naskhah tulisan tangan oleh Allahyarham Pehin Datu Imam Haji Abdul Mokti bin Haji Nasan (5) Silsilah Kerajaan Islam di Bolongan (6) Silsilah Keturunan Raja-Raja Aceh.
1998	9	Antaranya : (1) Surat Beras Kayu [1540] : mengenai Brunei diperolehi di Nasional Arkib of Portugal (manuskrip tertua di Pusat Sejarah) (2) Silsilah Keturunan Nabi Adam (3) Syair Sultan Ahmad Tajuddin (4) Sifat 20 (5) Kitab tulisan tangan dan Wakaf (6) Silsilah Keturunan Sultan Omar Ali Saifuddin I (7) Hukum Kanun dalam tulisan jawi.
2002	2	(1) Silsilah Kerajaan Sambas Sultan Muhammad Saifuddin (2) Kitab tulisan tangan tanpa tajuk.

PENTRALITERASIAN

Mengikut temu bual yang dijalankan, nampaknya masih banyak lagi manuskrip-manuskrip di Pusat Sejarah ini yang belum ditraliterasi. Antara manuskrip yang dikenal pasti telah ditraliterasi oleh pihak Pusat Sejarah dan para pengkaji ialah Syair Awang Semaun, Silsilah Raja-Raja Brunei, Hikayat Rasulullah Sayidina Ali, Kitab Tajul Salatin dan sebagainya. Tetapi maasih banyak manuskrip-manuskrip di Pusat Sejarah yang belum ditraliterasi. Ini menyebabkan manuskrip-manuskrip ini sukar untuk dikaji. Walau bagaimanapun satu usaha telah dilaksanakan oleh pihak Pusat Sejarah bagi mengadakan projek utnuk mentraliterasi naskhah-naskhah koleksi mereka ini.

PENELITIAN

Kalau diperhatikan terhadap manuskrip-manuskrip di Pusat Sejarah ini agak kurang jika dibandingkan dengan penelitian di DBP dan Arkib Negara. Kajian-kajian hanya dibuat terhadap manuskrip-manuskrip yang popular sahaja seperti Syair Awang Semaun, Silsilah Raja-Raja Brunei, Hikayat Dang Amas dan sebagainya. Tetapi mengikut temu bual yang dijalankan, pihak Pusat Sejarah memang mengakui masih banyak lagi manuskrip-manuskrip koleksi mereka dalam keadaan mentah iaitu belum dikaji dan tidak dirujuk. Jadinya mereka mengalu-alukan kedatangan para pengkaji untuk membuat rujukan dan kajian yang lanjut terhadap isi yang terkandung di dalam manuskrip ini.

PENERBITAN

Jumlah penelitian yang dibuat leh pihak Pusat Sejarah tidak dapat dipastikan secara tepat, tetapi dalam keadaan manuskrip yang masih banyak lagi mentah dan kurangnya pengkajian, jadinya agak kurang juga penerbitan yang dilakukan oleh pihak Pusat Sejarah. Kecuali terhadap manuskrip-manuskrip yang telah siap dikaji dan agak popular seperti Syair Awang Semaun, Silsilah Raja-Raja Brunei, Hikayat Dang Amas dan sebagainya.

KESIMPULAN

Brunei sebagai sebuah negara di alam Melayu juga memiliki manuskrip-manuskrip tersendiri. Sebilangan besar manuskrip ini telah disimpan oleh beberapa institusi-institusi yang terpenting di Brunei dengan jayanya seperti Arkib Negara, Dewan Bahasa dan Pustaka dan Pusat Sejarah. Institusi-institusi inilah yang bertanggungjawab menjaga dan memelihara manuskrip ini sebagai khazanah orang Melayu yang bernilai.

SARANAN

Terdapat beberapa saranan yang difikirkan boleh dilakukan bagi pihak-pihak tertentu :

- Dengan adanya manuskrip-manuskrip yang tersimpan ini maka diharapkan institusi-institusi tertentu bertanggungjawab dalam mengalu-alukan dan menarik minat para penyelidik agar membuat kajian yang selanjutnya terhadap isi kandungan manuskrip yang tersimpan itu. Ini memandangkan masih banyak lagi manuskrip-manuskrip ini yang belum dikaji.
- Elakkan daripada adanya sikap individualisme; menyimpan manuskrip ini bagi kepentingan perseorangan kerana kajian ini sangat penting sebagai khazanah ilmu orang-orang Melayu untuk diketahui oleh sekalian masyarakat sekarang.
- Manuskrip-manuskrip yang telah dikaji mestilah diterbitkan dengan secepat mungkin agar dapat disebarkan kepada orang ramai. Dengan ini kebudayaan Melayu masa lalu akan dapat dikembangkan sebagai pengetahuan generasi sekarang dan yang akan datang. Oleh yang demikian kerja-kerja pentraliterasian, penelitian dan penerbitan adalah sangat penting bagi mengembalikan naskhah itu ke tempat yang asal; mencari dan mendekati yang asli.
- Jadinya utnuk mencapai objektif ini, hindarkan kajian yang hanya menumpukan kepada satu naskhah semata-mata tanpa menghiraukan naskhah-naskhah yang lain. Ini hanya akan menambahkan bilangan versi naskhah tersebut. Kajian seharusnya dibuat secara analisis dengan cara membandingkan sesama naskhahnya. Hasil kajian akan mendekati naskhah yang asal.

BIBLIOGRAFI

Ampuan Haji Ibrahim Ampuan Haji Tengah, Dr., 'Peranan Manuskrip Melayu Dalam Memantapkan Kebudayaan Bangsa', *Beriga*, Brunei : Dewan Bahasa dan Pustaka, Oktober - Disember 2002.

Awang bin Ahmad, 'Identiti Manuskrip Brunei Lama', *Bahana*, Brunei : DBP, Mac 1989.

Awang bin Ahmad, 'Manuskrip Lama Brunei', *Bahana*, Brunei : DBP, September 1984.

Muhammad bin Haji Awang Damit, *Naskhah-Naskhah dan Manuskrip-Manuskrip Yang Berunsur Sejarah Di Brunei: Satu Tinjauan Awal dan Permasalahannya*, Latihan Ilmiah, UBD : Jabatan Sejarah, 1991.

Pengiran Omarali bin Pengiran Anak Hashim, 'Manuskrip Brunei : Sumber dan Maklumat', *Seminar Pengkajian Manuskrip Lama Melayu*, Brunei : Anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka, 12 - 14 Ogos 2003.

1. Dr. Ampuan Haji Ibrahim Ampuan Haji Tengah, 'Peranan Manuskrip Melayu Dalam Memantapkan Kebudayaan Bangsa', *Beriga*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Brunei, Oktober - Disember 2002, hlm. 3 (selengkapnya Dr. Ampuan Haji Ibrahim Ampuan Haji Tengah, 'Peranan Manuskrip Melayu Dalam Memantapkan Kebudayaan Bangsa').

2. Pengiran Omarali bin Pengiran Anak Hashim, 'Manuskrip Brunei : Sumber dan Maklumat', *Seminar Pengkajian Manuskrip Lama Melayu*, anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka, Brunei, 12 - 14 Ogos 2003, hlm. 3.

3. Muhammad bin Haji Awang Damit, *Naskhah-Naskhah dan Manuskrip-Manuskrip Yang Berunsur Sejarah Di Brunei : Satu Tinjauan Awal dan Permasalahannya*, Latihan Ilmiah, Jabatan Sejarah, UBD, 1991, hlm. 51 - 52.

4. Dr. Ampuan Haji Ibrahim Ampuan Haji Tengah, 'Peranan Manuskrip Melayu Dalam Memantapkan Kebudayaan Bangsa', hlm. 3.

5. Awang bin Ahmad, 'Identiti Manuskrip Brunei Lama', *Bahana*, DBP, Brunei, Mac 1989, hlm. 33 (selengkapnya bin Ahmad, 'Identiti Manuskrip Brunei Lama').

6. Awang bin Ahmad, 'Manuskrip Lama Brunei', *Bahana*, DBP, Brunei, September 1984, hlm. 19.

Halaman Puisi... Halaman Puisi... Halaman Puisi...

TITIAN PENDERITAAN

Bila dinihari nyala memancar di timur
depar dupa kian menggamit di dada
di maya gersang gandrungnya hati
kemampuan kian mati diganggang kedinginan.

Sejak mula hidup dalam senja dan warna
waktu bersua berpaling wajah muram di kaca
lanjutan citera lama telah kelu sendiri
menghiris hati bergarit melanda hidup yang duka.

Sungguh air mataku dipeluk sedih
menghadapi maya yang kekal indah dinaungi hidup
berjalan aku di titian penderitaan
di mana zaman mudaku disapu waktu.

EMOSI LARA

Kerdipan bintang malam dan kewangian ranjang
warna mencair dalam rembang menjingga
sedang kemahuan ghaib dari dendam yang ghairah
di puncak kemuliaan mengalir darah bernoda.

Di sini kita temasya dengan keriaan manusia
sedang ketinggian memaut dada, kepalsuan
berakar
di tengah bulan merangkai tangisan kasih
tak sampai
memekik dari sebuah emosi yang lara.

Dalam hidup pun hati tersemat cinta yang semarak
bertahun telah haus menggali gua hati sepi
relung bayang tergilas ujung malam yang redup
sebab keyakinan belum teguh, kepercayaan masih
lincah.

BERBAYANG KEHELAPAN

Ke manalah menatap pandang seluas lautan
ketika angin menghembus badan
di puncak kemuliaan mengalir darah bernoda
dalam hidup mencari kepastian bersama.

Di tengah-tengah pendakian kegelapan berbayang
pertukaran waktu hanyalah membenam rahsia
ketinggian memaut dada kepalsuan berakar.

Bila kehidupan sekadar suatu gambaran
akhirnya tersentuh derita melanda kepercayaan
di mana terasa keretakan hidup melesu
kemarahan senja mewarna-warna mendakap hati.

Alwi S. M.

PUISI HATI

Telah pecah buih di bibir mama
merkah bumi di tasik pusaka
kering air di kelopak mata
tangis sudah tiada bernada.

Pastinya belum juga
ikan pulang ke lubuk
sirih pulang ke gagang

pinang pulang ke tampuk
ke mana gerakan pergi merantau.

Ikan di laut asam di darat
ibarat 'anau dalam belukar'
mana perginya jati diri
bagai 'aur dengan tebing'
sepakat penuh berkat
hidup pasti selamat.

Kiranya masih terluka
jangan berputus asa
ikut rasa binasa
turut kata hati menyeksa diri.

Dunia belum kiamat
lorong-lorong belum tersumbat
ingatkan tamsil ibarat
sesal dahulu pendapatan
bertaubat sebelum terlambat.

Maya Brunei

PASRAH

Kau ciptakan ia
untukku
berikanku erti kasih sayang
berikanku erti kebahagiaan
berikanku erti kehidupan
berikanku erti kekeluargaan.

Kau ambil ia
dariku
berikanku penderitaan
berikanku kemusnahan
berikanku kesengsaraan
berikanku kemurungan.

Ku pasrah ...
dengan kehendak-Mu
Kau yang berkuasa
menciptakannya
Kau jua yang berkuasa
mengambilnya ...

LYN 135

KESETIAANKU

Aku berdiri di hujung senja
menunggu setia tepat waktu-Nya
air wuduk menyejukkan sukma
menyamankan rindu menyegarkan rasa
membuka cinta lewat usia.

Dari kesunyian senja itu
suara tajam lunak masuk waktu
aku bersegera dalam seruan
khusyuk menemu-Mu
tiada lain disembah
melainkan Allah
Tuhan seru alam.

Dari ruang kamar-Mu

terasa semakin mendalam cintaku
butir-butir tasbih berlegar di jari
kalimah tauhid setia bersemadi
bulat hati dalam taqwa.

Hidupku belum terlambat
masih berwaktu merapatkan diri
pasti kulabuhkan seluruh kesetiaan
ke hujung waktu.

DARI SUDUT MATAMU

Dari sudut matamu
terpancar kejernihan sifatmu
indah budi bahasa
rasa rendah hati manis pekerti
berbicara lembut dalam makna
bersopan santun gerak laku
biar mati anak jangan mati adat
itulah martabat Melayu.

Dari sudut matamu
terbayang kelembutan jiwa
beradat di langkah
taat dan setia pada raja
cintakan kedaulatan negara
memartabatkan Islam
sebagai pegangan hidup
yang sempurna.

Dari sudut matamu
Melayu itu sempurna
tidak akan hilang di dunia.

Mas Malinja

TERNYATA DUGAANMU

Ayang
desiran ombak di pantai
memecah kesunyian hening di waktu pagi
angin bayu berlagu sepoi-sepoi
dan mengikuti irama hempasan ombak
di pantai.

Ayang
di kala aku memandang air laut
dan akan membawa sebuah bahtera
menuju ke haluannya sendiri
ketika itu aku
termenung
dan teringat
kan oleh kata-kata bahasamu
semalam ...

Ayang
kau membuatkan hatiku
terusik
terguris
dan terluka
kau jua membuatkan air mataku
mengalir membasahi bumi bertuah ini.

Ayang
apabila aku terdengar kau
ketawa
bergurau
dan lalu memujukku ...
dengan perkataan 'aku masih
cinta padamu'.

Ayang
kini kusedari
dan kuketahui
ternyata itu hanyalah
dugaan semata-mata.

Ternyata kau lebih menyayangiku
lebih dari keluarga sendiri
ternyata dugaanmu adalah menduga
kesetiaanmu semata.

ASAI 113128

PERATURAN HALAMAN PUISI

SUKACITA menarik perhatian para penulis yang ingin menghantar puisi ke akhbar PELITA BRUNEI supaya akan dapat mematuhi peraturan-peraturan berikut:

1. Puisi hendaklah dialamatkan kepada:
PENERBIT HALAMAN PUISI,
BAHAGIAN AKHBAR,
TINGKAT 2, JABATAN PENERANGAN,
JABATAN PERDANA MENTERI,
LAPANGAN TERBANG LAMA,
BERAKAS, BB 3510,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.
2. Puisi mestilah ditaip dengan jarak dua (2) langkau (double spacing) dalam Bahasa Melayu menggunakan ejaan rumi baru.
3. Puisi hendaklah dihantar/dikirim ke alamat di atas dalam disket komputer (tulisan tangan tidak akan diterima).
4. Penulis hendaklah menyatakan nama penuh, nombor dan salinan kad pengenalan, alamat penuh, nombor telefon, nombor dan salinan akaun bank, alamat bank dan nama samaran (jika ada).
5. Penulis yang tidak mematuhi peraturan-peraturan ini tidak akan dilayan.



سنتیاس برسام بیسکیت
Sentiasa Bersama Biskita

سوسون رنچاغن تیلیشن

susunan rancangan TELEVISYEN

PIHAK RTB berhak menukar mana-mana jua rancangan

R A B U 25 OGOS	PAGI		9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan	12.00	SIARAN TAMAT		SPORT	8.00	BERITA NASIONAL
							5.45	BERITA	9.15	DRAMA - 'Impian'
	6.00	PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN	10.00	SUSUNAN RANCANGAN	PETANG		6.00	GEDGET AND GIZMOS	9.30	JASA MU
			10.05	DRAMA - 'Rahsia Perkahwinan'	4.00	LAGU KEBANGSAAN	6.30	AZAN MAGHRIB	10.00	NEWS AT 10
	6.02	MUTIARA FIRMAN			4.02	MUTIARA FIRMAN	6.45	SINAR	10.30	B-LEAGUE 2004
	6.12	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung	11.00	HOME STYLE: REAL ROOM	4.10	SUSUNAN RANCANGAN	MALAM		11.00	RITA & RAIHAN
					4.15	SESAME STREET	7.00	LIPUTAN SEMASA	11.30	THE INVESTIGATOR II
							7.25	LENSA PELAJAR		
							7.40	AZAN ISYAK	12.15	DOA DAN SIARAN TAMAT

K H A M I S 26 OGOS	PAGI	9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan	PETANG	6.30	AZAN MAGHRIB	8.50	AN NUUR - Siaran Langsung
	6.00	PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN	10.00	SUSUNAN RANCANGAN	6.45	FIQHUL MIRATS	10.00	NEWS AT 10
	6.02	MUTIARA FIRMAN	10.05	DRAMA - 'Rahsia Perkahwinan'	MALAM		10.30	DRAMA - 'Takhta Hati'
	6.12	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung	11.00	SAJIAN KITA - Ulangan	7.00	SURAH-SURAH PILIHAN	11.00	WAYANG PILIHAN - 'Hostile Advances'
	9.00	BERITA	11.30	LIPUTAN SEMASA - Ulangan	7.25	WARTA ISLAM	12.30	DOA DAN SIARAN TAMAT
			12.00	SIARAN TAMAT	7.40	AZAN ISYAK		
					8.00	BERITA NASIONAL		

J U M A A T 27 OGOS	PAGI	10.15	PERTANDINGAN BAHAS SEKOLAH-SEKOLAH DAN MAKTAB-MAKTAB TAHUN 2004 - PERINGKAT AKHIR	JUMAAT - Siaran Langsung	3.40	TAYANGAN GAMBAR HINDI - Sambungan	7.39	AZAN ISYAK
	6.00	PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN	11.30	BERITA	5.45	BERITA	8.00	BERITA NASIONAL
	6.02	MUTIARA FIRMAN	11.45	JEJAK RASUL SR. 8 - Ulangan	5.55	VET SCHOOL	9.00	KHUTBAH JUMMAT
	6.12	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung	12.30	SEMBAHYANG FARDU	6.29	CONFIDENTIAL	9.15	FIKIR-FIKIR
	9.00	BERITA			6.45	AZAN MAGHRIB	10.00	NEWS AT 10
	9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan				JALAN MENUJU ALLAH	10.40	ISTIADAT BERSURUH
	10.00	SUSUNAN RANCANGAN			MALAM		11.40	PENGANTIN DIRAJA
					7.00	LIPUTAN SEMASA	12.25	TELEDRAMA - '5 Ke 5'
					7.25	INSPIRASI INSAN SENI		DOA DAN SIARAN TAMAT

S A B T U 28 OGOS	PAGI	10.00	SUSUNAN RANCANGAN	12.05	DOKUMENTARI -Ulangan	4.15	BEYOND 2000	7.25	KLINIK KITA	
	6.00	PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN	10.05	KIDS HOUR : 'IRIS, THE HAPPY PROFESSOR/BOB THE BUILDER'	12.23	AZAN ZUHUR	5.00	MONSTER BY MISTAKE	7.39	AZAN ISYAK
	6.02	MUTIARA FIRMAN			PETANG		5.25	SUPERMODEL	8.00	BERITA NASIONAL
	6.12	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung	10.55	WONDERFUL WORLD OF PLANT - Siri Baru	12.50	PANGGUNG PETANG SABTU - 'Isabel's Choice'	5.45	BERITA	8.50	HIBURAN HUJUNG MINGGU
	9.00	BERITA	11.20	DRAMA : 'Kaca dan Permata' - Ulangan	2.20	KAMPUNG KITA - Ulangan	6.00	WILD RESCUE SR. IV		
	9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan	11.30	BERITA	2.50	OUTER BOUNDS	6.29	AZAN MAHGRIB	10.00	NEWS AT 10
					3.20	LADY COP	6.45	PEDOMAN AQIDAH SR. 7	10.30	TAYANGAN GAMBAR - 'Crash Course'
					3.32	AZAN ASAR				
							MALAM			
							7.00	DUNIA ASIA	12.00	DOA DAN SIARAN TAMAT

A H A D 29 OGOS	PAGI		11.10	PIMPING		Ulangan	MALAM		JAGA DAN PERSEMBA-	
			11.30	BERITA	3.15	PETER BENCHLEY'S			HAN BERCORAK UGAMA	
	6.00	PEMBUKAAN/LAGU	11.45	SUNDAY MATINEE -	3.31	AZAN ASAR	7.00	KUIZ KENALI TANAH	SERTA PERSEMBAHAN	
		KEBANGSAAN		"To Heal A Nation"	4.15	ZURIAT		AIRKU SR. 2	KEBUDAYAAN	
	6.02	MUTIARA FIRMAN	12.23	AZAN ZUHUR	4.40	ASPIRASI - Ulangan	7.38	AZAN ISYAK	11.30	TIRAI KELUARGA -
	6.12	RAMPAI PAGI -			5.10	ANIMATION -	8.00	BERITA NASIONAL		Sambungan
		Siaran Langsung	PETANG			'Sleeping Beauty'	8.50	KONVENSyen	12.20	MUTANT X -
	9.00	BERITA				TOYOTA WORLD OF		KEBANGSAAN PROMOSI		'A Bread Apart'
	9.15	RAMPAI PAGI -	1.30	ENGLISH PREMIER	5.35	WILDLIFE		KESIHATAN		RETURN TO ATHENS
		Sambungan		LEAGUE 2004/2005 -		BERITA	9.20	TIRAI KELUARGA -	1.05	SIARAN LANGSUNG
			PREVIEW	5.45	BIOLOGIC		'Selendang Merah'	1.30	UPACARA PENUTUP	
	10.00	SUSUNAN RANCANGAN	1.45	ENGLISH PREMIER	6.10	AZAN MAGHRIB	10.00	NEWS AT 10		SUKAN OLIMPIK 2004
	10.10	KIDS HOUR: ROCKET		LEAGUE 2004/2005 -	6.28	PENGAJARAN DARI	10.30	ISTIADAT MEMBUKA		DARI ATHENS
		KIDZ/LEGACY OF SILVER		HIGHLIGHT	6.45	AL-QURAN		GENDANG JAGA-JAGA,		DOA DAN SIARAN TAMAT
		SHADOW	2.40	TETAMU SUKAN -				ISTIADAT BERJAGA-	4.30	

I S N I N 30 OGOS	PAGI		9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan	12.00	SIARAN TAMAT	5.45	BERITA	7.38	AZAN ISYAK
	6.00	PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN	10.00	SUSUNAN RANCANGAN	PETANG		6.00	ANIMALIA	8.00	BERITA NASIONAL
	6.02	MUTIARA FIRMAN	10.05	DRAMA - 'Rahsia Perkahwinan'	4.00	LAGU KEBANGSAAN	6.28	AZAN MAGHRIB	8.50	DRAMA - LANDASAN
	6.12	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung	11.00	MENU JENAKA - Ulangan	4.02	MUTIARA FIRMAN	6.45	BIMBINGAN KELUARGA	9.30	MENARA SUMBER SR. 3
	9.00	BERITA	11.30	DOKUMENTARI - 'Tech Watch'	4.10	SUSUNAN RANCANGAN	MALAM		10.00	NEWS AT 10
					4.15	KIDS HOUR - 'NILUS THE SANDMAN/BIG GARAGE'	7.00	LIPUTAN SEMASA	10.30	TETAMU SUKAN
					5.15	HOW TO OUTDOOR	7.25	MASAK TARUS	11.00	NAVY SEALS CLASS 234
									12.00	DOA DAN SIARAN TAMAT

S E L A S A 31 OGOS	PAGI		Sambungan	PETANG	5.45	BERITA	7.37	AZAN ISYAK
	6.00	PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN	10.00	SUSUNAN RANCANGAN	6.10	KIDSINAR	8.00	BERITA NASIONAL
	6.02	MUTIARA FIRMAN	10.05	DRAMA - 'Rahsia Perkahwinan'	6.27	AZAN MAGHRIB	8.50	KAMPUNG KITA
	6.12	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung	11.00	GELAGAT MENUMPAH - Ulangan	6.45	AL ISLAM	9.30	INSAF
	9.00	BERITA	11.30	LIPUTAN SEMASA - Ulangan	MALAM		10.00	NEWS AT 10
	9.15	RAMPAI PAGI -	12.00	SIARAN TAMAT	7.00	DRAMA - 'Luahan Hatiku'	10.30	WORST CASE SENARIO -
					7.25	DOKUMENTARI - 'Mkomazi - Return Of The Rhino'	11.15	DARK SKIES - Siri Baru
						'Merimbun Tasek Lagenda'	12.00	DOA DAN SIARAN TAMAT

Oleh
Abdullah Asgar

BERAKAS, 1 Ogos. - Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Digadong Seri Lela Dato Seri Paduka (Dr.) Haji Awang Hussain berkata, pemodenisasi telah membawa fenomena obesiti atau lebih berat badan yang melanda kebanyakan penduduk di negara ini.

Katanya, banyak anak-anak sekolah dan orang dewasa mengalami masalah berat badan bahawa berlebihan yang disebabkan oleh cara hidup yang moden dan terlalu kurangnya kegiatan senaman.

Yang Berhormat antara lain menyarankan bahawa penjagaan kesihatan yang teratur perlu diamalkan yang antaranya melalui pengambilan makanan yang seimbang dengan kegiatan senaman yang berterusan.

Yang Berhormat berucap demikian sebelum menutup rasmi Kongres Perubatan Sukan Persekutuan Asia Ke-7 AFSM-BDNOC yang diadakan di Pusat Persidangan Antarabangsa, di sini.

Jelasnya, dalam konteks ini perubatan sukan dan sains tidak diragukan lagi memainkan peranan penting dalam mempromosikan kesedaran yang seumpamanya.

Menurutnya, atas kefahaman pada sains sukan dan perubatan sukan khususnya boleh menyumbangkan satu cara yang



MENTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Digadong Seri Lela Dato Seri Paduka (Dr.) Haji Awang Hussain menyampaikan cenderamata kepada seorang penceramah Kongres Perubatan Sukan Persekutuan Asia Ke-7 AFSM-BDNOC. - Gambar oleh Masri Osman.

Penjagaan kesihatan teratur perlu diamalkan

besar pada mempromosikan hidup sihat.

"Oleh itu, sebagai profesional ia adalah sangat sesuai bagi seseorang untuk proaktif dalam mempromosikan kesihatan bagi memastikan yang kesihatan dan keadaan bukan hanya untuk atlet-atlet, akan tetapi juga masyarakat kita dan generasi akan datang," katanya.

Tambahnya, beliau sangat mengharapkan lebih banyak interaksi seumpama itu akan dapat diadakan dan segala informasi dan pengetahuan yang diperolehi dalam kongres itu akan dapat digunakan dan pantulan mengenainya

yang serupa perhimpunan dari ahli-ahli perubatan sukan sebagai satu pelan masa depan yang strategi di dalam bidang ini akan dapat diadakan.

Kongres selama tiga hari itu disertai oleh 76 buah negara dari sekitar Asia dan melibatkan lebih 217 peserta dari dalam negeri serta 68 peserta luar.

Sebanyak 21 orang penceramah telah diundang khas untuk menyampaikan ceramah dalam pelbagai tajuk, di samping 17 orang pakar Persekutuan Sukan Asia, Perubatan Sukan Antarabangsa dan dalam negeri untuk mengongsikan kepakaran

mereka masing-masing.

Antara yang menarik ketika kongres berjalan ialah kertas kerja yang menggariskan cara pemulihan kecederaan ketika bersukan, pengurusan masalah stress dalam sukan, mengenai bagaimana meningkatkan 'performance' dalam sukan dan anti-doping serta masalah dadah dalam sukan.

Pada majlis malam itu tetamu kehormat juga menyampaikan cenderamata kepada penceramah undangan, pakar-pakar, presiden-presiden sukan antarabangsa dan wakil-wakil tempatan.

Pembaca baru Al-Quran punyai potensi besar

Oleh Samle HJ

BERAKAS, 4 Ogos. - Pembaca-pembaca baru Al-Quran negara ini mempunyai potensi besar untuk menjadi qari dan qariah yang lebih baik dan cemerlang kalau tidak berjuang hanya di separuh jalan.

Mesuarat pengerusi jemaah hakim, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Salim ketika dihubungi di pejabatnya oleh wakil PELITA BRUNEI, katanya secara peribadi bolehlah dikatakan bahawa tahap pembacaan kebanyakan qari dan qariah tidaklah menampakkan kemajuan yang besar seperti yang diharapkan.

Katanya, kekurangan itu masih jelas dihadapi oleh pembaca-pembaca yang sudah lama berkecimpung dalam pembacaan Al-Quran, walaupun mereka sudah lama bergiat dalam bidang pembacaan Al-Quran akan tetapi pencapaian mereka tetap seperti biasa saja, tidak banyak menunjukkan peningkatan.

"Namun satu yang dapat dibanggakan ialah pencapaian pembaca-pembaca baru yang sudah dapat mengalahkan pembaca senior ketika di peringkat separuh akhir lagi, akan tetapi masih juga terdapat beberapa kelemahan di kalangan mereka dan perkara ini perlukan pembaikan jika mereka benar-benar mahu menjadi seorang pembaca yang baik dan bertaraf antarabangsa," jelasnya.

YDM menambah, ketika pertandingan akhir dijalankan, banyak didapati oleh jemaah hakim kesalahan berulang kali dilakukan oleh pembaca antaranya sebutan, huruf panjang-pendek, suara tinggi-rendah,

lagu fasahah dan banyak lagi.

YDM berpendapat, perkara tersebut mungkin boleh saja diatasi jika para pembaca banyak menjalani latihan dalam jangka masa yang panjang atau tidak menjalani dalam latihan tergesa-gesa seperti banyak diamat-amati oleh para hakim.

"Apa yang perlu dilakukan oleh para pembaca mulai sekarang ialah banyak berlatih membaca dengan guru-guru atau Al-Hafiz yang terdapat di negara ini kalau mereka benar-benar ingin mahu menjadi seorang qari bertaraf antarabangsa," katanya.

Tetapi apa yang diketahui, tambahnya, para pembaca banyak menjalani membaca ketika hendak hampir bertanding maka kerana ini beberapa kesalahan dan kesilapan sering berlaku dan sukar untuk diatasi memandangkan waktu yang terhad.

Katanya, untuk menjadi pembaca yang benar-benar dapat menjiwai Al-Quran, seseorang pembaca itu haruslah terus berlatih jangan sambil lewa saja buatlah persiapan yang secukupnya jangan ala kadar saja, kerana dalam pembacaan Al-Quran itu sendiri banyak perkara yang wajib diketahui dan dipelajari dan yang mengambil masa sedikit dan pengorbanan individu itu sendirilah yang paling utama jika mahu berjaya dalam pembacaan Al-Quran.

Menteri Pembangunan menerima kunjungan muhibah

Oleh
Abdullah Asgar

BERAKAS, 2 Ogos. - Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri Setia Dr. Haji Awang Ahmad sangat mengalu-alukan lawatan muhibah yang dibuat oleh Menteri Kesihatan Awam Afghanistan, Puan Yang Terutama Dr. Sohaila Seddiq dan rombongan ke negara ini.

Yang Berhormat menerima kunjungan muhibah PYT dan rombongan

di Kementerian Pembangunan di Lapangan Terbang Lama Berakas di sini.

Antara yang menyertai rombongan PYT ialah Duta Besar Afghanistan Bagi Australia dan New Zealand, Tuan Yang Terutama Mahmoud Saikal.

Juga hadir dalam kun-

jungan tersebut termasuklah Setiausaha Tetap Kementerian Pembangunan, Awang Haji Matasan bin Haji Daud.

PYT dan rombongan berada di negara ini juga telah menghadiri Seminar Konvensyen Kebangsaan Promosi Kesihatan 2004 dan membuat lawatan ke pusat kebajikan dan pusat-pusat kesihatan kerajaan. PYT berada di negara ini dari 29 Julai hingga 5 Ogos.

Kementerian Pendidikan sentiasa galakkan kegiatan sains

Oleh
Samle HJ

BERAKAS, 9 Ogos. - Kementerian Pendidikan melalui Pusat STEP akan sentiasa menggalakkan penyertaan negara terutama dalam kegiatan sains yang mempunyai nilai pendidikan dan aktiviti sains di peringkat serantau dan antarabangsa.

"Penggalakan itu adalah untuk memberikan pendedahan kepada pelajar-pelajar Negara Brunei Darussalam kepada perkembangan dan penemuan terbaru di bidang berkenaan," jelas Timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Pendidikan, Awang Haji Ishaaq di Majlis Doa Selamat bagi rombongan Negara Brunei Darussalam ke 'The 1st APEC Youth Leadership Summer Camp For Science Gifted', di Busan, Korea yang berlangsung di kementerian itu, di sini.

Di perkhemahan itu, negara telah disertai oleh dua orang pegawai dan enam orang pelajar masing-masing dari Menengah 6, Menengah 4, Menengah 2 dan Menengah 1.

Awang Haji Ishaaq berharap semua pelajar yang terpilih akan dapat sedaya upaya mengikuti semua kelas-kelas sepanjang perkhemahan dan mengambil aktif serta menimba pengalaman dan seterusnya dapat dikongsikan bersama rakan-rakan di negara ini nanti.

Dalam masa yang sama, beliau juga menggesa agar para pelajar dan guru-guru pegawai sama-sama bertanggungjawab menjaga nama baik negara, di samping mematuhi atur

cara pihak penganjur.

Perkhemahan itu merupakan kali pertama diadakan yang dianjurkan oleh Ministry of Science and Technology (MOST) dan Kungnam Institute of The Gifted Education In Science (KIGES), Busan, Korea.

Negara Brunei Darussalam akan menyertai ketiga-tiga kategori yang dibahagikan mengikut peringkat umur.

Perkhemahan selama 10 hari itu akan memfokuskan kepada program memperkembangkan dan memperkayakan dan mempromosikan subjek tersebut kepada pelajar-pelajar untuk lebih berminat dalam 'advanced engineering and science subject'.

Antara objektif utama perkhemahan tersebut ialah untuk memberikan peluang

kepada pelajar-pelajar menggunakan kecekapan berfikir dalam bidang sains dan matematik, menggalakkan perkembangan pengetahuan pelajar-pelajar bersama teknologi sains yang terkini, dan mewujudkan rangkaian komunikasi di antara negara-negara APEC.

Pada keseluruhannya, perkhemahan ini memberi peluang kepada para peserta mempelajari kemahiran terbaru, mencuba aktiviti-aktiviti terkini, di samping dapat bergaul mesra dengan perwakilan-perwakilan dari kalangan negara-negara APEC.

Sebelum para peserta negara berlepas, Pusat STEP telah membuat persediaan dan latihan dengan hasrat memberi pengalaman dan pengetahuan kepada rombongan negara sebelum bertolak menyertai perkhemahan tersebut.



